

**MALAYSIA
DE WAN NEGARA**

Rabu, 10 Mei 2000

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.15 pagi

DOA

PENGUMUMAN SETIAUSAHA DEWAN NEGARA

Ketiadaan Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua

Setiausaha [Encik Abdullah Abdul Wahab]: Ahli-ahli Yang Berhormat, menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 6(1) saya ingin memaklumkan bahawa Tuan Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua tidak dapat mempengerusikan Majlis pada masa ini. Oleh itu, saya mohon supaya Majlis mengusulkan perantikan seorang Pengerusi untuk hari ini.

USUL

**MEMANGGIL SEORANG AHLI BAGI MEMPENGERUSIKAN
MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 6(1)**

Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi: Ahli-ahli Yang Berhormat, menurut Peraturan Mesyuarat 6(1) saya mencadangkan Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman mempengerusikan Majlis.

Tuan N. Marimuthu: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mohon menyokong.
[Tepuk]

Setiausaha: Ahli-ahli Yang Berhormat, Usul sebagaimana yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat itu tadi hendaklah diputuskan.

Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

Setiausaha: Ahli-ahli Yang Berhormat saya mempersilakan Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman untuk mempengerusikan Mesyuarat.

[Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman *mempengerusikan Mesyuarat*]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Tuan Parasuraman a/l Sanasamy** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan mengapa cadangan memperkenalkan alat penimbang berbentuk dua muka untuk menggantikan alat sedia ada yang berbentuk satu muka belum lagi dilaksanakan kerana bekalannya belum ada atau pun timbang berbentuk dua muka ini masih lagi dalam ujian oleh kementerian atau SIRIM.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tuan Wong Kam Hoong]: Tuan Yang di-Pertua, tarikh berkuat kuasanya cadangan mewajibkan penggunaan alat timbang neraca spring, dengan izin, spring balance berbentuk dua muka dalam urusan perdagangan ialah pada 1 Januari 2001 sebagaimana yang telah diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Pengumuman awal ini adalah dibuat bagi membolehkan peniaga-peniaga yang menggunakan neraca spring satu muka membuat peralihan kepada spring dua muka secara berperingkat-peringkat. Di samping itu, pengumuman awal ini juga bertujuan memberi peluang yang cukup kepada pihak-pihak yang terlibat seperti pembuat, pembaik dan penjual alat timbang menyediakan diri dengan keperluan tersebut.

Kementerian telah pun berbincang dengan pelbagai pihak termasuk pihak industri dan SIRIM Berhad selaku Penyimpan Timbang dan Sukat, dengan izin, Custodian of Weights and Measures. Adalah dikenal pasti bahawa pembekal-pembekal alat-alat timbang dan sukat mampu menyediakan dengan secukupnya bekalan alat timbang neraca spring dua muka dan pelaksanaannya akan memenuhi keperluan teknikal seperti yang ditentukan oleh SIRIM. Sekian, terima kasih.

Tuan Zainal bin Rampak: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu sama ada kementerian bercadang untuk mengadakan pegawai-pegawai enforcement officers, dengan izin, diletakkan di pasar-pasar borong, pasar-pasar basah untuk memastikan timbangan, belian dan sebagainya.....

Tuan Wong Kam Hoong: Yang Berhormat, tolong kuat sedikit.

Tuan Zainal bin Rampak: Suara saya ini serak sedikit oleh kerana Hari Buruh, saya masih lagi mempunyai masalah suara. Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ialah saya ingin bertanya kepada kementerian sama ada kementerian bercadang untuk mengadakan pegawai-pegawai enforcement, dengan izin, diletakkan di pasar-pasar borong dan pasar-pasar basah di merata negeri bagi memastikan barangan yang dibeli oleh pengguna kalau mereka tidak puas hati atas timbangan yang dibuat oleh peniaga, dia boleh keluar menemui pegawai-pegawai kementerian

Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna untuk menimbang semula sama ada timbangan tersebut betul ataupun tidak. Ini demi untuk memastikan pengguna mendapat barangan selain daripada pembelian mereka dengan adil, pembayaran telah dibuat dan supaya pengguna dapat perlindungan daripada hasil tindakan-tindakan yang telah dijalankan oleh kementerian bagi melindungi pengguna dalam negara kita. Terima kasih.

Tuan Wong Kam Hoong: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Zainal bin Rampak. Sebenarnya petugas penguat kuasa kementerian saya sebagai tugas harian mereka memeriksa tempat-tempat pasar malam, pasar basah dan sebagainya untuk menentukan alat-alat timbang dan sukat yang digunakan oleh peniaga-peniaga adalah tepat pada beratnya. Untuk makluman Yang Berhormat, bagi tahun ini iaitu sehingga 5 Mei 2000 sebanyak 917 tindakan kes telah diambil berhubung dengan kesalahan-kesalahan di bawah Akta Timbang dan Sukat 1972 yang melibatkan penyitaan alat timbang dan sukat yang bernilai kira-kira RM72,000. Kesalahan-kesalahan utama ialah menggunakan alat timbang dan sukat yang tidak disahkan, menggunakan alat timbang dan sukat yang tidak seimbang dan menggunakan alat-alat atau unit-unit timbangan dan sukatan selain daripada sistem matriks. Sekian, terima kasih.

2. **Tuan Benedict Bujang Tembak** minta Perdana Menteri menyatakan

- (a) sehingga sekarang berapakah bilangan pejabat-pejabat kerajaan dan badan-badan berkanun yang telah mencapai taraf ISO 9000 di Sarawak; dan
- (b) apakah langkah-langkah yang dicadangkan untuk memastikan supaya semua pejabat kerajaan dan badan berkanun dapat mencapai taraf ISO 9000.

Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri [Datuk Douglas Uggah

Embass]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Sehingga 2 Mei 2000 sejumlah 17 pejabat-pejabat kerajaan dan badan-badan berkanun di negeri Sarawak telah dianugerah sijil MS, ISO 9000 Perkhidmatan Awam.
- (b) Langkah-langkah yang dicadangkan untuk memastikan semua pejabat kerajaan dan badan berkanun dapat mencapai ISO 9000 adalah seperti berikut:

- (i) Unit Pemodenan Pentadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) dan Institut Pentadbiran Awam Malaysia (INTAN) yang ditugaskan untuk membantu agensi-agensi kerajaan yang hendak melaksanakan MS ISO 9000. MAMPU diberi tugas untuk memberi khidmat perundingan dan menjalankan pengauditan bagi tujuan pensijilan MS ISO 9000 Perkhidmatan Awam Malaysia. INTAN pula telah ditugaskan untuk memberi latihan dalam kemahiran untuk mendokumenkan sistem kualiti serta kemahiran untuk menjalankan audit kualiti dalaman.
- (ii) Bagi mempercepatkan khidmat perundingan, MAMPU telah memperkenalkan penggunaan model bagi sistem kualiti di agensi-agensi yang sama. Fungsinya seperti pihak berkuasa tempatan, Pejabat Daerah dan Tanah, Jabatan Pertanian, Jabatan Perkhidmatan Awam, Jabatan Perhutanan, Jabatan Perikanan, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Jabatan Agama Islam Negeri, Mahkamah Syariah, Jabatan Muzium dan Pejabat Pengarah Kesihatan negeri.

Dengan menggunakan model ini sistem dan prosedur jabatan berkenaan akan selaras dan proses mendokumentasikan sistem kualiti akan dipercepatkan, justeru akan mempercepatkan pelaksanaan MS ISO 9000 di agensi-agensi berkenaan. Sebanyak 11 model telah diwujudkan dan sedang dilaksanakan di pejabat-pejabat berkenaan.
- (iii) Bagi agensi-agensi yang tidak mendapat khidmat perunding MAMPU mereka dibenarkan untuk melantik perunding swasta untuk membantu mereka dalam pelaksanaan MS ISO 9000. Akhirnya MAMPU memantau pelaksanaan program ini dan seterusnya mengemas kini langkah-langkah yang perlu

dilaksanakan bagi membantu agensi-agensi kerajaan dalam pelaksanaan program ini.

Datuk Tee Thiong Hock: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Memandangkan ISO adalah satu tanda pencapaian kecekapan dan efficiency adalah kerajaan akan membuat satu polisi untuk mengarahkan semua jabatan untuk mencapai status ISO dalam satu-satu tempoh masa. Terima kasih.

Datuk Douglas Uggah Embas: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat. Memang hasrat kerajaan untuk menentukan semua jabatan kerajaan dan agensi-agensinya mendapat ISO 9000. Maka ke arah itu kita telah pun membuat jadual bahawa semua jabatan ini diharapkan dapat ataupun sekurang-kurangnya merancang untuk mendapat ISO 9000 pada penghujung tahun ini.

3. **Tuan Khoo Lay Hin** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apa sebabnya nama negeri kita yang dicetak di Sijil Kelahiran (birth certificate) ialah Tanah Melayu dan bukan Malaysia walaupun nama Malaysia adalah nama rasmi negara kita

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Chor Chee Heung]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Sijil Kelahiran yang diguna pakai pada masa sekarang ialah mengikut format yang ditetapkan di dalam Kaedah-kaedah Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1958 di mana pada ketika itu Malaysia masih belum ditubuhkan. Walau bagaimanapun, dengan pelaksanaan pengkomputeran di Jabatan Pendaftaran Negeri, kementerian sedang mengambil tindakan meminda kaedah-kaedah tersebut dan perkataan "Malaysia" akan digunakan di dalam Sijil Kelahiran tersebut bagi menggantikan perkataan "Tanah Melayu". Sekian.

4. **Tuan Haji Abdul Wahid bin Varthan Syed Ghani** minta Perdana Menteri menyatakan berapakah bilangan rumah yang akan dijual oleh Putrajaya Holdings Sdn. Bhd. kepada kakitangan kerajaan. Adakah harga jualan akan diberi subsidi memandangkan ramai kakitangan kerajaan yang akan berpindah ke kawasan persekitaran tersebut.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia]: Tuan Yang di-Pertua, perancangan asal pelan induk pembangunan Putrajaya memperuntukkan pembinaan rumah kediaman sebanyak 67,000 unit daripada pelbagai jenis. Sebanyak 35,000 unit atau 52% telah diperuntukkan untuk pegawai dan kakitangan kerajaan bagi dijadikan kuarters untuk kediaman pegawai dan kakitangan. Sebagai tambahan, kerajaan telah memutuskan bilangan rumah yang akan

dijual kepada kakitangan kerajaan adalah sebanyak 12,213 unit terdiri daripada 6,600 unit rumah kediaman biasa iaitu banglo, rumah berkembar, teres dan apartment dan 5,613 unit rumah mampu milik. Harga jualan rumah mampu milik ialah RM49,000 seunit manakala rumah kediaman biasa yang lain akan dijual pada kadar harga yang akan ditetapkan oleh kerajaan mengikut jenis lokasi dan keluasan rumah tersebut. Dengan kata lain, kerajaan sedang meneliti jumlah subsidi yang sesuai supaya ianya di dalam lingkungan kemampuan pegawai-pegawai kerajaan membelinya.

Kesimpulannya, keseluruhan unit kediaman yang telah diperuntukkan kepada pegawai dan kakitangan kerajaan termasuk 35,000 kuarters adalah berjumlah 47,213 unit atau 70.5% daripada jumlah 67,000 unit yang akan dibina di Putrajaya, manakala selebihnya iaitu 19,780 unit atau 29.5% adalah diperuntukkan kepada orang awam.

Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, saya memohon penjelasan daripada kerajaan kedudukan harga tanah di Putrajaya secara keseluruhannya yang telah naik begitu mendadak. Berapakah kedudukan secara puratanya nilai sekaki persegi di Putrajaya dan apakah rungutan ramai di antara bumiputera yang tidak dapat membeli tanah di sini kerana terlampau melambung harganya dan apakah kerajaan ada mempunyai kaedah-kaedah kawalan untuk memberi sebahagiannya ditetapkan kepada bumiputera. Terima kasih.

Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia: Tuan Yang di-Pertua, sebelum Putrajaya dibangunkan di tempatnya sekarang yang dipanggil sebagai Putrajaya, tempat letak Putrajaya ini dinamakan sebagai Perang Besar dan pada waktu itu harga tanah di situ adalah daripada lingkungan lebih kurang RM2.75 sehingga RM4.50 pada setiap kaki persegi tetapi apabila Putrajaya telah dibangunkan di situ, kita menganggarkan bahawa pada tahun 2020, satu hektar tanah di situ berharga lebih kurang RM200 juta. Jadi, tanah-tanah yang terlibat ini....

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Minta maaf, satu hektar RM200 juta?

Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia: Satu hektar RM200 juta pada tahun 2020. Jadi, tanah-tanah yang dimiliki oleh bumiputera di situ siapa pemilik tanah bumiputera maka pada tahun 2020, kalau dia tidak hidup anak dia masih hidup, maka anak dia adalah multimillionaire. Jadi, harga tanah seperti Yang Berhormat sedia maklum mengikut harga pasaran. Jadi, tidak adalah umpamanya harga yang mengikut market value ini ditetapkan khas untuk bumiputera berapa sehektar dan sedemikianya. Jadi, cuma kita tekankan di sini, amat beruntunglah bumiputera yang

mempunyai tanah di Perang Besar, yang dahulu dinamakan Perang Besar, yang sekarang ini Putrajaya. Terima kasih.

Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, selain daripada harga tanah yang begitu baik, adakah Ahli-ahli Parlimen ini diberi peluang untuk membeli rumah-rumah. Saya mengemukakan soalan tambahan bagi pihak Ahli-ahli Yang Berhormat. Sekian, terima kasih.

Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia: Tuan Yang di-Pertua, tadi saya menyebut bahawa 67,000 unit rumah akan dibuat di situ dan telah juga saya sebut bahawa ada bilangan yang boleh dibeli oleh orang awam termasuk Ahli-ahli Yang Berhormat sendiri. Terima kasih.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, berapakah peratus perbezaan perumahan yang disediakan berbanding dengan bilangan pegawai kerajaan yang akan berkhidmat di Putrajaya? Terima kasih.

Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia: Tuan Yang di-Pertua, kita menganggarkan bahawa pada tahun 2005 lebih kurang 30,000 kakitangan kerajaan daripada semua kementerian yang akan berpindah di situ akan menghuni rumah-rumah di Putrajaya. Jadi, 67,000 unit perumahan yang kita sediakan untuk orang awam dan kakitangan kita rasa adalah memadai untuk semua kakitangan yang akan berpindah ke Putrajaya pada tahun 2005. Jadi, perkara ini akan dibuat secara berperingkat-peringkat. Setakat ini lebih kurang 1,549 unit rumah yang telah siap dan daripada ini 235 unit untuk orang awam telah siap.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Datuk Long bin Jidin.

Datuk Long bin Jidin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya kemukakan soalan ini ada sedikit perubahan soalan ini. Jadi, saya baca semula, “.....minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan dengan kenaikan cukai eksport kayu balak, harga balak tempatan akan turun dan hasil keluaran kayu balak untuk kegunaan dalam negeri akan naik dan kalau harga tidak turun, kenapa.” Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

5. **Datuk Long bin Jidin** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan dengan kenaikan cukai eksport kayu balak, harga balak tempatan akan turun dan hasil keluaran kayu balak untuk kegunaan dalam negeri akan naik dan kalau harga tidak turun, kenapa.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama [Datuk Anifah Aman]: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah mengharamkan pengeksporan kayu balak dari Malaysia kecuali dari Sabah dan Sarawak. Oleh itu, tidak timbul soal kenaikan cukai eksport-eksport balak, malah Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak juga tidak menaikkan cukai eksport balak pada masa ini. Kenaikan harga kayu balak dan keluaran kayu tempatan adalah disebabkan kekurangan bekalan balak dalam negeri berikutan dasar kerajaan mengurangkan kawasan penebangan hutan.

Kerajaan juga menggalakkan pengimportan kayu balak dari luar negara bagi menampung kekurangan kayu tempatan. Kenaikan harga bagi keluaran kayu negara bagi pasaran eksport di luar negeri juga mendorong kenaikan harga di pasaran tempatan. Terima kasih.

Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi: Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, berapakah jumlah cukai levi yang telah dikutip sejak dilaksanakan dan saya pasti sekarang ini diberhentikan sementara kerana kegawatan ekonomi dan apakah kita lakukan di atas pungutan cukai levi ini. Adakah digunakan untuk projek-projek tertentu ataupun telah pun dilaksanakan atau wang ini masih disimpan di dalam Perbendaharaan. Sekian, terima kasih.

Datuk Anifah Aman: Terima kasih Yang Berhormat. Butiran terperinci sumber wang levi eksport kayu-kayan dikeluarkan daripada Ibu Pejabat Perhutanan Semenanjung Malaysia adalah seperti berikut. *[Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman meninggalkan kerusi untuk diganti oleh Tuan Yang di-Pertua yang sedang menunggu di pintu masuk]* Terlebih dahulu saya menjawab soalan yang kedua di mana levi yang dikutip ini adalah untuk research and development (R&D) dan kedua untuk membantu projek-projek yang telah pun dijalankan oleh Pejabat Perhutanan Semenanjung Malaysia dan juga Sabah dan Sarawak. Jumlah pengagihan peruntukan wang levi eksport kayu-kayan dan pelaksanaan projek pengurusan hutan secara berkekalan di antara negeri-negeri ialah:

Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan: Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua tidak ada.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan: Okay. *[Ketawa]*

Datuk Anifah Aman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Izinkan saya teruskan, terima kasih.

Negeri	Peruntukan Levi (RM)
Johor	18,702,913
Kedah	12,492,470
Kelantan	22,703,912
Melaka	1,582,393
Negeri Sembilan	12,920,592
Pahang	52,995,236
Perak	36,268,831
Perlis	2,705,481
Pulau Pinang	2,452,746
Selangor	18,391,791
Terengganu	26,995,819
Jumlah kecil	208,092,064
Ibu Pejabat Perhutanan	102,300,760
Forest Research Institute of Malaysia (FRIM)	40,000,000
Jumlah Besar	350,495,824

Walau bagaimanapun, sejumlah RM15,795,000 daripada peruntukan wang levi eksport kayu-kayan Ibu Pejabat Perhutanan Semenanjung Malaysia telah diagihkan untuk beberapa agensi dan pelaksanaan projek lain. Dengan pengagihan ini, maka jumlah peruntukan wang levi eksport kayu-kayan untuk pelaksanaan projek pengurusan hutan secara berkekalan bagi Ibu Pejabat Perhutanan Semenanjung Malaysia adalah berjumlah RM86,578,760. Sekian, terima kasih.

Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, memandangkan perspektif masyarakat kita apabila bercakap masalah hutan dan perhutanan ini, kita hanya membayangkan masalah kayu balak, sedangkan mengikut teori dan juga kefahaman ahli-ahli perhutanan, membalak ini hanya tidak lebih daripada 5% daripada keseluruhan aktiviti perhutanan itu sendiri, sedangkan perhutanan itu sendiri adalah merupakan asas kepada perkara-perkara yang berka it dengan alam sekitar – kebersihan air dan tadahan air, sungai kita, hidupan liar dan pelbagai lagi dan kos tanggungan kita akan begitu membebankan sekiranya kita tidak ada satu kaedah untuk menghentikan pengeluaran balak. Jadi, saya hendak bertanya kerajaan bilakah kita hendak berhenti eksport kayu balak dan menebang kayu balak ini supaya perkara-perkara yang lebih penting itu dapat kita selenggarakan untuk masa depan bangsa dan negara kita. Terima kasih.

Datuk Anifah Aman: Terima kasih, Yang Berhormat. Saya sedia maklum bahawa Yang Berhormat adalah seorang forester. Kita telah pun menghentikan

eksport kayu balak daripada Semenanjung Malaysia dan kita juga membenarkan eksport yang terhad dari Sabah dan Sarawak. Walau bagaimanapun, Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia menyedari bahawa kepakaran dan kemahiran yang sedia ada sememangnya tidak mencukupi untuk menjamin keberkekalan sumber hutan negara dan juga input-input dari segi idea dan konsep pengurusan dan pembangunan hutan yang terkemas kini adalah diperlukan. Jadi, apa yang saya katakan tadi bahawa di Semenanjung Malaysia kita tidak mempunyai eksport dan saya merayulah supaya Yang Berhormat menubuhkan satu badan di mana terdiri daripada badan profesional seperti badan engineer yang ada ini ditubuhkan supaya dapat membantu kerajaan dan juga jabatan perhutanan kita di Malaysia ini supaya mereka memberi input-input dan idea-idea yang boleh menyumbang ke arah kestabilan hutan kita dan juga dari segi pengurusan hutan berkekalan. Sekian, terima kasih.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, antara eksport dan import balak, yang mana satu lebih menguntungkan negara?

Datuk Anifah Aman: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, saya ingat di antara eksport dan import, apabila kita melihat statistik bahawa keadaan di negara kita bekalan kayu kita adalah berkurangan dan kalau kita lihat nilai eksport kayu-kayuan termasuk perabot pada 1999 adalah anggaran RM17 bilion dan sebahagian besar daripadanya adalah atas usaha perabot kita di mana bernilai RM4 'juta ribu'. Jadi, kalau kita lihat di antara eksport dan import, nilai kita lebih daripada yang eksport dari bahan-bahan yang kita gunakan untuk kegunaan dalaman. The value added product itu lebih nilainya daripada eksport kita.

Dato' Haji Mazlan bin Abu: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya. Kenapakah tiada kawalan yang ketat tentang penebangan kayu-kayu balak kerana kita semua tahu dan lihat banyak lori balak membawa kayu-kayu yang masih muda dan kecil. Mungkinkah 'tukul besi' forester tidak berfungsi lagi, terima kasih.

Datuk Anifah Aman: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, kita mengakui bahawa ada juga aktiviti-aktiviti pembalakan haram yang telah pun dijalankan. Walau bagaimanapun, di Semenanjung Malaysia aktiviti ini adalah berkurangan oleh kerana kawalan-kawalan yang telah pun dikenal pasti dan dijaga. Walau bagaimanapun, masalah ini masih juga wujud terutama sekali di Sabah dan

saya kurang pasti di Sarawak. Walau bagaimanapun, setiap aktiviti pembalakan haram itu akan diawasi dan kita sekarang mempunyai satu sistem ataupun remote sensing yang menggunakan satelit untuk melihat sama ada aktiviti-aktiviti pembalakan haram dijalankan di negara kita.

6. **Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan** minta Menteri Kerja Raya menyatakan sejauh manakah pengiktirafan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) di peringkat antarabangsa dan nyatakan 10 negara yang mendapat kerjasama bagi membangunkan kontraktor Malaysia di peringkat antarabangsa.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya [Tuan Yong Khoon Seng]:

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, adalah sukar bagi kita untuk menentukan sejauh manakah Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia mendapat pengiktirafan antarabangsa kerana bukanlah menjadi matlamat utama Lembaga ini untuk mendapatkan pengiktirafan tersebut.

Apa yang lebih penting bagi Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia ialah mendapatkan kerjasama dan keyakinan daripada sektor awam dan swasta di luar negara mengenai kemampuan dan kebolehan kontraktor-kontraktor Malaysia melaksanakan kerja-kerja pembinaan dengan baik dan berkualiti, setanding dengan kontraktor-kontraktor negara maju.

Dalam hal ini, peranan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia bukan sahaja terhad untuk menerokai peluang-peluang kerja pembinaan di luar negara tetapi juga memastikan penghasilan out put mereka berkualiti tinggi dan mampu menaikkan imej negara.

Untuk tujuan ini Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia telah pun mengadakan beberapa misi ke luar negara bersama-sama kontraktor Malaysia di negara yang berpotensi, memberi peluang kepada penglibatan kontraktor Malaysia. Negara-negara di mana CIDB mempunyai kepentingan adalah Bosnia Herzegovina, India, Libya, Iraq, Vietnam, Kampuchea, Laos, China, Filipina dan Myanmar. Setakat ini beberapa kontraktor Malaysia telah berjaya memperolehi dan melaksanakan beberapa projek pembinaan di Bosnia Herzegovina dan beberapa projek lagi di India, dijangka akan diperolehi. Sementara ini, tindakan-tindakan susulan juga sedang dan akan dilakukan ke atas beberapa projek pembinaan yang telah dikenal pasti hasil daripada misi yang telah dibuat di negara-negara seperti Kampuchea, Vietnam dan Myanmar.

Misi-misi seterusnya akan diatur dari masa ke semasa untuk mencari peluang-peluang yang boleh disertai oleh kontraktor-kontraktor Malaysia. Sekian.

Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada pihak Kementerian Kerja Raya, sebelum itu saya mengucapkan tahniah di atas wujudnya CIDB.

Dahulu Dewan ini sering mengingatkan bahawa PKK ini tidak berfungsi dengan begitu baik dan saya rasa sudah tidak berguna pun dan saya rasa pihak kementerian pernah bercakap dengan saya bahawa bersetuju untuk dibubarkan tetapi bukanlah di dalam Dewan tetapi di luar Dewan. Tetapi sehingga hari ini setelah tiga tahun saya bercakap, masih lagi wujud PKK dan saya lihat PKK ini tidak ada apa guna lagi sekarang, membazirkan wang negara. Sekian, terima kasih.

Tuan Yong Khoon Seng: PKK sebenarnya adalah satu sistem di mana kita mendaftarkan kontraktor-kontraktor bumiputera untuk menyertai projek-projek kerajaan dan CIDB pula ditugaskan sebagai satu badan di mana kita mendaftarkan pihak kontraktor-kontraktor pembinaan serta juga kita mendaftarkan pekerja-pekerja mahir mahupun di dalam negara ataupun di luar, kita juga ada pendaftaran untuk pekerja asing. Ianya juga memberikan latihan, memberikan seminar supaya pekerja-pekerja boleh mempertingkatkan mutu perkhidmatan mereka. Saya ingat ada dua peranan yang dimainkan oleh PKK dan CIDB, walaupun boleh dilihat amnya ada bersama-sama kita menjaga kontraktor-kontraktor tetapi adalah berlainan dari segi sasarannya. Sekian, terima kasih.

Datuk Tee Thiong Hock: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Terima kasih kepada Timbalan Menteri kerana emphasis sekali lagi matlamat utama CIDB pada waktu ditubuhkan iaitu untuk menaikkan tahap kualiti, standard, menjaminkan dan juga latihan untuk pekerja-pekerja dari segi kemahiran yang begitu kurang. Oleh kerana itu, kita dapat begitu banyak kompelin berkenaan dengan pembinaan dan lain-lain.

Di sini saya mahu bertanya, setakat ini berapa jumlah levi yang telah dikutip oleh CIDB dan masih ada berapa banyak balance nya dan berapa peratusan telah digunakan untuk matlamat utama iaitu training, upgrade kemahiran kerana di industri pembinaan dan juga di kalangan golongan developer, ramai mereka mengatakan CIDB memang sudah jauh dari matlamat utama kerana rombongan ke oversea itu,

investment dengan negara lain, syarikat di luar negeri bukan merupakan satu matlamat utama, subsidiary aim dengan izin, sahajalah.

Jadi, di sini saya mahu tanya beberapa soalan kecil *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahan.

Datuk Tee Thiong Hock: Tambahan kepada soalan tambahanlah. Kita tahu pada masa dua, tiga tahun yang lepas CIDB mahu menaiktarafkan tahap kemahiran pekerja-pekerja 'artisan' telah pun menandatangani beberapa MoU dengan pihak swasta untuk menubuhkan beberapa buah kolej mengikut kawasan, utara, selatan, timur, barat, Sabah dan Sarawak, kalau tidak salah saya.

Jadi, saya mahu bertanya di Dewan ini sudah lebih kurang dua hingga tiga tahun, berapa buah kolej ini telah didirikan dan berapa ramai 'artisan' pekerja telah di trained kan dengan izin, dan adakah dengan training ini kualiti rumah-rumah yang di delivered bertambah atau tidak? Adakah kompelin-kompelin pada masa itu yang begitu banyak sudah menurun? Terima kasih.

Tuan Yong Khoon Seng: Tuan Yang di-Pertua, soalan walaupun kecil tetapi ditimbulkan masalah sangat besar. *[Ketawa]* Sebenarnya levi yang dikutip, levi memang dikutip dengan 0.25% sahaja, jumlahnya memang kecil. Saya perlu notis untuk memberikan semua angka-angka. Tidak ada di sini tetapi saya boleh beritahu

Datuk Tee Thiong Hock: Tuan Yang di-Pertua, boleh minta penjelasan? Saya telah baca dalam *Annual Report-CIDB* tiga tahun yang lepas bahawa walaupun percentage kecil sahaja tetapi jumlah begitu besar. Pada suatu masa, saya katakan CIDB melalui kutipan levi akan menjadi satu mini EPF *[Ketawa]* Kerana jumlahnya begitu besar, bukan kecil. *[Disampuk]* Pada masa itu, ada lebih dari RM200 juta, saya ingat kalau tidak salah saya.

Jadi, *[Disampuk]* Ha! ada ya. *[Ketawa]*

Tuan Yong Khoon Seng: Kita tidak akan *[Ketawa]* - Saya memang tidak ada angka di sini tetapi peratusan levi memang 0.25% dan saya beritahu selepas Lembaga ini ditubuhkan sampai Oktober tahun lalu, kita ada mendaftarkan kontraktor dalam beberapa kategori sampai bulan Oktober, sejumlah 39,798 orang kontraktor dan pekerja am atau mahir termasuk pekerja asing juga, Penyelia Pengurus Tapak, jumlah yang didaftar dengan CIDB adalah seramai 75,715 orang.

Ini adalah jumlah besar yang telah ada kaitan dengan CIDB. Levi tadi walaupun saya tidak ada angka, ianya terpulung kepada kontrak-kontrak yang telah diadakan, kalau ia besar, ertinya kita maju jugalah. Terima kasih.

7. **Puan Safinah binti Jusoh** minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan, apakah bentuk mekanisme kawalan yang telah digunakan oleh pihak kerajaan dalam memastikan segala bentuk peruntukan daripada Belanjawan Negara bagi kementerian ini benar-benar sampai kepada rakyat di luar bandar, memandangkan terdapat kawasan-kawasan luar bandar yang tidak kelihatan pun pembangunan atau peningkatan kemudahan prasarana dilaksanakan di dalamnya sejak sekian lama.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar [Puan Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim]: Tuan Yang di-Pertua, kementerian ini sentiasa memberi penekanan utama terhadap matlamat untuk mempertingkatkan delivery system program-program pembangunan supaya kawasan luar bandar termasuk kampung-kampung terpencil diberi fokus untuk mendapat manfaat pembangunan secara bersepadu.

8. **Tuan N. Marimuthu** minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada kerajaan akan menimbang mengenai elaun pengajaran POL (pupils own language) dinaikkan dari RM20 sejam kepada RM40 sejam, memandangkan elaun POL tidak pernah dinaikkan hampir 20 tahun.

Timbalan Menteri Pendidikan [Dat o' Abdul Aziz bin Shamsuddin]: Tuan Yang di-Pertua, pandangan Yang Berhormat sangat dihargai. Sebenarnya Kementerian Pendidikan sedang mengkaji secara mendalam mengenai kadar elaun pengajaran Pupils Own Language (POL) iaitu cadangan menaikkan dari RM20 sejam kepada RM40 sejam dan kementerian sedang mengkaji terutamanya dari segi implikasi kewangan.

Setelah maklumat terperinci diperolehi satu perakuan akan dikemukakan kepada agensi berkaitan. Sekian, terima kasih.

Dato' Poo Yew Choy: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu setakat ini guru-guru POL adakah mencukupi kehendak di semua sekolah menengah negara kita?

Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin: Tuan Yang di-Pertua, bilangannya tidak menentu kerana ia berhubung kait dengan permohonan daripada sesebuah sekolah.

Kalau ada permintaan, maka lebih daripada 15 orang murid, guru akan disediakan dan ini juga bergantung kepada bilangan guru yang sedia ada. Terima kasih.

Tuan N. Marimuthu: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, saya ingin bertanya Kementerian Pendidikan berapa ramaikah pelajar yang diperlukan untuk memulakan kelas POL? Sekarang bilangan pelajar kurang dari 15 orang, kelas POL tidak akan dimulakan. Saya minta peraturan ini ditimbang semula, bilangan pelajar yang minimum, contohnya 13 orang murid sahaja datang ke kelas dan patut dimulakan kerana kita tidak boleh meminta pelajar supaya tidak perlu datang kelas POL. Apakah tindakan untuk menyelesaikan masalah ini?

Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan sedia prihatin kepada masalah yang dikemukakan. Insya-Allah, kita akan buat perbincangan dan permohonan ini mungkin ada jalan untuk penyelesaian. Terima kasih.

Datuk Tee Thiong Hock: *[Bangun]*

Puan Jamilah binti Ibrahim: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Puan Jamilah binti Ibrahim. *[Bercakap dengan Datuk Tee Thiong Hock]* Saya beri the ladies first. *[Ketawa]*

Puan Jamilah binti Ibrahim: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, adakah pihak kementerian mempunyai perancangan bagi mengadakan kelas-kelas tambahan bacaan Al-Quran dan membayar elaun kerana kita menghadapi masalah kelemahan bacaan Al-Quran bagi kanak-kanak Islam. Terima kasih.

Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin: Tuan Yang di-Pertua, kalau kita mengikuti kurikulum yang ada di Kementerian Pendidikan berhubung dengan pengajaran agama Islam, sudah terjawab soalan itu kerana bukan sahaja mata pelajaran pengajian membaca Al-Quran tetapi bidang-bidang lain juga turut diajarkan. Umpamanya, kalau kita sorot kepada soalan 12 hari ini, bukan sahaja kita mengadakan kelas-kelas bacaan Al-Quran tetapi kita mengadakan sekolah kebangsaan agama umpamanya, dan sementara itu juga kita mengadakan kelas aliran agama.

Jadi, semua keperluan untuk membangunkan masyarakat Islam itu memang di dalam perhatian kerajaan kita. Terima kasih.

Datuk Tee Thiong Hock: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Memandangkan kebanyakan kelas POL ini sebenarnya adalah bahasa Mandarin, bahasa Tamil dan juga di abad baru ini, negara-negara yang origin bahasa

ini adalah negara China dan negara India, yang merupakan dua negara yang begitu mustahak, economically speaking dengan izin, begitu mustahak kerana negara-negara besar di Eropah, USA, semua negara pun pergi melabur di sana mencari wang.

Saya fikir Malaysia serupa juga, kita serupa juga. Jadi, kalau murid kita ada kapasiti selain dari boleh master dua bahasa iaitu Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia, mengapa kita tidak mahu mereka master tiga, empat bahasa, kerana itu adalah realiti.

Jadi, di sini saya mahu bertanya adakah kementerian bercadang masukkan kelas-kelas bahasa Mandarin dan kelas bahasa Tamil ini dalam jadual waktu biasa, normal class, dengan izin. Terima kasih.

Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Kalau begitu kita masuk juga bahasa Jepun, bahasa Peranchis, bahasa German supaya orang Malaysia ini bukan sahaja menguasai satu, dua, tiga bahasa tetapi semua bahasa dalam dunia ini. Tetapi kita mesti mengingatkan constrain yang akan dihadapi oleh murid-murid di dalam masa menghadapi mata pelajaran-mata pelajaran tertentu yang ada pada masa ini. Oleh sebab itulah Kementerian Pendidikan memberi penjelasan yang tegas bahawa bahasa Tamil dan bahasa Mandarin tetap diberi keutamaan mengikut keadaan sekarang. Terima kasih.

9. **Tuan Haji Abdillah bin Haji Abdul Rahim** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan, apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh kementerian untuk menentukan supaya kilang-kilang tidak mencemar alam sekitar dari segi penguatkuasaan.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Dato' Zainal bin Dahalan]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat bahawa Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar melalui Jabatan Alam Sekitar telah mengambil beberapa langkah dalam usaha untuk meningkatkan keberkesanan kerja-kerja penguatkuasaan, bagi menentukan kilang-kilang tidak mencemarkan alam sekitar.

Di antaranya ialah:

- (i) meningkatkan pemeriksaan ke atas kilang-kilang yang berada dalam kawasan-kawasan tercemar;

- (ii) meningkatkan pemeriksaan ke atas kilang-kilang yang melepaskan beban pencemar yang tinggi; dan
- (iii) memastikan setiap kilang yang diadukan diperiksa dengan rapi dan mengambil langkah mengawal pelepasan dan seterusnya mengambil langkah-langkah ataupun tindakan undang-undang di bawah Akta Alam Sekeliling 1974, seperti kompaun dan tindakan mahkamah ke atas kilang-kilang yang tidak mematuhi peraturan.

Selain daripada itu beberapa langkah lain juga sedang diambil oleh Jabatan Alam Sekitar dalam usaha untuk meningkatkan lagi bidang penguatkuasaan ke atas kilang-kilang tersebut, antaranya:

- (i) meningkatkan kerja-kerja penguatkuasaan dengan menambahkan bilangan Pegawai Penguat Kuasa di peringkat negeri dan peringkat-peringkat cawangan dan sebagainya;
- (ii) membuat pindaan ke atas peraturan undang-undang untuk memperkemaskan peruntukan sedia ada bagi tujuan mengawal pencemaran dari kilang-kilang;
- (iii) mencadangkan perwakilan kuasa Ketua Pengarah, Jabatan Alam Sekitar kepada agensi-agensi kerajaan seperti Pihak Berkuasa Tempatan, Kementerian Kesihatan, bomba dan polis bertujuan untuk mendapatkan kerjasama agensi-agensi berkenaan bagi membantu Jabatan Alam Sekitar menjalankan penguatkuasaan dan seterusnya mengambil tindakan undang-undang ke atas pihak-pihak yang terbabit dengan kesalahan tersebut; dan
- (iv) menubuhkan Jawatankuasa Konsultatif di antara Jabatan Alam Sekitar dengan pihak-pihak industri untuk mendapatkan kerjasama dan maklum balas mengenai tahap pematuhan mereka ke atas akta dan peraturan yang telah dikuatkuasakan.

Tuan Abdillah bin Abdul Rahim: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan tahniah kepada kementerian dan Jabatan Alam Sekitar kerana telah mengambil tindakan yang begitu rapi untuk menentukan pencemaran yang disebabkan oleh kilang-kilang dapat dikawal. Tetapi dari masa ke semasa kita selalu

membaca laporan dalam surat khabar tentang pencemaran yang berlaku di kilang-kilang, seolah-olah penguatkuasaan itu lemah. Jadi, apabila berita ini ke luar dalam surat khabar ia membayangkan bahawa pencemaran di kilang-kilang kita begitu mudah berlaku.

Soalan tambahan saya, tidakkah kementerian atau jabatan berkenaan berusaha untuk melaporkan berita-berita yang baik tentang langkah-langkah ataupun tindakan yang diambil oleh kilang-kilang untuk menentukan supaya pencemaran ini dikawal oleh kilang-kilang dengan sukarela supaya ianya menonjol kepada pembaca bahawa kilang-kilang kita lebih prihatin tentang pencemaran.

Jadi, tidaklah semestinya kita tiap-tiap kali membaca berita ianya terdapat seolah-olah kilang kita tidak begitu mengambil berat terhadap pencemaran. Sekian, terima kasih..

Dato' Zainal bin Dahalan: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat. Memanglah kita mengakui bahawa di dalam apa-apa keadaan sekalipun terdapat pihak-pihak yang mahu mematuhi peraturan. Dalam pada itu terdapat juga sebahagian kecil mungkin pihak-pihak yang memang suka pula melanggar peraturan. Ini macam ada *trail*lah kalau dia dapat lepas. Dalam hal ini walaupun usaha-usaha telah kita buat dari masa ke semasa dengan pelbagai kempen dan sebagainya. Ada sebahagian daripada kilang-kilang yang besar yang mempunyai perasaan tanggungjawab yang telah melaksanakan kerja-kerja pengawalan dan mematuhi peraturan dengan sukarela. Dan ini juga kita tonjolkan dari masa ke semasa.

Namun demikian, ada juga sebahagian kilang-kilang yang baru-baru ini kita kesan, sebelah siang hari nampaknya mereka mematuhi peraturan tetapi mereka melepaskan *effluents*, melepaskan bahan-bahan sisa-sisa buangan yang sepatutnya dikumpul, disimpan dan dimusnahkan secara berjadual dan teratur, melakukannya di waktu malam. Dan kerana itu pihak kementerian telah pun membuatsatu arahan yang baru kepada semua penguatkuasaan Jabatan Alam Sekitar untuk mengadakan pemeriksaan mengejut di sebelah malam pula sekarang ini.

Jadi, kita akan cuba memberikan laporan-laporan mengenai perkara ini dari masa ke semasa di atas kedua-dua aspek kejayaan yang dicapai iaitu bagi kilang-kilang yang dengan sukarela, dengan kesedaran mereka melaksanakan program-program pengawalan secara dalaman dengan tidak perlu mendapat arahan dan juga

kepada kilang-kilang yang mungkin Ahli-ahli Yang Berhormat biasa juga baca dari masa ke semasa pihak-pihak tertentu membuat kerja-kerja membuang bahan-bahan toksik dan sebagainya di tempat-tempat yang tidak sepatutnya. Terima kasih.

Tuan Gapar bin Gurrohu: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, sebagaimana yang telah kita dengar sebentar tadi masalah pencemaran terus berlaku dan masalah kawalan juga agak rumit. Di sini kita pun maklum bahawa sektor perindustrian kita akan terus berkembang maju dan masalah ini akan terus bertambah. Adakah kementerian bercadang untuk meminta bantuan badan-badan NGOs seperti RELA, Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung, Persatuan Belia dan sebagainya, untuk membantu memberi maklumat tentang masalah-masalah pencemaran ini. Kerana kita tahu orang-orang kampung atau orang-orang di sekitar kawasan perkilangan ini memang terancam dengan masalah-masalah air yang tercemar, udara dan pelbagai lagi pencemaran yang dibuat termasuklah tadi disebutkan membuang sisa-sisa toksik ke dalam sungai yang bukan sahaja masalah pencemaran sungai, hidupan dalam sungai juga terjejas. Dan saya rasa, orang ramai memang sedia untuk membantu dalam masalah ini. Terima kasih.

Dato' Zainal bin Dahalan: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih sekali lagi. Sebahagian daripada penangkapan sebahagian daripada penyiasatan dan sebahagian daripada tindakan-tindakan yang dibuat oleh Jabatan Alam Sekitar adalah berdasarkan kepada maklumat yang diterima dari orang ramai sebenarnya. Ada yang kita dapat kesan secara langsung tetapi sebahagian besar, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, adalah hasil daripada maklumat yang telah diberikan oleh orang ramai. Memanglah kementerian mengalu-alukan setiap pihak, sama ada badan-badan NGOs dan lain-lain organisasi kerajaan yang ada termasuklah JKKK dan sebagainya untuk dari masa ke semasa menyampaikan maklumat-maklumat kepada jabatan di peringkat negeri dan sebagainya di atas setiap kegiatan-kegiatan yang tidak bertanggungjawab seperti ini, dengan ini akan memudahkan pihak Jabatan Alam Sekitar, Bahagian Penguatkuasaan untuk melakukan dan melaksanakan tindakan-tindakan yang akan memberikan faedah kepada kita semua. Terima kasih.

10. **Dato' Dr. T. Marimuthu** minta Menteri Kesihatan menyatakan peratusan penjangkitan penyakit seperti malaria, tuberculosis, demam denggi dan AIDS di negara ini. Nyatakan sebab-sebab peningkatan penyakit-penyakit ini dan apakah

tindakan yang diambil oleh Kementerian untuk mengawal dan mengurangkan peratusan penjangkitan penyakit-penyakit ini.

Timbalan Menteri Kesihatan [Datuk Seri Drs. Suleiman bin Mohamed]:

Tuan Yang di-Pertua, jawapan panjang sikit, saya mohon izin.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 1999, kadar jangkitan atau kadar insiden malaria adalah 48.9 bagi setiap 100,000 penduduk; Tuberculosis adalah 67.2 bagi setiap 100,000 penduduk; dan demam denggi ialah 41.8 bagi setiap 100,000 penduduk; manakala kadar insiden penyakit AIDS yang dilaporkan pada tahun 1999 adalah 5.4 bagi setiap 100,000 penduduk.

Sehingga 31 Disember 1999, jumlah *cumulative* AIDS dilaporkan di seluruh negara adalah 3,554. Penyakit tuberculosis dan AIDS telah menunjukkan peningkatan dari tahun ke tahun.

Sebab-sebab utama peningkatan penyakit Tibi adalah:

- (i) penyakit Tibi berkait rapat dengan peningkatan penyakit AIDS dan ianya merupakan penyakit sampingan utama di kalangan pesakit AIDS;
- (ii) pengesanan di kalangan pekerja asing yang menyumbang sebanyak 11.5% daripada jumlah kes yang dilaporkan pada tahun 1998;
- (iii) keadaan tempat tinggal pesakit yang sesak memudahkan penularan penyakit ini; dan
- (iv) peningkatan penyakit-penyakit kronik seperti diabetic, penyakit buah pinggang, kanser, penyakit paru-paru yang melemahkan daya ketahanan badan, mendedahkan pesakit kepada penyakit tibi.

Tindakan yang diambil oleh kementerian bagi mengawal dan mengurangkan kejadian penyakit tibi di antaranya adalah:

- (i) meningkatkan pemeriksaan saringan di klinik-klinik kesihatan dan hospital. Saringan mandatori ke atas pekerja asing yang memohon permit kerja;
- (ii) memperkukuhkan rawatan tibi melalui kaedah penyeliaan rawatan rapi atau *directly observed therapy*;

- (iii) meningkatkan pengesanan di kalangan kontek kepada pesakit tibi dan liputan pelalian BCG terutama di kalangan Orang Asli dan pribumi di Sabah dan Sarawak.

Peningkatan penyakit AIDS memang dijangka kerana peningkatan kes HIV. Kebanyakan jangkitan HIV dikesan di kalangan penyalahguna najis dadah melalui suntikan. Seseorang yang dijangkiti HIV kemungkinan besar akan menjadi penyakit AIDS dalam tempoh 8 hingga 10 tahun. Tindakan yang diambil bagi mengawal penyakit ini adalah memperluaskan ujian saringan kepada golongan yang berisiko tinggi seperti penagih dadah, pekerja seksual, pesakit-pesakit yang mengidap penyakit kelamin dan banduan-banduan. Di samping itu, penjagaan dan rawatan yang baik dan menyeluruh diberi kepada pesakit yang dijangkiti HIV termasuk pemberian ubat 'Dizoruden'.

Penyakit denggi meningkat sejak tahun 1995 dan mencapai paras tertinggi pada tahun 1998 kemudian berkurangan 6.7% pada tahun 1999. Di antara sebab utama penurunan kes denggi adalah kerana pelaksanaan kempen kebersihan dan kempen anti nyamuk peringkat kebangsaan yang melibatkan pelbagai agensi bagi membersihkan dan memusnahkan tempat pembiakan nyamuk aedes. Kerajaan akan meneruskan kempen ini di samping meningkatkan penguatkuasaan Akta Pelupusan Serangga Pembawa Penyakit 1975.

Penyakit malaria telah menunjukkan penurunan yang ketara sejak 1995 daripada 298.9 bagi setiap 100,000 penduduk kepada 48.9 bagi setiap 100,000 penduduk pada tahun 1999. Ini disebabkan tindakan mempertingkatkan pengesanan dan rawatan kes dan pelaksanaan projek kelambu berubat di kawasan-kawasan bermasalah malaria di negeri Sabah, Sarawak dan kawasan Orang Asli di Semenanjung Malaysia.

Kemudian, akhir sekali di samping tindakan-tindakan yang diambil seperti di atas, kerajaan juga telah memperhebatkan kempen memerangi penyakit-penyakit di atas melalui aktiviti pendidikan, kesihatan dan penglibatan pihak NGO bagi meningkatkan kesedaran orang ramai supaya mengambil langkah-langkah penjagaan. Terima kasih.

Datuk Long bin Jidin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada pihak kementerian tentang penyakit malaria yang kronik dan

tuberculosis kronik yang sukar untuk dirawat. Yang keduanya, berkaitan dengan penemuan pokok bintangor. Macam manakah kekuatannya terhadap penyakit AIDS, keputusannya sekarang. Terima kasih.

Datuk Seri Drs. Suleiman bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, penemuan pokok yang disebutkan belum dapat menunjukkan hasil yang boleh diketengahkan untuk mengubat penyakit AIDS. Dan jawapan bagi yang pertama mengenai malaria dan denggi, saya minta maaf, Tuan Yang di-Pertua, saya lupa soalan yang pertama tadi.

Datuk Long bin Jidin: Tentang jenis malaria yang kronik. Malaria ini macam-macam jenis. Ada malaria yang sampai ke otak, ada malaria biasa. Jadi, saya hendak tahu malaria yang mana yang sukar untuk dirawat. Begitu juga dengan tuberculosis, ada bermacam-macam jenislah yang sukar untuk dirawat.

Datuk Seri Drs. Suleiman bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, dengan perubatan moden dan teknologi tinggi, insya-Allah, kita boleh mengubati apa yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat.

Tuan Abdillah bin Abdul Rahim: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Negara kita, kalau tidak silap saya telah dianggap sebagai bebas daripada smallpox, dan memandangkan timbul semulanya penyakit berjangkit seperti tibi dan malaria, adakah kemungkinan smallpox juga akan timbul semula di negara kita, mungkin melalui cara bagaimana tibi dan juga malaria ini telah timbul semula. Dan, jikalau ya, apakah langkah-langkah awal yang diambil untuk menentukan ataupun mengawalkan smallpox ini daripada timbul. Sekian, terima kasih.

Datuk Seri Drs. Suleiman bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, negara kita adalah *smallpox free* dan tidak nampak kecenderungan untuk ia kembali semula. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan sudah pun selesai.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 11 hingga 24 akan dijilid dalam buku berasingan]

RANG UNDANG-UNDANG

**RANG UNDANG-UNDANG REKA BENTUK SUSUN ATUR LITAR
BERSEPADU 2000**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang”. [9 Mei 2000]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman, sila sambung ucapan.

11.14 pagi.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Seperti yang saya nyatakan semalam, memang kita bimbang dengan pengwujudan Akta ini monopoli dan penjajahan ilmu mungkin wujud kerana sekarang, di Amerika Syarikat sahaja misalnya, syarikat-syarikat berlumba-lumba untuk mendaftar paten. Ada juga paten ini, paten yang tidak baik, dipanggil *bad patent*. Bererti dia bermula pada idea sahaja, idea rangka kasar, *rough idea*, dipatenkan selepas itu dia memulakan kerja-kerja untuk memperbaiki paten itu menjadikan atau merealisasikan sebagai idea yang boleh dikomersialkan.

Jadi, sekarang ini beribu-ribu paten dan banyak sangat, injunksi yang dibuat antara seorang ini dengan seorang yang itu, berdasarkan pada satu paten sahaja. Saya diberitahu Microsoft sendiri sudah kena denda, dihukum dan terpaksa membayar RM30 juta kepada IBM kerana *patent infringement suit* telah dimenangi oleh IBM. Dan kini, oleh sebab itu IBM sekarang menghantar satu surat pekeling kepada pekerja-pekerja dia, ada saja idea, pergi buat paten. Tiap-tiap hari 10 paten di daftar oleh IBM kerana ia merupakan satu bidang perniagaan untuk mendaftar paten ini.

Selain dari itu, kita dapat tahu IBM misalnya, perniagaan, penjualan lesen paten sahaja telah pun meningkatkan pendapatannya daripada RM500 juta pada tahun 1994 kepada RM1.5 bilion pada tahun 1999. 20% daripada pendapatan IBM berasaskan kepada pengeluaran lesen. Jadi, berperang lesen di Amerika. Dan, inilah yang kita hendak bukukan dalam Akta ini supaya kita juga menghalalkan peperangan ini. Ha, ini saya bimbang sangat.

Tuan Yang di-Pertua, kita lihat di seluruh dunia perkongsian untuk mewujudkan ilmu ini dibuat di merata-rata tempat. Dan saya amat terperanjat sekali

kerana yang paling tinggi sekali dari segi penglibatan untuk mewujudkan ilmu ini dan menerusi modal teroka ialah Israel. Israel mengadakan satu pendekatan perkongsian dengan Amerika Syarikat, misalnya, khusus untuk membiayai penemuan-penemuan ilmu menerusi modal teroka.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, dari segi penyelidikan sivil – pendidikan dan pembangunan tidak termasuk dari segi pendidikan, ketenteraan Israel pada tahun 1995 yang paling banyak sekali menggunakan kewangannya untuk penyelidikan dan pembangunan, 2.2% daripada KDNKnya, diikuti di Amerika 2.1%. Jadi, pendidikan di sana merupakan 6.6% daripada KDNKnya.

Kita dapati Israel juga bukan sahaja berkongsi dengan Amerika tetapi mewujudkan kerjasama dengan Jordan dan Amerika. Kerjasama yang dipanggil Trilateral Industrial Development (TRID) di mana RM2 juta setiap parti menyumbangkan dan dua projek telah diwujudkan pada tahun 1998. Pengembangan *Arabic Scanner Software and Document Achieving Products* dan juga yang kedua *Tecnological Education for Speakers of Arabic (TESA)*, satu teknologi dari segi pendidikan untuk hendak mempelajari bahasa Arab. Israel, Jordan dan Amerika berkongsi ini untuk mencari jalan penyelesaian penemuan ilmu ini tadi. Dan, pada tahun Disember 1996, Israel dan Singapura mewujudkan satu lagi perkongsian *Singapore-Israel Industrial Research Development Fund*.

Jadi kita tengok kebanyakan negara-negara ini berlumba-lumba hendak mewujudkan perkongsian ilmu. Saya hendak mengesyorkan kepada Malaysia menerusi ASEAN, mewujudkan kerjasama wilayah bagi membentuk penemuan-penemuan ilmu sejagat di peringkat kita kerana kita berlumba-lumba. Dan saya minta seperti yang saya nyatakan dan Dewan yang mulia ini dulu supaya kita mencari jalan berkongsi dengan India kerana India mempunyai 1,715 institusi dan politeknik yang melahirkan 55,000 computer software professional setahun. Selain mewujudkan *Indian Institute Of Technology*, mereka mempunyai banyak pakar di dalam bidang ini.

Dan saya mengharapkan, MSC kita memang tidak mempunyai tenaga kerja yang mencukupi setelah meluluskan 302 syarikat yang memerlukan 30,461 pekerja, kita hanya mampu mengeluarkan 28,158 dan kita telah pun mempunyai satu jumlah yang kurang 2,303. Dan ada pada tahun 2005 berasaskan kepada kepesatan pembangunan inkubator-inkubator di Multimedia Super Corridor ini, kita akan memerlukan 108,600 pekerja.

Dan tidak dapat ditampung oleh sembilan pusat pengajian tinggi yang mampu menghasilkan 2,000 jurutera setahun sahaja yang kini kita ada 33,000 jurutera, sudah kurang 3,000 ke 4,000 jurutera terutama mekanikal. Jadi, kita amat kurang dalam bidang untuk hendak menyokong negara kita mencapai kepada tahap k-ekonomi yang sekarang ini menggunakan akta baru kita menyekat dan membiarkan monopoli ilmu yang telah diterokai oleh negara-negara maju.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita ikut sejarah pembangunan ekonomi dunia sebelah Asia ini kebanyakan negara-negara di Asia, Jepun baik, Korea baik, Hong Kong, Taiwan semuanya bermula dengan bukan mencuri, mengambil teknologi-teknologi yang dijumpai oleh orang Barat dan diperbaiki di atas teknologi itu, sebab itu mereka membangun. Pada waktu itu, tidak ada kos, tidak ada undang-undang untuk mengambil teknologi-teknologi ini dan pada waktu itu juga, untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, ramai pelajar-pelajar Jepun dihantar ke Amerika, bukan hendak mendapatkan MBA dan Ph.D sahaja tetapi meneliti tahap pencapaian teknologi di Amerika dan dibawa balik senyap-senyap dijadikan sebagai asas untuk mereka meningkatkan lagi teknologi yang mereka bawa balik. Jadi, proses itu berjalan sehinggakan negara ini sekarang ini mempelopori dari segi minda pencapaian ilmu yang berasaskan pada waktu itu, budaya kalau kita hendak sebutkan budaya, 'budaya meniru' secara positif dan menjadikan asas untuk mereka memperbaikinya, ini berjalan bertahun-tahun.

Kalau dilihat dahulu kereta daripada Jepun enjinnya sebenarnya daripada Korea. Korea pada waktu itu lebih canggih dari segi membuat enjin. Jadi tiru-meniru antara kita sesama kita pada waktu kita membangunkan ekonomi begitu pesat sekali, tetapi kini perkara ini tidak boleh dibuat lagi, kerana sudah ada struktur perundangan untuk menyekat dan menghalalkan penjajaan ilmu oleh mereka yang berlumba-lumba dengan kosnya yang tinggi, dengan entrepreneur powernya untuk menjana pembangunan ilmu di negara-negara maju, yang kalah negara-negara yang kurang mampu menjana ilmu sendiri. Kitahh kalah, jadi ini merupakan satu lagi penjajahan baru, penjajahan penaklukan menerusi ilmu-ilmu yang di pagar, defended, yang dipertahankan oleh undang-undang di mana semua negara terpaksa mengikuti kerana mereka menjadi ahli WTO, Badan Pertubuhan Perdagangan Antarabangsa, itu sahaja. Sebab itulah sekarang ini negara-negara maju berlumba-lumba mencari jalan bagaimana China kena masuk ke dalam WTO kerana senang menerusi WTO, mereka

memonopoli kekuasaan empowerment untuk menentukan ilmu itu adalah kepunyaan mereka dan kalau hendak meniru kita kena tangkap, kena bayar denda atau dikeluarkan daripada badan WTO.

Tuan Yang di-Pertua,

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang minta laluan.

Datuk Zainudin bin Maidin: Berdasarkan ucapan Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz tadi, adakah boleh saya membuat konklusi bahawa Dato' Abdul Aziz mahukan supaya kita 'justify' kan piracy atau peniruan seperti apa yang telah dilakukan oleh Jepun, Taiwan dan juga Hong Kong yang membudayakan peniruan sehingga ia menjadi satu catalyst kepada pembangunan negara itu menjadi kaya kerananya dan berjaya, tetapi di negara kita yang baru ini kita telah pun mengambil tindakan-tindakan untuk menyekat peniruan ini kerana kepentingan pihak syarikat itu telah pun berada di sini. Di samping juga kepentingan artis kita dan sebagainya, tetapi saya sendiri berada dalam suatu atau kebanyakan orang berada dalam satu delima dalam soal ini dan ke mana kita dan keyakinan Jepun ialah pertama, meniru kemudian daripada tiruan itu produce the better, the best dan kemudiannya berada di pasaran dengan harga yang paling murah.

Jadi, inilah delima kita, apakah kita juga harus mengikuti langkah-langkah yang telah diambil oleh Jepun, Taiwan dan Hong Kong dan kalau kita tidak seimbang dalam soal ini, maka kita juga mungkin hanya lebih menjadi penyelamat kepada negara yang telah menguasai dunia ini.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Pandangan Yang Berhormat Datuk Zainudin Maidin tadi, sahabat kita itu memanglah tepat sekali, tetapi kita sekarang terjerumus dalam satu keadaan yang baru, era baru, era sebelum tahun 2000, sebelum tahun 60-an memang wujud tiru-meniru ini dengan bebas sekali. Kalau kita lihat satu ketika pernah orang mengatakan kalau kita beli kereta Jepun, bila ada accident sahaja, kita lihat tin milo, mereka cakap, fasal benda itu tidak begitu canggih, tetapi kini seperti yang Yang Berhormat Saudara Zam sebutkan, teknologi Jepun merupakan teknologi mass production yang paling canggih dan murah kerana mass production, tetapi Jepun, Tuan Yang di-Pertua, ia mengamalkan satu dasar obsolescent yang dipanggil apa yang dikeluarkan pada hari ini mereka sudah ada model baru siap untuk tiga, empat tahun. Keluar sahaja model 'A' ini misalnya, tahun depan sudah obs olete dah, dia kata force obsolescent,

maknanya dalam masa dua, tiga tahun satu jenama itu boleh hilang dalam market kerana yang baru itu berderet-deret menunggu untuk dihasilkan dalam pasaran.

Jadi, pada waktu sekarang, dengan wujudnya perundangan-perundangan dengan era globalisasi, liberalisasi, tidak mungkin negara-negara ini berani untuk hendak melanggar syarat-syarat yang ditetapkan oleh badan-badan dunia, terutama negara-negara yang ingin membangun, kerana waktu itu Jepun, Korea dan sebagainya merupakan negara-negara yang baru hendak muncul ke tahap ekonomi yang sofistikated. Kini negara-negara yang baru hendak membangun sekarang ini, disekat peluang untuk hendak meniru tidak boleh dah kerana peruntukan daripada WTO, daripada Bank Dunia, daripada IMF semuanya menyekat peluang-peluang peniruan yang dahulunya tidak ada badan-badan ini yang berkuasa secara hegemony untuk memberikan kuasa kepada badan-badan institusi antarabangsa menjadi polis dunia ke atas perdagangan, jadi sekarang ini sudah berubah.

Jadi, kita mengucapkan tahniah kepada negara-negara dahulu, pra industri dahulu, pra 2000 dahulu untuk sekarang ini meningkat menjadi negara-negara maju dan mereka bagus juga, kerana daripada tiruan itu mereka memutarakan pemikiran bagaimana cara hendak meningkatkan tahap pencapaian teknologi dan ia berjaya, sungguhpun pada asalnya mereka tiru sesuatu produk, sesuatu teknologi tetapi diperbaiki dan ini mendorong mereka untuk sentiasa meningkatkan tahap pencapaian kecanggihan satu-satu teknologi dan kita ucapkan tahniah.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada mewujudkan model teroka bagi menentukan wujudnya teknologi-teknologi baru yang memerlukan paten-paten ini ialah sistem pemasarannya. Di Amerika Syarikat, NASDAQ ditubuhkan semata-mata mencari jalan untuk hendak menyenaraikan syarikat-syarikat yang mempunyai penemuan-penemuan teknologi tinggi dan canggih, bukan sahaja orang-orang Amerika menyenaraikan syarikat-syarikatnya, Singapura menyenaraikan sebuah, dua buah syarikat di situ. Israel pun menyenaraikan syarikat-syarikatnya di situ kerana di situlah penumpuan orang ramai untuk hendak melabur kerana pulangan daripada syarikat-syarikat yang canggih dan tinggi teknologi ini pulangannya amat tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, jadi mereka berebut-rebut untuk ke sana, sungguhpun begitu ada juga yang gagal dan Soros merupakan seorang yang gagal mengambil keuntungan daripada NASDAQ, dia rugi. Soros terpaksa tutup pelaburan mereka menerusi NASDAQ. Baru-baru ini Perdana Menteri kita yang mula-mula sekali

memberi amaran, jangan kita beria-ia sangat menumpukan perhatian pelaburan kepada syarikat-syarikat dot com, syarikat-syarikat yang canggih dari segi teknologi kerana sesungguhnya bukan semua syarikat itu akan berjaya untuk mendapatkan pendapatan yang lumayan kerana ada juga yang gagal, ianya merupakan satu gelembung, satu bubble yang boleh pecah bila-bila masa dan Soros menjadi mangsa kepada paradigma baru ini.

Kita mengucapkan terima kasih kepada dunia menunjukkan Soros sebagai sepandai-pandai tupai melompat jatuh juga ia ke bumi. Dahulu dia pandai sangat khabarnya, dia buat RM1 bilion di England berasaskan pound dengan European Monitor System (EMS) habis dia, sekarang dia tutup, pegawai-pegawai dia pun sudah lari, dia tutup quantum fund dengan quota fund dia dan tiger fund pun juga bermasalah. Bila NASDAQ ditubuhkan di sana, kita juga menubuhkan, saya mengucapkan tahniah kepada kerajaan, MESDAQ untuk menentukan syarikat-syarikat teknologi tinggi ini disenaraikan dalam MESDAQ tetapi tidak banyak. Saya hendak tahu dari pihak kerajaan berapa sudah syarikat-syarikat di Malaysia yang canggih dari segi teknologi ini disenaraikan di MESDAQ dan apakah kedudukannya kerana ini merupakan satu pendekatan yang terpaksa kita ikuti untuk menentukan syarikat-syarikat ini mempunyai pasaran dan penerimaan orang ramai.

Tuan Yang di-Pertua, kalau ini kita buat, insya-Allah, kita juga terpaksa mengembangkan kerana kita lihat di Eropah sendiri, kalau Amerika ada NASDAQ, di negara-negara Eropah, dia ada ESDAQ dari segi pendekatan baru, mereka juga mempunyai satu papan penyenaian syarikat-syarikat, kita ada MESDAQ, Singapore saya tidak tahu tetapi semuanya ini ada dan kalau boleh kerana ini berasaskan kepada ilmu yang canggih ini, kalau boleh syarikat-syarikat dan kawasan wilayah sekitar ASEAN mengadakan ASDAQ, syarikat-syarikat kumpulan Asian dengan kecanggihan masing-masing masuk ke senarai yang lebih besar. Jadi kalau kita buat penemuan peringkat wilayah semacam ini, saya rasa ianya tentu sahaja akan meningkatkan penyertaan-penyertaan pelabur-pelabur kerana kita mahukan penemuan ilmu ini dapat menjadi satu budaya baru di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, tetapi hendaklah kita berwaspada kerana perkara-perkara semacam ini, penemuan ilmu semacam ini dari segi risikonya lebih tinggi daripada ekonomi lama, produk yang berasaskan kepada production, pengeluaran. Ekonomi baru ini banyak liku-liku yang terpaksa kita atasi kerana pembaharuan yang

menghasilkan keuntungan yang tinggi dan pada masa yang sama risikonya juga tinggi, apa yang dikatakan dalam bahasa Inggeris, 'no venture no gain', kalau dari segi banyak besar venturanya lagilah banyak kemungkinan kerugiannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mintalah supaya pihak kerajaan kita selain daripada mengadakan MESDAQ kita sendiri, mencari jalan bagaimana saintis-saintis negara kita yang sekarang ini bermastautin di luar supaya balik cepat-cepat, berilah dia regime cukai yang lebih senang, yang lebih mudah untuk menarik balik tax break, beri mereka tax break balik ke sini supaya mereka dapat memenuhi kekosongan yang wujud berasaskan kepada apa yang saya sebutkan tadi dalam Multimedia Super Corridor 2,000 atau 3,000 lagi pegawai-pegawai profesional terutama dalam bidang komputer software untuk mereka pulang dan kerjasama dengan India, baik kita jemput kerana mereka sekarang kalau tidak pergi ke sini, pergi Silicon Valley, di lembah Silikon.

Saya ingin juga mencadangkan supaya keuntungan yang dicapai sebagai durian runtuh kepada penemuan baru yang hi-tech ini kalau sekiranya dapat untung terlalu banyak pada mula-mula dia mendapat penemuan, kurangkan sedikit cukai dan kita ambil masa persepsi jangka panjang supaya keuntungan yang berlambak-lambak begitu yang datang mendadak di atas risiko yang tinggi tadi, dapat dipermudahkan pembayaran ataupun dikurangkan pembayarannya dan tidak dibayar secara serentak.

Saya menyokong rang undang-undang ini untuk kita gubal tetapi berwaspadalah agenda-agenda yang mungkin diambil oleh negara-negara maju terhadap kita dan negara-negara membangun yang lain. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya minta Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menjawab.

11.36 pagi

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tuan Wong Kam Hoong]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Mustaffa Kamal, Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng dan Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz kerana turut membahaskan Rang Undang-undang Reka Bentuk Susun Atur Litar Bersepadu 2000.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menjawab isu-isu penting yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat berkenaan.

Yang Berhormat Tuan Mustaffa Kamal secara keseluruhannya membahaskan mengenai kepentingan rang undang-undang ini kepada negara. Beliau juga meminta penjelasan mengenai subfasal 13(4). Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, subfasal 13(4) tidak melepaskan defenden atas liabiliti bagi kesalahannya. Tetapi memandangkan kesalahan itu tidak diniatkan maka ganti rugi tidak dikenakan. Walau bagaimanapun, defendan masih perlu mengakaunkan bagi keuntungan yang telah diperolehi akibat kesalahan itu dan amaun keuntungan akan kena diserahkan kepada plaintif.

Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng meminta penjelasan mengenai Fasal 8 iaitu mengenai tempoh perlindungan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tujuan had masa atas perlindungan yang diberikan itu adalah supaya monopoli tidak berlaku. Namun suatu masa yang berpatutan perlu diberikan bagi pemegang hak mengenai sesuatu reka bentuk susun atur mendapat pulangan atas usaha intelektualnya dan pelaburan kewangan serta masanya.

Dalam hal reka bentuk itu telah dieksploitasi secara perdagangan, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ungkapan itu ditakrifkan maka ia sudah ada di pasaran, maka tempoh itu iaitu 10 tahun adalah patut mengikut hal keadaan. Sebaliknya jika pemegang hak memilih untuk berdiam diri, had masa 15 tahun diberikan sebelum orang lain dibenarkan mengeksploitasinya secara perdagangan. Dimaklumkan bahawa tempoh itu juga telah ditetapkan dalam perkara 38, TRIPS agreement. Oleh itu, tempoh dalam Fasal 8 adalah selaras dengan kehendak WTO.

Yang Berhormat Dato' Dr. Chin juga meminta penjelasan mengenai Fasal 28 iaitu dalam keadaan apakah lesen wajib akan diberi?

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Tuan Yang di-Pertua, boleh minta sedikit laluan tentang penjelasan yang telah diberi berkenaan dengan pertanyaan saya dalam perkara 8(1). Kalau maksud yang dijelaskan tadi ialah supaya perlindungan hanya sepuluh tahun, kalau hak cipta itu telah dieksploitasikan secara perdagangan, kenapa fasal dalam akta itu tidak disebutkan demikian, supaya tidak ada kekeliruan sama ada sepuluh tahun ataupun lima belas tahun. Terima kasih.

Tuan Wong Kam Hoong: Tuan Yang di-Pertua, Fasal 8 sebenarnya tidak ada kekeliruan. Kalau sebuah reka bentuk susun atur yang di eksploitasikan secara komersial maka 10 tahun diberi kepada pencipta itu. Dan kalau beliau berdiam sahaja, 15 tahun tetapi pada iklim sekarang di bidang teknologi tinggi, mereka perlu

mengeluarkan banyak pelaburan untuk mencipta sebuah reka bentuk susun atur, sebab itulah pada lazimnya pencipta selalu rush product itu kepada market, so masalah ini tidak akan timbul.

Saya sambung, Yang Berhormat Dato' Chin juga meminta penjelasan mengenai Fasal 28 iaitu dalam keadaan apakah lesen wajib akan diberi dan adakah terma dan syarat akan ditetapkan. Mengenai perkara ini, keadaan bagi Mahkamah Tinggi menimbangkan suatu permohonan bagi suatu lesen wajib telah ditetapkan dalam subfasal 28 (1) sebagai suatu syarat tambahan dan untuk melindungi kepentingan pemegang hak reka bentuk susun atur. subfasal 28(2) menghendaki pemohon memuaskan Mahkamah Tinggi bahawa beliau telah berusaha untuk mendapatkan kebenaran pemegang hak atas syarat dan terma perdagangan yang munasabah. Ini kerana reka bentuk itu mempunyai nilai ekonomi yang boleh dibuktikan melalui keterangan yang dikemukakan dan pemegang hak tidak patut kerugian dalam memberikan lesen eksklusif dan penyerahhakkan lain. Pemohon juga perlu menunjukkan bahawa usahanya itu tidak berhasil walaupun telah mencuba bagi tempoh yang munasabah. Maksud 'munasabah' adalah munasabah mengikut hal keadaan kes dan kegigihan pemohon dalam tempoh masa itu juga perlu diambil kira. Garis panduan bagi menentukan kemunasabahan itu dijangka akan diwujudkan oleh mahkamah dalam mendengar kes-kes di hadapannya sebagaimana yang diamalkan sekarang.

Yang Berhormat Dato' Dr. Chin juga menanya berkenaan hal penggunaan bagi maksud bukan perdagangan awam perlu ditentukan yang pemberian kuasa oleh menteri diberi dalam tempoh yang munasabah. Dimaklumkan bahawa maksud 'bukan perdagangan awam' ialah 'perbuatan yang dilakukan bagi pertahanan atau keselamatan dalam negara Malaysia ataupun demi kepentingan awam.' Walaupun contoh-contoh tidak diberikan dalam Akta ini tapi ini contohnya yang patut. Oleh itu, dapat dijangkakan yang penggunaan bagi maksud itu akan disegerakan. Hakikat itu telah diambil kira dalam subfasal 24(2) yang memperuntukkan bahawa pemberian kuasa itu boleh diberikan sebelum atau selepas perbuatan itu. Oleh itu, tempoh masa sebelum pemberian kuasa itu diberikan sepatutnya tidak menjadi masalah.

Yang Berhormat Dato' Dr. Chin juga menanya hal penggunaan bagi maksud bukan perdagangan oleh kerajaan atau orang yang ditetapkan oleh menteri perlukah

ditentukan yang saraan dibayar kepada pemegang hak dalam tempoh yang munasabah.

Merujuk kepada Fasal 27, saraan yang mencukupi mengikut hal keadaan kes kena dibayar atas penggunaan bagi maksud bukan perdagangan awam. Dalam hal amaun saraan itu dirundingkan di antara pihak-pihak yang terlibat iaitu kerajaan atau orang yang diberi kuasa dan pemegang hak. Cepat, lambat persetujuan akan bergantung kepada pihak-pihak itu. Namun, sekiranya perkara itu terpaksa dirujuk kepada Mahkamah Tinggi untuk diputuskan maka pihak-pihak itu terpaksa akur kepada jadual masa Mahkamah Tinggi.

Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz membangkitkan beberapa perkara yang merangkumi semua bidang harta intelek. Beliau mempersoalkan siapa yang akan lebih untung atau siapa yang kita hendak lindungi dengan mengadakan undang-undang seperti ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, adalah diakui bahawa bagi jangka masa pendek undang-undang seperti ini akan menguntungkan negara maju kerana mereka sudah mempunyai head start dalam bidang ini. Selain daripada memenuhi keperluan Perjanjian TRIPS dan WTO, undang-undang seperti ini adalah penting untuk negara dalam jangka masa panjang dan sesuai dengan dasar dan pemikiran negara pada masa ini. Ini adalah selari dengan hasrat negara untuk menggalakkan industri berteknologi tinggi dan seterusnya menggalakkan perkembangan Koridor Raya Multimedia iaitu MSC dan k-ekonomi yang diberi penekanan oleh kerajaan sekarang. Malah adalah difikirkan bahawa pengwujudan undang-undang seperti ini akan menjadi faktor yang boleh membantu menarik pelaburan ke MSC.

Selain daripada itu, keahlian negara dalam Perjanjian TRIPS dan WTO akan memastikan reciprocity dari segi perlindungan di kalangan semua negara ahli. Negara seperti Malaysia akan mendapat manfaat dari segi pemindaan masuk teknologi terkini yang hanya terdapat di negara-negara maju. Harta intelek yang dihasilkan rakyat tempatan atau teknologi tempatan akan mendapat perlindungan di negara-negara lain yang menjadi ahli WTO.

Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz juga membangkitkan kes begitu banyak di mahkamah dan pengwujudan undang-undang ini akan menambahkan beban mahkamah. Kes-kes cetak rompak yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat lazimnya dikendalikan di bawah Undang-undang Hakcipta yang sedia ada.

Perlanggaran hak cipta dan perlanggaran reka bentuk susun atur adalah berbeza. Sementara pelanggaran hak cipta adalah agak mudah dan berleluasa. Saya rasa adalah agak sukar untuk meniru reka bentuk susun atur kerana peniruannya memerlukan alat-alat yang berteknologi tinggi dan mahal dan oleh yang demikian ianya tidak boleh ditiru oleh orang ramai dengan mudah.

Selain daripada itu, timbul juga masalah sama ada terdapat demand untuk barang tiruan itu disebabkan orang tertentu atau industri tertentu sahaja yang memerlukannya. Oleh yang demikian, adalah dijangkakan bahawa ianya tidak akan berleluasa seperti cetak rompak di bawah Akta Hakcipta 1987.

Dato' Abdul Aziz juga membangkitkan isu cetak rompak perisian komputer iaitu software dan usaha syarikat pemilik perisian tersebut untuk membanteras gejala itu dengan bantuan kerajaan. Saya tidak bercadang untuk menjawab dengan panjang lebar, memadai dengan menyatakan bahawa kerajaan memandang serius masalah ini dan telah serta akan terus berusaha untuk membanteras gejala ini. Kerajaan juga sentiasa menggalakkan pemilik hak cipta untuk bekerjasama dengan kerajaan bagi menguatkuasakan hak mereka. Di samping itu, kerajaan juga sentiasa berusaha untuk menggalakkan pengguna supaya menggunakan perisian asli.

Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz juga membangkitkan isu berkaitan dengan kawalan virus komputer. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perbuatan memasukkan virus atau data ke dalam sesuatu komputer dengan niat memusnahkan data dalam komputer itu adalah satu kesalahan di bawah Akta Jenayah Komputer 1997. Akta ini belum mula berkuat kuasa lagi.

Juga, Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz membangkitkan banyak idea dan cadangan di dalam perbahasannya. Dato' Abdul Aziz boleh dikatakan sebagai seorang *master of all trade*. Beliau begitu fasih dalam semua bidang tetapi cadangan-cadangan yang dibangkitkan bukan semuanya di bawah bidang tugas kementerian saya. Kementerian lain khususnya, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia adalah lebih pakar menjawab idea-idea atau syor-syor dan cadangan-cadangan lain. Dengan ini sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat yang mengambil bahagian membahas Rang Undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang, hendaklah disetujukan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal 1 hingga 33 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG REKA BENTUK PERINDUSTRIAN (PINDAAN) 2000

Bacaan Kali Yang Kedua

11.55 pg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tuan Wong Kam Hoong]: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan, iaitu Rang Undang-undang untuk meminta Akta Reka Bentuk Perindustrian 1996 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, sebentar tadi Dewan ini telah meluluskan Rang Undang-undang Reka Bentuk Susun Atur Litar Bersepadu 2000 bagi memberi perlindungan ke atas sesuatu reka cipta susun atur litar bersepadu dengan mewujudkan undang-undang berkaitan dengan susun atur litar bersepadu itu. Akta Reka Bentuk Perindustrian 1996 perlu dipinda sewajarnya bagi memastikan tafsiran reka bentuk perindustrian tidak merangkumi reka bentuk susun atur litar bersepadu kerana kedua-duanya adalah merupakan dua perkara yang berbeza.

Sepertimana yang telah dijelaskan semasa membentangkan Rang Undang-undang Reka Bentuk Susun Atur Litar Bersepadu 2000 di Dewan ini, reka bentuk susun atur litar bersepadu adalah merupakan unsur-unsur litar bersepadu yang disusun atur dan disediakan dalam bentuk tiga dimensi untuk tujuan pengeluaran. Ini

merupakan produk yang digunakan untuk melaksanakan sesuatu fungsi elektronik misalnya dalam menggerakkan fungsi sesuatu komputer. Manakala reka bentuk perindustrian pula adalah merupakan ciri bentuk data rajah, corak atau hiasan yang dapat dilihat dan dinilai dengan pandangan mata. Oleh kerana perbezaan ini, Akta Reka Bentuk Perindustrian 1996 perlu dipinda untuk mengeluarkan litar bersepadu atau sebahagian daripada suatu litar bersepadu sebagaimana yang dimaksudkan di bawah Rang Undang-undang Reka Bentuk Susun Atur Litar Bersepadu 2000 daripada perlindungan di bawah Akta Reka Bentuk Perindustrian 1996.

Perkara-perkara yang dipinda adalah seperti berikut:

- (a) Tafsiran Barang - Tafsiran barang di bawah Seksyen 3(1) dipinda untuk mengeluarkan suatu litar bersepadu atau suatu bahagian sesuatu litar bersepadu mengikut pengertian Akta Reka Bentuk Susun Atur Litar Bersepadu 2000 dan satu pencontoh yang digunakan untuk membuat litar bersepadu sedemikian daripada Akta; dan
- (b) Seksyen baru 13A - Seksyen baru 13A telah dimasukkan di dalam Akta untuk memperuntukkan bahawa pendaftaran suatu reka bentuk perindustrian yang terpakai bagi sesuatu litar bersepadu atau suatu bahagian sesuatu litar bersepadu mengikut pengertian Akta Reka Bentuk Susun Atur Litar Bersepadu 2000 dan pendaftaran suatu reka bentuk perindustrian yang terpakai bagi sesuatu pencontoh yang digunakan untuk membuat litar bersepadu sedemikian di bawah Akta Reka Bentuk Perindustrian 1996 tidak boleh dilanjutkan atau dimasukkan semula di bawah Akta itu selepas Akta Reka Bentuk Susun Atur Litar Bersepadu 2000 mula berkuat kuasa.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan yang dicadangkan itu hanyalah melibatkan tafsiran sahaja dan penjelasan mengenai kedudukan litar bersepadu yang telah didaftarkan di bawah Akta Reka Bentuk Perindustrian 1996 sebelum Akta Reka Bentuk Susun Atur Litar Bersepadu 2000 dikuatkuasakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.....

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Reka

Bentuk Perindustrian 1996 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Dato' Dr. Chin Fook Weng, sila.

12.00 tgh.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong bahawa pindaan kepada Akta Reka Bentuk Perindustrian 1996 itu diterima memandangkan penjelasan yang telah diberikan iaitu pindaan-pindaan yang dipohon itu hanya pindaan sampingan kerana kita baru-baru ini telah meluluskan Rang Undang-undang Susun Atur Litar Bersepadu 2000. Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Tidak payah jawab ya. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal 1 hingga 3 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PETUNJUK GEOGRAFI 2000

Bacaan Kali Yang Kedua

12.03 tgh.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tuan Wong Kam Hoong]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan suatu akta untuk mengadakan peruntukan bagi perlindungan petunjuk geografi dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, semasa membentangkan Rang Undang-undang Reka Bentuk Susun Atur Litar Bersepadu 2000 di Dewan yang mulia ini pada pagi ini, saya telah menjelaskan bahawa negara ahli Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO)

termasuk Malaysia telah menandatangani satu perjanjian yang dinamakan Agreement On Trade Related Aspect Of Intellectual Property Rights (TRIPS) yang bertujuan untuk menyeragamkan undang-undang dan peraturan-peraturan mengenai harta intelek di kalangan negara-negara ahli WTO. Bagi memenuhi obligasi Malaysia di bawah perjanjian TRIPS itu semua perundangan berkaitan dengan harta intelek perlu dikemaskinikan termasuk penggubalan satu akta baru iaitu Akta Petunjuk Geografi 2000.

Petunjuk geografi merupakan salah satu cabang harta intelek. Ia adalah merupakan petunjuk yang mengenal pasti indikasi dari mana sesuatu barangan itu berasal, di mana kualiti kerja, reputasi atau lain-lain ciri barangan tersebut dikaitkan dengan tempat asal ia dikeluarkan. Tafsiran petunjuk geografi terdapat di Fasal 2 Rang Undang-undang. Pada masa ini perlindungan petunjuk geografi memainkan peranan penting dalam perhubungan perdagangan di peringkat nasional dan antarabangsa. Penyalahgunaan petunjuk geografi adalah bertentangan dengan amalan perdagangan dan perindustrian yang beretika kerana ianya boleh menyebabkan kekeliruan kepada pembeli mengenai asal usul barangan yang dibeli. Penyalahgunaan indikasi tersebut juga akan menimbulkan persaingan kurang sihat dalam perdagangan. Petunjuk geografi boleh diguna kepada barangan yang semulajadi atau barangan pertanian atau apa-apa barangan dari hasil kraftangan atau dari industri kayu-kayan, industri gula, buah-buahan, wain, kopi, teh, tembakau, barangan tekstil dan lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua, mewujudkan sistem pendaftaran petunjuk geografi boleh menyumbang kepada reputasi dan mewujudkan nama baik kepada barangan yang berindikasikan nama tempat di kalangan pengguna yang seterusnya boleh menaikkan promosi eksport barangan tersebut dengan lebih berkesan di samping memperkenalkan tempat tersebut seperti Selangor Pewter, Langkawi Marble, Kacang Menglembu dan lain-lain nama tempat di negara ini. Rang Undang-undang yang dicadangkan ini adalah merangkumi peruntukan-peruntukan yang bertujuan untuk melindungi tuan punya atau pemilik petunjuk geografi.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Petunjuk Geografi 2000 yang dicadangkan secara keseluruhannya mempunyai 32 fasal dan dibahagi kepada tujuh bahagian seperti berikut.

Bahagian 1 mengandungi peruntukan-peruntukan berhubung dengan permulaan. Bahagian ini mempunyai dua fasal iaitu mengenai tajuk ringkas dan tafsiran.

Bahagian II mengandungi peruntukan-peruntukan berhubung dengan perlindungan petunjuk geografi. Bahagian ini mempunyai lima fasal yang menyediakan peruntukan bagi melindungi petunjuk geografi tidak kira sama ada ianya didaftarkan di Malaysia atau tidak dan peruntukan bagi melarang pihak-pihak yang tidak berkenaan daripada menggunakan sesuatu petunjuk geografi yang tiada kaitan dengannya. Bahagian ini juga menyediakan prosiding sivil di mahkamah untuk menghalang penyalahgunaan petunjuk geografi dengan cara perintah injuksi, memberi bayaran ganti rugi, dan apa-apa remedy civil atau relief yang berpatutan.

Tuan Yang di-Pertua, Bahagian III mengandungi peruntukan-peruntukan berhubung dengan pentadbiran yang dibahagikan kepada tiga fasal. Ini termasuklah peruntukan supaya diwujudkan Pejabat Pendaftaran Petunjuk Geografi serta pejabat cawangannya dan satu Daftar Petunjuk Geografi disediakan untuk merekod butir-butir berkaitan petunjuk geografi yang didaftarkan dan daftar itu dibuka untuk semakan orang awam. Untuk menguruskan pejabat pendaftaran dan urusan pendaftaran menteri diberi kuasa melantik Pendaftar, Timbalan Pendaftar dan Penolong-penolong Pendaftar petunjuk geografi.

Bahagian IV mempunyai 11 fasal yang menyediakan peruntukan-peruntukan berhubung dengan tatacara pendaftaran petunjuk geografi. Ia juga menjelaskan mengenai kelayakan untuk mendapat pendaftaran. Permohonan yang mematuhi kehendak formal yang ditetapkan serta tidak berlawanan dengan kesejahteraan awam atau akhlak permohonannya akan diluluskan dan diwartakan. Seterusnya sijil pendaftaran akan dikeluarkan apabila tiada bantahan terhadap permohonan tersebut. Bahagian ini juga memperuntukkan bahawa hanya pengeluar yang menjalankan aktiviti di tempat petunjuk geografi seperti yang tercatat di dalam buku daftar petunjuk geografi sahaja yang mempunyai hak untuk menggunakan petunjuk geografi berkenaan dalam urusan perniagaan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, Bahagian V mengandungi lima fasal iaitu mengenai peruntukan-peruntukan berhubung dengan kuasa-kuasa pendaftar untuk membatalkan atau membuat ratifikasi kepada mana-mana pendaftar petunjuk geografi di dalam buku daftar dan juga kuasa pendaftar untuk membuat pembetulan kepada apa-apa

kesilapan terjemahan atau transkripsi, kesilapan tulisan atau kesalahan lain dalam mana-mana permohonan atau dokumen yang difailkan. Pendaftar juga diberi kuasa untuk melanjutkan tempoh masa ke atas perkara-perkara yang telah ditetapkan tempoh masanya di dalam Rang Undang-undang yang dicadangkan atau peraturan di bawahnya. Bahagian ini juga memperuntukkan kuasa kepada pendaftar untuk mengenakan kos kepada mana-mana pihak selepas sesuatu prosiding. Pendaftar juga boleh mengenakan security cost proceeding mengenai bangkangan kepada pemohon atau pembangkang yang tidak tinggal dan tidak menjalankan perniagaan di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, Bahagian VI adalah mengenai peruntukan-peruntukan khas, ia mengandungi tiga fasal yang berkaitan dengan peruntukan mengenai kedudukan perlindungan petunjuk geografi sebelum atau selepas penguatkuasaan Rang Undang-undang Petunjuk Geografi yang dicadangkan ini. Bahagian ini juga menyediakan peruntukan bagi melindungi cap dagangan yang serupa atau seiras dengan petunjuk geografi yang telah didaftar sekurang-kurangnya sepuluh tahun sebelum tarikh 15 April 1994 atau bona fide sebelum tarikh tersebut. Ini adalah untuk mematuhi Perkara 24.4 hingga Perkara 24.8, Perjanjian TRIPS.

Bahagian VII mengandungi peruntukan-peruntukan pelbagai. Bahagian ini mengandungi tiga fasal yang berkaitan dengan kuasa untuk membuat rayuan ke atas keputusan pendaftar dan kuasa menteri untuk membuat peraturan-peraturan untuk pelaksanaan Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Petunjuk Geografi adalah selaras dengan standard antarabangsa dan mematuhi kehendak Perjanjian TRIPS di mana Malaysia adalah anggota kepada perjanjian tersebut. Adalah diharapkan Rang Undang-undang ini boleh meningkatkan eksport barangan negara ini dan dengan secara tidak langsung akan menaikkan nama serta meningkatkan dagangan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi perlindungan petunjuk geografi dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Dato' Aziz.

12.15 tgh.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, kita ucapkan tahniah kepada pihak kerajaan kerana sudah sampai masanya Rang Undang-undang Petunjuk Geografi 2000 ini diwujudkan. Saya pernah menyuarakan di dalam Dewan yang mulia ini bagaimana produk-produk kita yang dihantar menerusi Singapura selepas itu sampai ke Singapura ia dikaji oleh peniaga-peniaga Singapura, yang baik dia kata dari Singapura, hak yang tidak baik dari Malaysia.

Hal ini pernah saya katakan menerusi perbincangan penggunaan port kita, pelabuhan. Saya perhatikan pada suatu ketika banyak produk balak misalnya, kayu-kayan yang menggunakan Singapura sebagai pelabuhan untuk di re export, dieksport semula oleh Singapura. Walhal kita mempunyai Pelabuhan Klang di mana Tuan Yang di-Pertua pun lebih maklum kerana port itu merupakan pelabuhan yang amat canggih yang mempunyai kapasiti yang bagus, yang baik, selepas itu pelabuhan di Johor pun kita sudah ada dua sekarang ini untuk menampung pengeksport-pengeksport. Amat jelas sekali apabila mereka menggunakan Singapura, peniaga-peniaga Singapura dari segi kayu-kayan Tuan Yang di-Pertua, dan Singapura tidak ada kayu, bila dia eksport semula barang-barang yang baik dari Singapura, kayu-kayan Singapura.

Saya minta pihak kementerian meneliti perkara ini kerana sudah ada undang-undang yang begini rupa, saya rasakan elok sekali petugas-petugas yang bertanggungjawab di bawah kementerian yang saya sebutkan tadi pergi ke Singapura untuk mengkaji, apakah jenis-jenis produk daripada negara kita yang telah pun ditukar label dari segi geografinya. Kayu-kayan yang baik dari Singapura - Singapura bukan ada kayu, bukan ada balak tetapi mereka mengeksport kayu-kayu ini ke negara-negara lain atas nama Singapura.

Timbalan Yang di-Pertua: Seperti kelapa sawit dan getah pun melalui Singapura.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Ha!, kelapa sawit, kayu-kayu kelapa sawit, transshipment sahaja di Singapura dan yang lebih penting memburukkan nama negara kita apabila yang cantik, yang baik adalah produk Singapura, hak yang tidak cantik, tidak molek dari Malaysia. Ini Tuan Yang di-Pertua, saya mengharapkan the arm of the law, dari 'tangan' undang-undang ini membatasi sempadan untuk pegawai-pegawai kita menyelidik bukan sahaja kita gunakan Suruhanjaya kita di Singapura tetapi pegawai-pegawai kita mestilah pandai menyelidik, sungguhpun kita dalam

anggota ASEAN, bagaimana dan apakah ianya berlaku secara berleluasa, jenama-jenama keluaran kita, produk-produk kita ditukar dari segi geografinya di negara-negara tersebut. Jadi saya minta ini merupakan satu priority apabila Rang Undang-undang ini dikuat kuasa.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menentukan kita dapat mengeksploitasi keuntungan daripada Rang Undang-undang ini pihak kerajaan terpaksa meneliti apakah keunikan negara kita ini. Tadi disebut oleh pihak kerajaan, Selangor Pewter bagus, Langkawi Marble, kelapa sawit Malaysia, dia tidak sebut lagi itu.....

Timbalan Yang di-Pertua: Kajang Satay pun boleh.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Kajang Satay, jadi semuanya ini kita senaraikan dari segi produk-produk yang benar-benar berasaskan kepada kemalaysiaannya untuk kita menggunakan Malaysia sebagai nama dan jenama di peringkat antarabangsa, dibuatkan pattern, ini yang saya sebutkan tadi, Satay Ria dahulu untuk makluman Dewan yang mulia ini pernah saya sebutkan, tidak dapat pergi ke Singapura kerana orang Singapura sudah buat satu pattern di sana, Satay Ria dan di tempat-tempat lain.

Jadi kita ini Tuan Yang di-Pertua, kadangkala tidak mahu mengikuti arus, kalau kita ada sesuatu produk, kita kena mendaftar di tempat-tempat tertentu seperti juga orang mendaftar Exxon pada sesuatu ketika, satu syarikat - entah di mana saya sudah lupa, dia daftar nama Exxon sebab itu bila Exxon hendak masuk tidak dapat, selepas itu bila dia hendak masuk kena berunding membayar, pembayaran yang amat tinggi untuk hendak mengambil jenama itu balik. Ini berlaku kerana dia tidak berdaftar tempat itu atau kuasa pendaftaran tidak sampai ke sesebuah negara itu.

Jadi kita kena kaji negara-negara mana yang perlu kita mendaftar jenama kita supaya geografi Malaysia itu terjaga dan terjamin. Dalam hal ini Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta berkongsi dengan pihak kerajaan, kuini sebagai suatu contoh, kuini sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, adalah merupakan ubat untuk mengubati malaria, saya tidak tahu, Dato' Long Jidin pun ada di sini. Kuini ini kebanyakannya, untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, adalah merupakan satu bahan yang didapati di Malaysia dan di Indonesia dan negara-negara tropika yang lain. Saya tidak tahu di mana, mungkin di Coasta Rica atau di mana tetapi apabila orang putih tengok khasiat ubat ini, dia bawa ke England, dia patentkan di sana ataupun di Amerika saya pun tidak tahu.

Jadi maksud saya Tuan Yang di-Pertua, banyak penemuan perubatan yang macam disebutkan daripada saudara saya daripada Sarawak yang boleh mengubati AIDS, entah apa nama jenis pokok, jenis tanamannya.

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Bintangor, saudara saya daripada Santubong. Ini Tuan Yang di-Pertua, terpaksa terus didaftar atas jenama Sarawak Malaysia. Kita tidak hendak meninggalkan nama Sarawak tetapi sebut juga Malaysia itu, Sarawak Malaysia ada satu tumbuhan yang boleh mengubati AIDS yang kini melanda negara-negara terutamanya negara maju dan yang kurang maju kerana AIDS ini banyak di Afrika juga. Jadi ini satu penemuan s

Saya minta pihak kerajaan senaraikan apa dia keunikan-keunikan yang wujud di negara kita ini terutama dari segi herba. Herba ini, Tuan Yang di-Pertua, saya sudah bercakap tentang herba ini dahulu bagaimana banyaknya herba kita ini, tumbuhan-tumbuhan ini, jadi saya hendak tahu dalam spesies yang wujud di negara kita ini apa yang sebenar-benarnya khusus didapati di Malaysia.

Kita tahu Taman Negara di Sarawak, di Pahang, Terengganu, Kelantan mempunyai tanaman-tanaman yang berjuta-juta tahun tuanya dan mungkin tidak dapat di tempat lain. Soalnya sekarang senaraikan jenis-jenis tumbuh-tumbuhan yang unik daripada negara kita ini selepas itu kita buat kajian apakah keunikan itu merupakan ubat dan kalau ia merupakan ubat kita daftarkan supaya ianya benar-benar merupakan ubat Malaysia.

Jadi saya hendak ucapkan tahniah kepada FRIM, Institut Sains Biologi Universiti Malaya yang mewujudkan herbarium baru dan pusat pemuliharaan tumbuhan. Ini kita mesti wujudkan kerana saya takut dengan adanya sistem ekologi yang berbeza ini berasaskan kepada eksploitasi pembalakan dan sebagainya, saya takut tumbuhan-tumbuhan yang asli kepunyaan Malaysia pupus begitu sahaja.

Jadi tolong senaraikan secepat mungkin, yang sudah hendak pupus, kita hidupkan semula, kita pelihara semula seperti yang dibuat oleh Universiti Malaya menerusi Institut Sains Biologi untuk mewujudkan herba-herba Malaysia. Sekarang ini, Tuan Yang di-Pertua, dari segi perubatan ramai orang tidak mahu pergi dari segi produk-produk berasaskan chemical Mereka lebih gemar dan cenderung menggunakan perubatan secara herba. Jadi, herba merupakan satu punca pendapatan

negara kita kerana kita kaya dengan herba-herba ini. Soalnya eksploitasi terhadap pemasaran dan penyelidikannya masih berkurangan.

Jadi, untuk kita menyahut seruan Rang Undang-undang Petunjuk Geografi 2000 ini saya rasa sudah sampai masanya peruntukan dan belanjawan dicurahkan, diberikan kepada mereka yang benar-benar menyelidik herba ini supaya dapat satu senarai yang lengkap dan selepas itu kita umumkan seluruh dunia herba-herba inilah datangnya daripada Sarawak, Sabah, Pahang dan tempat-tempat lain. Yang saya tahu tempat yang banyak hutan banyak herba, jadi negeri-negeri macam Selangor tidak ada hutan dah. Saya minta maaf kepada Yang Berhormat seberang itu hutan sudah tidak ada. Kelantan pun saya difahamkan sudah banyak tidak ada hutan dah eksploitasi habis-habisan. Jadi Pahang masih ada, Sabah masih ada, Sarawak masih ada, jadi senaraikanlah.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengetahui bila kita pergi ke Amerika ke England, kita tengok baju katakanlah baju Van Hussen, saya hendak beli produk antarabangsa sekali-sekala, fasal hendak bawa balik hak made in USA. Saya tengok-tengok China, tengok-tengok Malaysia, kalau buat di Malaysia kenapa saya tidak boleh beli di Chow Kit Road ataupun di mana-mana sahaja. Kenapa terpaksa pergi ke Amerika, saya tengok baju-baju jenamalah, Polo shirt, Van Hussen, Dunhill saya tidak tengok lagi, yang lain-lain made in Malaysia. Rupanya Malaysia banyak mengeluarkan baju-baju yang hebat dari segi jahitannya kemas dari segi fesyennya tetapi hantar ke sana. Pada masa yang sama baju-baju ini ada juga dijual di sini. Dia chop yang sama, jadi macam mana ini saya hendak tahu dari segi Akta Pengenalan Geografi ini, yang dibuat oleh negara-negara lain, adakah kita mengamalkan di negara kita ini supaya kita tahu baju-baju ini dibuat di Teluk Intan atau di Temerloh, Pahang dan sebagainya.

Saya hendak sebutkan ini kerana banyak pakar pembuat baju di Pulau Pinang, baju Polo sekarang ini banyak dibuat di Pulau Pinang, banyak dibuat di Taiping atau di mana-mana tetapi dihantar ke luar negara atas nama yang kadangkala ditukar. Jadi saya hendak tahu adakah barang-barang dibuat di Malaysia ditukar nama oleh negara-negara yang mengeksport atau mengimport barang-barang kita. Kalau ianya berbuat demikian, kalau macam di Amerika memang dari segi undang-undang dia terpaksa menunjukkan *the country of origin*, mohon izin, Tuan Yang di-Pertua, negara asal sebab itu kita tengok banyak barang-barang kraf daripada China, daripada Philippines

di supermarket-supermarket sana. Yang Malaysia saya tidak nampak banyak lagi, yang buat daripada kayu, rotan dan sebagainya.

Jadi, mudah-mudahan kalau sekiranya wujudnya akta semacam ini kita boleh menentukan barang-barang buatan Malaysia tidak dipindah kepada negara-negara yang ingin mengeksploitasi piawai tinggi yang wujud di negara kita atas pembuatan-pembuatan yang kita lakukan.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya mengharapkan pemantauan undang-undang ini dapat dibuat dengan secepat mungkin terutama kalau wujudnya transshipment di negara jiran atas produk-produk kita yang mungkin akan mengakibatkan meruntuhkan imej kita kalau sekiranya yang buruk daripada Malaysia, yang cantik dibuat daripada negara yang membuat transshipment itu. Jadi ini amat penting, saya tidak tahulah adakah pihak kerajaan mempunyai pegawai-pegawai dan adakah ianya dibuat pasal perkara ini kompelin macam ini sudah lama kita sebut. Adakah mereka menganalisa perkara semacam ini secara detail, pergi ke negara-negara jiran menyaksikan adakah benar benda ini berlaku atau ianya hanya emosi sahaja.

Saya merasakan perkara ini perkara benar dan mintalah siasatan dibuat oleh pihak kerajaan. Saya mengucapkan tahniah kepada pihak kerajaan dan saya sekali lagi mengharapkan dengan banyak undang-undang ini cukup atau tidak kita dari segi mahkamah kita sekarang, Tuan Yang di-Pertua, adakah bila kita buat undang-undang, kita kaji kemungkinan berapa banyak kes-kes, berapa ramai hakim-hakim yang hendak duduk menyaksikan kes. Kerana Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini melambak-lambak kes, 700,000; 800,000. Kita tidak boleh melepaskan kes itu.

Jadi, adakah kita mempunyai kakitangan yang mencukupi, saya kasihan tengok hakim-hakim pergi petang, malam hanya hendak menyelesaikan kes-kes yang tertunggak. Selepas itu ada lagi akta-akta baru di mana tentu sahaja kalau ~~anya~~ dipantau dengan baik mengakibatkan kes-kes baru. Kes lama baru selesai, bidang-bidang baru timbul. Adakah kita hendak menggerakkan semula JP-JP ini dahulu yang mempunyai Majistret Kelas III ini untuk menyelesaikan masalah kecil-kecil ini, yang kena denda RM25, RM100 itu supaya mahkamah proper, mohon izin, yang mahkamah kehakiman semua ini ambillah kerja-kerja yang lebih berat, hukum-hukum yang lebih berat.

Jadi, galakkan balik sistem JP ini, Justice of Peace, saya tahu di antara Ahli-ahli Yang Berhormat pun ada JP-JP yang boleh duduk menjadi majistret untuk

menyelesaikan masalah-masalah kecil. Tetapi pemilihan JP juga mestilah berasaskan kepada lunas-lunas yang terkini. Jadi kalau semua orang jadi JP susahlah nak menjadi hakim pun tidak dapat. Jadi, mestilah berasaskan kepada lunas-lunas terkini yang berupaya menjalankan tanggungjawabnya.

Justice of Peace ini antarabangsa bukan semua boleh jadi JP, saya tidak tahu Dato' Lau jadi JP saya tidak tahu. Mungkin dia JP, saya tengok ada, kalau JP ini dia antarabangsa, Tuan Yang di-Pertua. Negara-negara Komanwel JP bukan main tinggi dari segi tarafnya. Chop JP itu boleh jalan terus menerusi tempat-tempat yang baik-baik belaka.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya minta pihak kerajaan ada sahaja undang-undang, kita kena *reflect* sedikit, kena buat *reflection* sedikit kepada tugas-tugas hakim dan kita *collaborate*, kita samakan kajian kita itu supaya dapatlah memantapkan penguatkuasaan undang-undang kerana itulah maksud undang-undang diadakan untuk ianya dikuatkuasakan dan mengambil tindakan-tindakan yang tertentu dan ianya berpaksi kepada sistem kehakiman negara. Saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng.

12.31 tgh.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya dapati dalam beberapa hari ini, kita telah sampai ke satu tahap iaitu negara kita telah sampai ke satu tahap yang lebih tinggi di dalam arena antarabangsa ini. Nampaknya dalam beberapa hari ini, kita telah sama ada telah menggadaikan ataupun tidak tetapi kita telah menjalankan obligasi kita di bawah arena antarabangsa dengan meluluskan beberapa rang undang-undang oleh kerana kita telah memasukkan suatu perjanjian yang dinamakan TRIPS dan kita telah menjadi satu anggota yang bertanggungjawab dalam WTO.

Sungguhpun demikian, sungguhpun kita telah menjalankan obligasi kita, maka ada juga negara-negara lain yang tidak begitu berusaha untuk menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka sebagai satu anggota dalam negara-negara di dunia ini. Jadi, kita harus menjadi petunjuk dan pemimpin kepada negara-negara yang belum lagi mengikut teladan kita dan dalam konteks kita dengan pemimpin-pemimpin negara-negara ini, haruslah kita memberitahu mereka usaha-usaha yang telah diambil untuk menjalankan tugas, tanggungjawab dan obligasi kita di bawah perjanjian TRIPS ini

dan juga mungkin menggesa mereka ataupun menekan mereka untuk mengikuti teladan kita.

Dalam perbahasan Rang Undang-Undang Petunjuk Geografi 2000 ini, saya ada beberapa pertanyaan dalam bahagian-bahagian tertentu. Saya rujuk kepada seksyen 4 di mana pengetepian daripada perlindungan itu akan diberikan iaitu mungkin kita tidak mahu ambil tindakan terhadap ini dan dalam satu aspek yang disebutkan dalam seksyen 4(b) itu ialah *petunjuk geografi yang bertentangan dengan ketenteraman awam atau prinsip moral*. Bagi ketenteraman awam, kita jelas apa yang dimaksudkan. Mungkin sesuatu petunjuk itu, kalau harus diberi perlindungan, ia akan menimbulkan masalah dari segi ketenteraman awam dan oleh kerana itu mungkin kerajaan tidak mahu memberi perlindungan kepada petunjuk demikian. So, saya tidak tahu apa contoh yang mungkin ada dalam kategori ini dan nanti dalam jawapan mungkin penjelasan boleh diberikan kepada saya tentang ini.

Perkara prinsip moral yang juga disebutkan dalam fasal ini, saya juga telah cuba melihat definisi 'prinsip moral' dan saya tidak dapat ini. Jadi, siapakah akan menilaikan sama ada sesuatu petunjuk geografi itu akan bertentangan dengan prinsip moral dan juga prinsip moral siapa? So, kita kena jelaskan sebelum kita tidak memberi perlindungan kepada sesuatu permohonan itu dan saya minta ini dibuat oleh kerana saya tidak mahu satu keadaan di mana perkara-perkara ini dipertikaikan. Katakan kita tidak mahu memberi perlindungan atau kita katakan perlindungan itu tidaklah dapat diberi oleh kerana ia bertentangan dengan apa yang disebutkan di sini. Dan apabila ditanya bagaimana kita menentukan ia bercanggah dengan sesuatu prinsip moral, bagaimana kita boleh jawab?

Saya juga ingin menanya dalam seksyen 5(d) itu, saya perhatikan wain itu diberi perlindungan khas. So, kenapa wain itu diberi begitu banyak keutamaan, oleh kerana negara kita pun tidak keluarkan sebarang wain. Ini pada pendapat saya, saya hendak tanya kenapa ini diberi begitu banyak perlindungan?

Di bawah seksyen 6(2), saya juga dapati sesuatu cap dagangan itu tidak juga akan diberi perlindungan, tidak akan didaftarkan kalau ia difikirkan dibuat dengan niat jahat. So, niat jahat ini juga, saya tidak dapat tafsirkan dari definisi.

Dari segi penjelasan sama ada sesuatu perkara ini jelas sehingga ia tidak dapat dipertikaikan, saya minta niat jahat ini juga diberi perhatian sama ada kita perlukan dari segi pentafsiran apa dia niat jahat.

Di bawah seksyen 22, satu perkataan “fi” maksudnya *fee*. Saya tanya kenapa kita guna “fi” apabila kita baca “fi” ini terjemahan dalam undang-undang lain, kita ada sebutkan “bayaran”. So, kenapa kita tidak ikut itu dan guna “bayaran”. Pertama kali saya baca “fi” ini, saya baca sebagai “fai” dan saya tidak tahu ertinya. So, kemudian saya rujuk balik kepada versi bahasa Inggeris, baru saya lihat “fee”. Saya minta ini diberi perhatian sama ada kita perlu terjemah *fee* kepada “fi” ataupun kita sudah ada “bayaran”.

So, itu adalah pendapat saya berkenaan dengan beberapa fasal dan pada keseluruhannya, saya sangat menyokong usaha kementerian kerana seperti saya katakan pada awal perbahasan ini, kita sudah masuk ke satu tahap yang lebih tinggi. Kita sudah menjadi macam negara maju. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen akan menjawab.

12.40 tgh.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tuan Wong Kam Hoong]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato’ Abdul Aziz bin Abdul Rahman dan juga Yang Berhormat Dato’ Dr. Chin Fook Weng yang mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Petunjuk Geografi 2000.

Yang Berhormat Dato’ Abdul Aziz membangkitkan isu-isu berkenaan dengan Rang Undang-undang Petunjuk Geografi dan masanya yang begitu kena. Tuan Yang di-Pertua, saya juga bersetuju dengan pandangan-pandangan Yang Berhormat Dato’ Abdul Aziz dan Yang Berhormat Dato’ Dr. Chin Fook Weng berkenaan dengan kelebihan rang undang-undang ini selepas itu diluluskan oleh Dewan yang mulia ini. Dengan meluluskan rang undang-undang ini, maka pengeluar-pengeluar atau pengusaha-pengusaha negara kita akan enjoy kelebihan iaitu dengan rang undang-undang ini ia akan menggalak pengeluar produk yang lebih berkualiti; kedua, akan mempromosikan nama-nama produk itu; ketiga, akan memberi insentif untuk meluaskan pasaran pada pengeluar atau pengusaha; dan keempat, mempromosikan nama-nama tempat produk dan akhirnya nama negara dan dengan tidak secara langsung mempromosikan industri pelancongan dan juga menambahkan eksport buatan Malaysia.

Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz membangkit isu berkenaan dengan produk negara kita yang telah ditukar nama oleh negara lain yang dikatakannya Singapura di mana banyak barang-barang negara kita menggunakan Singapura seperti satu pelabuhan pintu keluar untuk produk-produk negara kita. Isu yang dibangkitkan tidak termasuk dalam bidang kuasa Rang Undang-undang Petunjuk Geografi. Petunjuk geografi merujuk kepada jenama barang atau produk berdasarkan asal geografinya. Sate Ria misalnya, bukan satu petunjuk geografi kerana tidak menunjukkan sesuatu nama kawasan, tempat atau negara. Kalau Sate Kajang, boleh dilindungi di bawah akta ini. Sekiranya satu petunjuk geografi sesuatu produk telah ditukar oleh pengeluar di negara lain, maka tindakan undang-undang boleh diambil terhadap pengeluar yang telah menyalahgunakan petunjuk geografi itu. Singapura juga merupakan penandatanganan kepada Perjanjian TRIPS dan dengan itu mempunyai undang-undang seumpama ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai ka yu balak dari Malaysia atau buatan kayu-kayuan adalah disyorkan pengusaha-pengusaha Malaysia hendaklah menggunakan cap atau indikasi dari tempat ia dikeluarkan seperti 'Pahang Kayu Balak' atau 'Kayu Balak Sabah'. Ini adalah untuk mendapat perlindungan daripada rang undang-undang ini. Saya mengesyorkan juga kepada pengeluar-pengeluar negara kita pada masa kini selepas rang undang-undang ini diluluskan, tunjukkan produk-produk di kawasan atau tempat produk-produk ini dikeluarkan supaya mendapat perlindungan di bawah akta ini. Banyak barang kita dikeluarkan atau dieksportkan dari negara kita ditambah nilai (value added) iaitu dibuat pada satu produk lain tetapi asalnya komponen-komponen atau barang-barang itu daripada Malaysia. Misalnya, kayu getah, sekarang permintaannya paling tinggi di negara Barat sebab produk-produk ini adalah produk semula jadi (natural product). Dengan izin, this is not from our rainforest, so it is in high demand in Western countries.

Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng merujuk kepada Fasal 4(b) mengenai petunjuk geografi yang bertentangan dengan ketenteraman awam atau prinsip moral. Soalannya, apakah contoh dalam kategori ini, prinsip moral siapa, siapa yang menentukan prinsip moral itu. Apa-apa petunjuk yang boleh menjejaskan ketenteraman awam, contohnya perkataan-perkataan yang menggambarkan perkara-perkara keagamaan, politik atau fahaman sesuatu masyarakat sebab Malaysia adalah satu negara yang berbilang kaum, agama dan budaya. Petunjuk geografi yang

bercanggah atau bertentangan dengan prinsip moral adalah petunjuk geografi yang menggunakan perkataan lujah atau yang tidak senonoh pada pandangan masyarakat Malaysia.

Mengenai wain, Yang Berhormat Dato' Dr. Chin juga menanya mengapa peruntukan begitu khusus untuk produk wain. Perlindungan bagi wain ini dimestikan kerana ia adalah sebahagian daripada obligasi di bawah Perjanjian TRIPS. Walaupun Malaysia tidak mengeluarkan wain tetapi bagi wain yang diimport ke dalam Malaysia, Malaysia masih perlu memperuntukkan bagi wain kerana menjadi obligasi Malaysia dan dengan ini rang undang-undang ini bukan menggalakkan rakyat Malaysia meminum lebih banyak wain. Itu untuk perlindungan kepada satu produk daripada negara Barat dan juga Malaysia sekarang menggalakkan pelancong asing melawat negara kita dan ini satu produk yang amat diminta oleh pelancong asing khasnya daripada negara Barat.

Penggunaan perkataan 'fi' di Seksyen 22, 'fi' adalah perkataan yang telah diterima pakai oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Perkataan 'fi' adalah salah satu perkataan pinjaman daripada bahasa Inggeris yang telah mantap. Sila rujuk Kamus Dwi Bahasa DBP. Selalu banyak orang juga keliru dengan 'air' (ayer) dan 'air'. Kalau kita melawati stesen minyak khasnya orang asing, mereka perlu air tetapi dapat air (ayer). So, ini lebih baiklah di negara kita, kita sebagai rakyat sebab berbilang kaum, berbilang bahasa, kita fasih dalam pelbagai bahasa dan ini tidak akan menjadi satu kekeliruan khususnya kepada Dato' Dr. Chin Fook Weng, bahasanya powerful.

Kes-kes tertunggak di mahkamah, ini dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman, kes-kes tertunggak di mahkamah apabila undang-undang baru menambahkan lebih banyak perkara yang perlu dibawa ke mahkamah. Beliau bertanya adakah JP akan ditugaskan untuk mendengar kes, buat masa ini mahkamah masih boleh menangani masalah kes tertunggak di Malaysia, belum terdapat keadaan atau dasar atau polisi bagi membenarkan Justice of the Peace (JP) mendengar kes-kes seumpama ini. Dengan ini saya sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Tuan Yang di-Pertua, saya minta sedikit laluan kerana satu lagi perkara yang telah dibangkitkan oleh saya itu tidak dijawab iaitu niat jahat, so dari segi takrifan niat jahat ini bagaimana kita akan tahu sesuatu cap dagangan itu akan dilindungi kerana ia telah dipohon dengan niat jahat. Terima kasih.

Tuan Wong Kam Hoong: Tuan Yang di-Pertua, niat jahat ialah produk-produk yang ditawarkan kepada pasaran dan pengeluar-pengeluar atau pengusaha-pengusaha claim atau mendakwa produk-produk itu boleh berbuat sesuatu yang produk ini tidak boleh dibuat, misalnya kalau satu produk yang didakwa oleh pengeluar dengan memakan pil-pil itu kesannya semacam dengan Viagra. Itu satu niat jahatlah sebab orang bila dia makan, tidak ada kesan atau kuasa Viagra. Ini akan memusnahkan the good time he is going to have. Dengan niat jahat juga pada ketika saya muda, kita nampak banyak produk, kita nampak 'Colgate' dengan nama 'Coldgate' tambah satu huruf di tengah C-o-l-d-g-a-t-e dan dijual sebagai produk Colgate dan niat jahat buat masa ini tidak boleh ditakrifkan kerana terlalu luas.

Buat masa ini maksud am atau umum digunakan untuk menjelaskannya berdasarkan merit dan hal keadaan yang berkaitan dan ini terpulang kepada pendaftar atau mahkamah untuk memutuskannya sebab semua ini ialah Rang Undang-undang yang baru diluluskan oleh Dewan yang mulia ini dan bila dikuatkuasakan mungkin ada banyak kes dan dengan pengalaman penghakiman kita, kita akan mewujudkan satu ciri-ciri apa maksudnya niat jahat.

Dengan ini saya sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, yang mengambil bahagian dalam perbincangan dan atas cadangan-cadangan dan syor-syor mereka. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal 1 hingga 32 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG CAP DAGANGAN
(PINDAAN) 2000**

Bacaan Kali Yang Kedua

12.58 tgh.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tuan Wong Kam Hoong]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa suatu Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Cap Dagangan 1976 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, perjanjian yang dinamakan Agreement of Trade Related Aspects of Intellectual Property Rights (TRIPS) yang telah dipersetujui oleh negara-negara ahli Pertubuhan Perdagangan Sedunia iaitu WTO termasuk Malaysia pada 1 April 1994, telah mewujudkan satu garis panduan mengenai undang-undang dan peraturan-peraturan harta intelek yang diseragamkan di kalangan negara-negara ahli WTO dan perlu dipatuhi oleh semua negara ahli.

Bagi memenuhi obligasi Malaysia di bawah perjanjian TRIPS itu, semua perundangan berkaitan dengan harta intelek perlu dikemaskinikan termasuk pindaan Akta Cap Dagangan 1976. Secara keseluruhannya, pindaan-pindaan yang dicadangkan di bawah Akta Cap Dagangan 1976, adalah seperti berikut:

- (i) mewujudkan satu kategori pendaftaran bagi cap dagangan;
- (ii) memberi perlindungan ke atas cadangan yang

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, bolehkah sambung selepas waktu makan tengah hari?

Tuan Wong Kam Hoong: Habis perkataan ini, yang terkena ialah well known marks. Okay, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Majlis dtempohkan sehingga pukul 2.30 petang ini.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Dr. Chin sudah *finish, finish now.*

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Menteri menyambung.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri sambung, *sorry.*

2.32 ptg.

Tuan Wong Kam Hoong: Tuan Yang di-Pertua, saya menyambung ucapan saya berkenaan dengan Rang Undang-undang Akta Cap Dagangan (Pindaan) 2000.

- iii. melarang Pendaftaran Cap Dagangan yang menggunakan nama satu petunjuk geografi bagi produk yang tidak berasal dari tempat berkenaan dan mewujudkan kaedah kawalan sempadan bagi menghalang pengimportan produk yang menggunakan Cap Dagangan yang dilanggar iaitu, dengan izin, *infringe trademark* atau kepunyaan orang lain.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Cap Dagangan (Pindaan) 2000 yang dicadangkan mempunyai 20 fasal. Perkara-perkara utama yang dipinda adalah seperti berikut:

Untuk mewujudkan satu kategori pendaftaran bagi Cap Dagangan Fasal 4 mencadangkan pindaan kepada Seksyen 6 Akta Ibu untuk mewujudkan satu kategori Pendaftaran Cap Dagangan kerana pada masa ini undang-undang kita menyediakan 2 kategori Pendaftaran Cap Dagangan iaitu kategori A dan B. Pembahagian dua kategori ini adalah mengelirukan dan tidak memberi kesan yang jelas ke atas penggunaan Cap Dagangan berkenaan. Dengan mewujudkan satu kategori pendaftaran seperti yang dipersetujui di bawah perjanjian TRIPS semua Pendaftaran Cap Dagangan akan mendapat status yang sama setelah mematuhi syarat-syarat minimum yang ditetapkan.

Fasal 5 pula bertujuan meminda Seksyen 10 bagi menjelaskan perkataan *distinctive*.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan pindaan seterusnya adalah untuk memberi perlindungan ke atas Cap Dagangan yang terkenal, dengan izin, *well known marks*.

Fasal 7 bertujuan untuk meminda Seksyen 14 bagi melarang Pendaftaran Cap Dagangan yang terkena bagi barang atau perkhidmatan yang dikeluarkan oleh seseorang yang bukan tuan punya Cap Dagangan itu.

Di bawah Fasal 18 iaitu seksyen baru 70B juga dimasukkan bagi tujuan untuk membolehkan tuan punya sesuatu Cap Dagangan yang terkenal menghalang pihak ketiga dari menggunakan Cap Dagangan itu untuk barangan yang sama tanpa persetujuan tuan punya. Tindakan ini boleh diambil oleh tuan punya walaupun tuan

punya cap tersebut tidak menjalankan perniagaan atau tidak mempunyai apa-apa nama baik di Malaysia. Peruntukan ini adalah dikehendaki oleh Perkara 16 Perjanjian TRIPS.

Cadangan pindaan seterusnya adalah untuk melarang Pendaftaran Cap Dagangan yang menggunakan nama suatu petunjuk geografi bagi produk yang tidak berasal dari tempat berkenaan.

Fasal 7 bertujuan meminda Seksyen 14 bagi melarang Pendaftaran Cap Dagangan yang mengandungi atau terdiri daripada suatu petunjuk geografi berkenaan dengan barangan yang tidak berasal dari wilayah yang ditunjukkan oleh petunjuk geografi itu.

Cadangan pindaan seterusnya adalah untuk mewujudkan kaedah kawalan sempadan bagi menghalang pengimportan produk yang menggunakan Cap Dagangan yang dilanggar, dengan izin, *infringe trademark*.

Di bawah Fasal 19, satu bahagian baru iaitu XIVA mengenai langkah-langkah sempadan dicadang untuk dimasukkan ke dalam Akta Ibu. Ini adalah bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi langkah-langkah kawalan di sempadan untuk melarang pengimportan barangan yang menggunakan Cap Dagangan yang dilanggar, dengan izin, *infringe trademark* atau kepunyaan orang lain.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan pindaan ini juga bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi perlindungan pegawai-pegawai Cap Dagangan bagi perbuatan atau peninggalan, dengan izin, *omission* yang dilakukan dengan suci hati, dengan izin, *there's a good faith*. Peruntukan ini adalah dicadangkan di bawah Fasal 3.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan Rang Undang-undang Cap Dagangan (Pindaan) 2000 adalah selaras dengan standard antarabangsa dan mematuhi kehendak perjanjian TRIPS di mana Malaysia adalah anggota kepada perjanjian tersebut. Adalah diharap ia boleh menggalakkan lagi pelaburan dan aktiviti perdagangan di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia

[Tuan Chia Kwang Chye]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Cap

Dagangan 1976 dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Tuan Mustaffa.

2.38 ptg.

Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd Nawi: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun bagi mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Akta Cap Dagangan (Pindaan) 2000.

Saya teliti Rang Undang-undang ini amat baik, keadaan begitu tersusun rapi. Tetapi, walau bagaimanapun, bagi mengemaskinikan Rang Undang-undang ini, tindakan susulan perlu diambil dari masa ke semasa bagi menentukan bahawa Rang Undang-undang ini berjalan dengan lancar apabila dilaksanakan kelak.

Sebagai contoh, saya mempunyai pengalaman di dalam Akta Cap Dagangan ini kerana pada masa sebelum saya bergiat dalam politik, saya bekerja dengan koporat selama 27 tahun. Yang mana produk kita telah mendapat pasaran seluruh dunia. Kita eksport barang kita ke Eropah, Hong Kong, Jepun juga ke Amerika Latin.

Dan apabila cap dagangan kita ini amat popular di luar negara, di situlah timbul amat malang bagi kami bahawa cap kami timbul di negara jiran, yang sama bentuk, tanda perniagaan dengan sama colour sekali kerana masa itu kalau kita menggunakan letter head dan sebagainya kita bubuh colour gold, keemasan, kalau di produk kita, kita menggunakan rubber stamp.

Kita bayangkanlah pada masa itu kita mempunyai dagangan hampir RM90 juta pada setiap tahun tetapi ini bukan merupakan cetak rompak, negara yang tersebut juga mengeluarkan bahan yang sama, produk yang sama, tetapi malang kualitinya tidak sama. Dan apabila trade mark kita atau cap dagangan kita ditiru oleh negara jiran, mereka mendapat keuntungan yang amat baik kerana kos pengeluaran di negara yang tersebut amat murah kerana pekerja di sana hanya dibayar gaji pada ketika itu hanya lebih kurang RM2.50 sen sedangkan negara kita bagi perusahaan kami terpaksa membayar hampir RM15 pada ketika itu dalam tahun 80-an kepada setiap seorang pekerja.

Dan amat malang sekali mendapat bantahan daripada pengguna-pengguna di luar negara apabila logo atau cap kami ini digunakan oleh negara jiran dan dihantar ke luar negara digunakan oleh pembeli-pembeli yang melalui pembekal, importer ini atau pengimport luar negara dan produk mereka ini tidak sampai tahap yang

diperlukan, sampai masa enam atau tujuh bulan produk ini menemui kecacatan yang amat hebat, lekang atau split, dengan izin, berlaku.

Jadi, dengan sebab tindakan yang demikian oleh perusahaan yang tidak bertanggungjawab dalam soal ini menyebabkan kami mendapat halangan untuk mengeksport produk kami lebih daripada itu. Ini pengalaman saya. Dan kita cuba mengambil tindakan mahkamah tetapi malangnya pada masa itu dalam tahun 80-an tidak ada satu akta di dalam negara kita dan kita tidak berhak menyaman negara yang tersebut. Oleh hal yang demikian, saya minta kementerian di bawah persidangan Menteri-menteri Perdagangan ASEAN supaya Konvensyen Paris ini diterapkan di semua negara Asia.

Kita mempunyai sepuluh negara sekarang di bawah ASEAN tetapi di dalam warga ASEAN ini ada yang tidak mematuhi undang-undang atau tidak dilaksanakan dengan begitu baik, timbullah tiruan-tiruan logo. Dan saya ingat satu pengalaman, saya pergi ke negara jiran, saya terbeli baju T-Shirt *Versace* – cantik, hebat dan apabila saya amati harganya amat murah, harganya lebih kurang RM10 sedangkan *Versace* punya T-shirt yang diberitahu oleh teman-teman, saya pun tidak pakai *Versace*, barangkali ada Ahli-ahli Yang Berhormat minyak wangi *Versace*, baju *Versace*, jadi saya lihat harganya RM10 saya beli pasal murah tetapi bila saya teliti rupanya mereka ini menggunakan kesempatan bukan sahaja cetak rompak atau membuat cetakan-cetakan produk ini malah menggunakan logo *Versace* itu dengan sebarang-bebasnya, bukan *Versace* sahaja dinodai dalam cap dagangan ini, banyak lagi produk, logo yang dicipta oleh pengusaha-pengusaha yang telah pun mendapat kemajuan tetapi ditiru oleh pengusaha-pengusaha yang tidak bertanggungjawab.

Akta ini amat berguna bagi melindungi mereka, tidak kira dagangan ini dari luar negara atau dagangan ini dalam negara, kita perlu melindungi mereka, kita perlu laksanakan di bawah negara ASEAN ini kerana Konvensyen Paris ini saya ingat amat perlu dilaksanakan, dipatuhi oleh seluruh negara ASEAN. Kita kawal dahulu negara ASEAN lepas itu baru kita dapat mengawal Asia, Eropah dan Amerika Latin, Amerika Syarikat dan sebagainya kerana ini satu pencabulan yang tidak bertanggungjawab dengan melakukan dengan sewenang-wenangnya tanpa mengirakan risiko yang akan berlaku kepada pengeluar-pengeluar yang demikian.

Saya pasti Ahli-ahli Yang Berhormat pun boleh kelihatan di dalam negara kita ini banyak produk yang meniru cara itu dan menggunakan logo yang demikian bukan

sahaja *Versace* malah di negara jiran kalau kita pergi kita boleh melihat pelbagai produk tetapi ada setengahnya itu ada yang betul, bukan tidak ada yang betul, pihak wanita mungkin lebih maklum tentang produk ini, beg tangan dan sebagainya dikeluarkan oleh negara jiran dan dibubuh logo bertaraf antarabangsa. Saya pun tidak boleh sebut, barangkali Ahli-ahli Yang Berhormat wanita boleh tahu logo itu ditiru macam-macam, ini ada yang senyum ini mesti ada yang beli dah itu.

Jadi, saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat wanita jangan beli jenis yang ini, mereka ini penyangak, jadi kita banteras perkara ini supaya jangan berlaku, sebabnya mereka buat ini kerana ada pembeli. Pembeli ini berkata, ha, tak apalah logo ini, macam-macam brand, dengan *Polonya*, macam-macam beg itu sampai naik hairan, jenama yang hebat-hebat dengan *Ricci* apa semua adalah, saya ingat Yang Berhormat tahu ya, brand yang inilah.

Tuan Yang di-Pertua; Yang Berhormat mana tahu itu?

Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Sarawak tahulah perkara ini. Itulah sebabnya rang undang-undang ini amat mustahak kita laksanakan. Saya takut penyakit jiran kita ini pun menular ke negara kita. Besok mungkin di pasar Chow Kit di belakang itu pun sudah ada cap, mungkin dalam bilik yang kecil dia boleh buat logo yang cantik, yang bertaraf antarabangsa, dia letak kepada produk yang tidak berkualiti, masuk ke dalam pasaran kita.

Apabila ini berlaku, kita takut satu hari negara luar tidak begitu percaya, pasal saya berkata demikian, jiran kita di sebelah utara pernah dicop sebagai *pirate products centre*, macam-macam boleh dapat, jadi kita tidak mahu perkara ini berlaku dan insya-Allah, saya rasa kalau kita bekerjasama antara kementerian dan orang ramai yang bertanggungjawab kita dapat melaksanakan peraturan-peraturan ini tetapi dalam rang undang-undang ini satu perkara sedikit saya musykil kerana tidak ada denda yang dikenakan, cuma kita boleh apabila tercabulnya hak cipta cap dagangan itu kita boleh menuntut di mahkamah tetapi saya kurang pasti di sini tidak ada denda berbentuk wang ataupun penjara.

Saya rasa denda berbentuk wang ini, patut dilaksanakan, manusia ini aneh duduk di dunia ini. Kalau dia lihat relax boleh kita tuntutan di mahkamah hanya ganti rugi dan sebagainya ia akan melakukan perkara-perkara yang tersebut kerana dia kata, saya ganti rugi itu pun kalau saya salah, tetapi kalau ada dengan mandatori kena

penjara, katakan seminggu atau dua minggu setimpal dengan kesalahannya, saya rasa rang undang-undang ini lebih kemas kini.

Di masa yang akan datang kita patut mempertimbangkan satu denda yang agak berat sedikit, ini bukan jenayah akan tetapi ini adalah berbentuk jenayah, boleh kita katakan jenayah kolar putih. Ini adalah berbentuk jenayah walaupun ia tidak membunuh atau tidak meracuni tetapi ia meracuni pemikiran manusia kerana dengan produk yang dikeluarkannya menggunakan jenama yang terkemuka, manusia keracunan meneliti dengan produk-produk yang tidak ada nilai dan tidak ada mutu yang diharapkan.

Tuan Yang di-Pertua, bahawa rang undang-undang ini patut diperbincangkan dengan begitu panjang dan lebar kerana terdapat juga kawalan dari antarabangsa perlu dilaksanakan di negara kita dan perlu juga dilaksanakan di negara-negara ASEAN, kadangkala apabila kita menghadiri konvensyen-konvensyen satu keputusan itu tidak dilaksanakan, kadangkala mengambil masa yang begitu panjang.

Saya percaya dan yakin apabila kita menandatangani perjanjian WTO tetapi rumusan resolusi WTO itu tidak dilaksanakan dalam setahun atau dua, kadang-kadang memakan masa yang lama, tiga, empat tahun. Saya tahu pihak kementerian bekerja keras dan berterima kasih mengkaji segala resolusi yang telah kitaersetujui dan perjanjian yang kita tandatangani akan tetapi saya mahu untuk mengemaskinikan, untuk menyampaikan kecekapan yang baik, saya rasa pihak kementerian harus mengambil daya usaha untuk mempercepatkan satu-satu resolusi atau satu-satu konvensyen itu dilaksanakan di negara ini supaya kita mencapai satu tahap yang paling baik mendapat kepujian antarabangsa. Kerana negara kita ini sentiasa mendapat kepujian walaupun kita tidak berasa terlalu bangga akan tetapi harus berasa bangga kerana kita lihat sekarang produk keluaran kita di luar negara seperti penghawa dingin, tayar kereta, barang-barang elektronik mendapat kepujian di luar negara kalau dibandingkan dengan produk-produk dari negara blok komunis Balkan dan sebagainya.

Seumpamanya penghawa dingin. Penghawa dingin kita boleh dapat agak murah 20% di luar negara yang produk ini dikeluarkan oleh negara-negara komunis akan tetapi apabila kita gunakan produk ini dalam sedikit masa sahaja, dalam masa sebulan dia menggeletar macam orang demam sejuk tetapi alhamdulillah penghawa

dingin kita apabila dihantar ke luar negara, negara panas alam tropika atau ke negara sejuk dan sebagainya, produk ini mendapat ketahanan yang amat baik. I

Itulah sebabnya di luar negara, Proton juga mendapat kepujian di luar negara apabila kita lihat di negara ASEAN telah menggunakan kereta Proton sebagai kereta yang digunakan oleh kerajaan, begitu juga di Eropah, kita lihat di Timur Tengah juga Proton, saya berbangga apabila orang-orang Arab memuji Proton dan saya tanya apakah Proton ini sesuai dengan keadaan Timur Tengah yang iklimnya kadang-kadang sejuk dan musim panasnya melebihi paras 40 darjah Celcius tetapi Proton boleh bergerak dengan baik. Ini satu pencapaian yang amat baik dalam negara kita dan inilah satu produk yang kita dapat pujian dari seluruh dunia.

Tuan Yang di-Pertua, hak cipta ini adalah baik kerana dari segi segala-gala perkhidmatan R&D - research and development yang dilakukan oleh pihak swasta dan kerajaan. Apabila produk ini dilaksanakan dalam pengeluarannya, dibubuh dengan tanda cap dagangan yang begitu baik, jadi mendapat pasaran baik. Dengan adanya rang undang-undang ini saya rasa hak cipta kita atau produk kita terkawal dan dikawal dengan begitu sempurna.

Dan begitu juga saya rasa barang-barang yang transit. Barang-barang transit sungguhpun negara kita tidak begitu banyak yang barang-barang transit, kita import daripada negara jiran, kita bungkus di sini dan kita hantar ke luar negara pembeli. Barang-barang transit ini perlu juga dikawal dengan begitu baik kerana saya risau takut kualitinya 100% apabila kita beli, sampai di sini kita cemarkan atau kita olahkan bagi membuatkan kualitinya turun hingga ke 80% atau 75%.

Memang negara kita menggalakkan perdagangan transit ini. Kita melihat bahawa negara Singapura sebagai contohnya. Inilah kebanyakan barang-barang dagangan mereka adalah barang transit. Singapura tidak ada getah, hanya pohon getah, itupun saya rasa di Clementi Estate pohon getah dia pun dah dekat nak mati dah tapi mereka merupakan pengeksport getah yang terkemuka. Dengan RSS dia hari-hari kita lihat dalam akhbar tercatat harganya yang begitu kompetitif, bersaing dengan hebat dengan negara kita. Mereka juga pengeksport getah, mereka dapat bekalan getah daripada negara jiran. Negara kita dalam ASEAN sebagai contoh, Burma. Burma mengeksport getah mereka dari getah sekerap sampai ke latex melalui Singapura, transit di Singapura dan barulah hantar ke Hong Kong, Jepun dan juga Amerika untuk kegunaan-kegunaan rubber products di luar negara, dengan izin.

Jadi negara kita harus peka. Saya ingat bukan saja pihak kementerian ini, juga pihak Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri supaya negara kita ini menjadikan satu negara transit yang baik. Kita lihat sebagai contoh. Saya baru ini saya terbeli satu topi yang dibuat daripada kayu libut, kayu ringan, 'libut' ke panggil tu, saya pun tak tahu, [*Ketawa*] saya terkejut bahawa barang ini ditransitkan dari Vietnam ke Singapore, Singapore jual ke negara kita. Saya beli di Ipoh, memang cantik, yang Vietcong pakai tu, saya ingat Yang Berhormat Timbalan Menteri tahu yang Vietcong pakai tu. Memang cantik, harganya pun berpatutanlah dalam RM17 satu. Tapi apa salahnya kita mengimport barang ini direct. Begitu juga kita lihat di Timur Tengah, kebanyakan barang ini melalui Dubai, tidak direct, tidak terus, tidak direct, dengan izin, jadi tidak terus menerus. Jadi di situ pihak kedua menapis keuntungan yang amat banyak daripada pihak yang ketiga. Dibelinya RM1 sebagai contoh, diletaknya dengan harga RM1.50 dan produk itu sampai ke tangan pihak ketiga sudah RM1.50. Berbagai-bagai produk kita dibuat melalui negara kedua.

Jadi apa salahnya MATRADE, dengan izin, saya mintalah pihak Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri ini lebih bekerja dengan giat sedikit supaya produk-produk kita jangan ada orang tengah. Negara kita sungguh transit pun kadang-kadang apabila transit sebagai contoh, perkayuan dan sebagainya. Kita bawa ke negara jiran dan kita bawa ke sini dan kita awet, 'moulding', dengan izin, kita moulding di negara kita menjadikan satu produk yang telah hampir siap, bukan sepenuh siap dan kita eksport ke negara ketiga.

Jadi bagi negara kita ini peluang amat baik dan berterima kasih juga kerana pihak Kementerian Kewangan melalui Jabatan Kastam dan juga Pelabuhan mengadakan satu kemudahan transit di tiap-tiap pelabuhan sama ada ahli Dewan semua maklum atau tidak kerana tiap-tiap pelabuhan, Klang, Pulau Pinang dan juga Kuantan, Johor Bahru, Johor Port dan juga Sabah dan Sarawak, dia ada transit, go down, dengan izin, gudang transit dia, di situ boleh dibungkus atau boleh diolah tapi perlu pengawasan yang lebih baik supaya tidak perkara-perkara produk ini tercemar.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itulah sahaja yang saya dapat berbahaskan pada petang ini. Dengan ini saya menyokong rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat.

2.57 ptg.

Puan See Too Mee: Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin membangkitkan isu lindungan dan ingin bertanya adakah lindungan ini diberi spe sifik kepada peniaga-peniaga warga Malaysia ataupun warganegara lain yang mempunyai hak cap dagangan. Bagaimana pula bagi seseorang yang telah daftar cap dagangan itu tetapi tidak memakainya. Bolehkah seseorang memakainya kerana pendaftar asal itu hanya minta mendaftarkan cap dagangan itu tetapi tidak ada niat untuk berniaga.

Pindaan yang dibuat pada Seksyen 14 Akta 175 melarang penda ftaran cap dagangan yang terkenal bagi barang ataupun perkhidmatan seseorang yang bukan tuan punya cap dagangan itu dan kemasukan larangan ini adalah dikehendaki di bawah perjanjian TRIPS. Adakah kita mengikut perjanjian TRIPS semata-mata ataupun ia memanfaatkan peniaga-peniaga kita. Ini kemungkinan boleh menjejaskan apa yang dilaksanakan di pasaran terbuka ataupun dengan izin, open market.

Saya bimbang pemindaan ini walaupun dibuat semata-mata untuk mematuhi perjanjian TRIPS, akan menjejaskan peniaga-peniaga Malaysia terhadap pelbagai jenis cap dagangan yang didaftarkan di negara Barat dan jika kita dikehendaki mengikuti mereka , pasaran kita tentu akan dibanjiri dengan bahan buatan mereka dan ke manakah peniaga-peniaga kita yang tidak mendaftarkan cap dagangan mereka. Kesedaran di kalangan untuk mendaftarkan cap dagangan mereka ini agak rendah. Ini seolah-olah membuatkan suatu peruntukan melindungi orang-orang Barat, bukannya orang kita.

Satu lagi pemindaan iaitu Seksyen baru 70B ke dalam Akta ini yang membolehkan tuan punya sesuatu cap dagangan yang terkenal menghalang pihak ketiga daripada menggunakan cap dagangan itu tanpa persetujuan tuan punya walaupun tuan punya tidak menjalankan perniagaan merupakan satu lagi yang dikehendaki oleh perjanjian TRIPS.

Saya ingin tahu pada jangka masa panjang adakah ini akan melindungi peniaga-peniaga kita jika kita hanya mengikuti Perjanjian TRIPS. Bagi saya Perjanjian TRIPS seolah-olah melindungi kepada pihak pemilik hak dagangan negara maju di mana mereka mempunyai ekonomi yang jauh lebih matang dan maju daripada kita. Kalau kita mengkaji kesan Perjanjian TRIPS secara teori, pasaran kita akan dikuasai oleh mereka dengan senang sahaja. Perjanjian TRIPS ini dipakai di negara WTO. Bagaimana pula dengan negara-negara bukan WTO tetapi warga Malaysia berniaga di negara mereka dan jika ada sebarang pertikaian saya anggap Perjanjian

TRIPS tidak dipakai dan di sini macam mana pertikaian boleh diselesaikan? Di sini kuasa yang begitu besar telah diberi kepada Pendaftar Cap Dagangan di bawah Seksyen 4A. Walau bagaimanapun, saya difahamkan terhadap banyak backlog permohonan cap dagangan di Malaysia.

“Seksyen 4A. Tiada tindakan atau pendakwaan boleh dibawa, dimulakan atau dikekalkan dalam mana-mana Mahkamah terhadap -

(a) Pendaftar Cap Dagangan;

(b) Timbalan Pendaftar Cap Dagangan; atau

(c) Penolong Pendaftar Cap Dagangan,

Bagi apa-apa perbuatan atau peninggalan yang dilakukan dengan suci hati dalam melaksanakan tugasnya dan menjalankan kuasanya di bawah Akta ini.”

Jadi, pandang pada seksyen baru ini misalnya, jika cap dagangan yang sama diluluskan kepada dua pihak dengan tidak sengaja apabila pergaduhan atau dengan izin, argument atas hak-hak menerbit, siapakah yang patut bertanggungjawab atas kejadian ini? Sedangkan masa ini sudah kita masuk ke abad IT, Multimedia Super Corridor, website dan sebagainya memang tidak akan berlaku kesilapan atau jadinya masalah dalam melaksanakan tugas Pendaftar, maka mungkin tidak perlu lagi ada akta melindungi pegawai seperti disebutkan dalam Seksyen 4A itu. Pada pendapat saya, pada setiap akta yang hendak dipinda pastikanlah satu akta yang boleh memperseimbangkan supaya ianya tidak berat sebelah kerana pihak pelabur atau peniaga juga hendaklah kita melindungi di bawah Akta Cap Dagangan. Oleh demikian, saya harap pihak berkenaan sedarlah bahawa lindungan bagi mana-mana pihak supaya apa sahaja akta yang dipinda dan diluluskan itu adalah adil kepada mana-mana pihak sahaja.

Saya mengalu-alukan supaya pindaan Akta ini akan melindungi peniaga kita juga supaya mereka tidak akan diperkecilkan di pasaran antarabangsa. Peniaga-peniaga kita yang berpotensi mengeksportkan bahan-bahan buatan tempatan juga perlu fasih dalam cap dagangan supaya mereka juga tahu di mana mereka boleh cari perlindungan terutamanya apabila mereka mempunyai perniagaan diperluaskan di negara asing. Sekian, sahaja. Walau bagaimanapun, saya menyokong Rang Undang-undang Cap Dagangan (Pindaan) 2000. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sila, Yang Berhormat.

3.05 ptg.

Dato' Charern Intachat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi kesempatan kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Akta Cap Dagangan (Pindaan) 2000. Saya menyokong rang undang-undang ini serta ingin memberi sedikit pandangan khususnya Fasal 19 untuk memasukkan bahagian baru Seksyen 14A ke dalam Akta Cap Dagangan 1976, iaitu untuk mengadakan peruntukan bagi langkah-langkah sempadan.

Tuan Yang di-Pertua, sememangnya langkah ini tepat dan tahniah kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna di atas usaha untuk memperlengkapkan undang-undang ini. Barang-barang tiruan terutamanya dari negara jiran dibawa masuk tanpa apa-apa sekatan. Pengimport-pengimport memang telah pun mematuhi undang-undang 'perkastaman' dan membayar cukai dan tidak melakukan sebarang kesalahan di bawah Akta Kastam. Dengan demikian, barang-barang yang telah dibayar cukai ini bebas dibawa masuk ke negara kita dan terpulangnya kepada pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna mengambil tindakan di bawah Akta ini atau Akta Perihal Perdagangan dan sebagainya.

Barang-barang yang melanggar undang-undang di negara ini boleh dianggap sebagai barang larangan di bawah Akta Kastam 1967 dan boleh ditahan oleh pihak kastam di bawah Akta Kastam. Tindakan ini hanya boleh dilakukan sekiranya barang-barang yang berkenaan diwartakan sebagai barang-barang yang larang diimport di bawah akta-akta yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan yang dicadangkan ini ialah untuk mematuhi Perjanjian TRIPS. Bagaimanapun, dari segi perlaksanaannya ataupun penguatkuasaannya yang memerlukan tindakan pegawai-pegawai Jabatan Kastam dan Eksais Diraja seperti yang diperuntukkan di bawah bahagian 4A Rang Undang-undang ini, pada pendapat saya pindaan-pindaan perlu juga dibuat kepada Akta Kastam 1967 kerana sekiranya tidak ada peruntukan di dalam Akta Kastam yang boleh menyebabkan pelaksanaan peruntukan-peruntukan baru di bawah Akta Cap Dagangan 1976 ini penguatkuasaan oleh pihak kastam tidak dapat dilakukan.

Dalam hubungan ini Tuan Yang di-Pertua, saya rujuk kepada Seksyen 70J iaitu berkenaan pelepasan wajib barang-barang yang disita kepada pengimport. Izinkan saya baca seksyen ini.

“70J. (1) Pendaftar hendaklah melepaskan barang yang disita itu kepada pengimport apabila tamat tempoh simpanan bagi barang itu jika pemohon -

- (a) tidak memulakan tindakan bagi pelanggaran berhubung dengan barang itu; dan*
- (b) tidak memberikan notis bertulis kepada Pendaftar yang menyatakan bahawa tindakan bagi pelanggaran itu telah dimulakan.*

(2) Jika -

- (a) suatu tindakan bagi pelanggaran telah dimulakan berhubung dengan barang yang disita itu; dan*
- (b) pada akhir tempoh tiga puluh hari bermula pada hari tindakan bagi pelanggaran itu dimulakan, tidak ada berkuat kuasa suatu perintah Mahkamah yang di hadapannya tindakan itu dimulakan yang menghalang pelepasan barang itu,*

Pendaftar hendaklah melepaskan barang itu kepada pengimport”.

Di sini tidak disentuhkan langsung berkenaan dengan peranan pihak Jabatan Kastam untuk memungut cukai import ke atas barang-barang yang disita itu. Di bawah Akta Kastam Tuan Yang di-Pertua, cukai hendaklah dibayar sebelum barang-barang dilepaskan daripada kawalan kastam. Sebenarnya di dalam bahagian baru 14A ini, tidak disebutkan langsung tentang cukai import dan cukai-cukai lain seperti cukai jualan, yang perlu dipungut oleh pihak kastam. Saya berpendapat pungutan cukai ini perlu dinyatakan dengan jelas sama ada dipungutkan dahulu sebelum disita atau waktu dilepaskan jika tidak ada sebarang tindakan oleh pemohon.

Pada pandangan saya, pihak kementerian hendaklah berunding dengan Jabatan Kastam dan Eksais Diraja tentang prosedur untuk melaksanakan peruntukan-peruntukan yang dicadangkan ini sekiranya kementerian benar-benar berhasrat untuk

menguatkuasakan peruntukan baru ini. Dan bukan sekadar hendak menepati perjanjian TRIPS sahaja.

Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, bagi menguatkuasakan atau mengambil tindakan di bawah Seksyen 70o perlu ada tindakan susulan selepas barang-barang ini ditahan. Di sini tidak disebutkan apakah tindakan perlu diambil selepas barang-barang ditahan melainkan memaklum kepada pendaftar, pengimport dan tuan punya cap dagangan sahaja. Sekiranya tidak dijelaskan di sini saya percaya pihak kastam tidak akan menahan barang-barang yang disyaki ini.

Dengan sedikit pandangan ini saya menyokong Rang Undang-undang Akta Cap Dagangan (Pindaan) 2000. Sekian terima kasih.

3.08 ptg.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil bahagian dalam perbahasan Akta Cap Dagangan 1976 ini dan saya dapati dalam bahagian yang baru itu iaitu bahagian 14A iaitu Langkah-langkah Sempadan versi Bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris itu tidak sama. Itu bahagian 14A.

Tuan Yang di-Pertua: Langkah-langkah Sempadan?

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Langkah-langkah Sempadan. Kalau kita baca Bahasa Malaysia muka surat 8 selepas 70c dia mula dengan "barang-barang dagangan lancung". Tetapi dalam bahasa Inggeris, selepas itu dia mula dengan, (a) that he is the proprietor....." (b) dan sebagainya. So, sudah dalam susunan lainlah. Itu satu untuk pemerhatian pihak berkenaan.

Berbalik ke bahagian yang saya ingin menyentuh itu bahagian 70B. So, dalam bahagian 70B ini saya dapati pihak yang berkenaan itu pihak yang telah diberi perlindungan bolehlah dengan akta ini mengambil tindakan sehingga mengambil dengan injunksi penggunaan di Malaysia. So, ini bagi saya satu kuasa yang sangat berkesan bagi seseorang yang telah diberi perlindungan ini untuk mengambil tindakan sendiri iaitu bolehlah mengambil injunction atau injunksi di Malaysia.

So, oleh kerana sudah ada bahagian ini, sama ada perlu lagi kita mengadakan bahagian 70D di mana orang ini juga boleh membuat permohonan kepada pendaftar dengan menyatakan, dia tahulah bahawa sesuatu 'barangan cap dagangan lancung' itu akan diimportkan. Katakan orang ini sudah tahu kenapa dia tidak guna apa yang telah diberikan dalam bahagian Seksyen 18 ini untuk mengambil tindakan sendiri.

So, di bawah peruntukan 70D ini dia boleh minta pendaftar itu selepas mengemukakan dokumen-dokumen dan sebagainya dan pendaftar di bawah bahagian 70D (8) itu boleh meminta seseorang pegawai kastam itu untuk menahan dan menyita barang-barang tersebut. Tadi rakan saya telah menyentuh tentang peranan kastam ini. Tetapi kalau sesuatu arahan daripada pendaftar itu tidak diperolehi, adakah ini menjadi tanggungjawab seseorang pegawai itu untuk menyita dan menahan barang itu.

Katakan pegawai kastam ini dia tahu bahawa memang ini adalah satu barangan yang diimportkan dan barangan ini adalah 'barangan dagangan lancung', katakan dia tahu. Tetapi dia tidak ada surat daripada pendaftar. So, adakah ia menjadi tanggungjawab pegawai ini untuk mengambil tindakan. Dan kalau dia tahu dan dia tidak mengambil tindakan adakah ini satu kekurangan dari segi menjalankan tugas. Dan adakah ini akan menimbulkan masalah-masalah dari segi penyelewengan. So, itu adalah pendapat-pendapat saya tentang bahagian 70B, 70C dan juga 70D (8).

Saya ingin tanya juga, adakah keperluan-keperluan ini apabila dilaksanakan akan membebankan lagi petugas-petugas di bahagian import iaitu dengan izin port of entry dan adakah ini akan melambatkan tugas-tugas lain yang sah. Adakah ini akan menjadi halangan sehingga sesuatu tugas itu tidak dapat dijalankan dengan sempurna.

Dan sungguh pun saya sangat menyokong kelulusan pindaan kepada akta ini oleh kerana seperti saya telah katakan pagi ini, kita sudah menjadi pemain di arena antarabangsa. So, oleh kerana ini kita perlu menjalankan tanggungjawab. Tetapi oleh kerana semasa kita menjalankan tanggungjawab dari segi kebolehan kita, dari segi usaha kita sama ada ini akan membolehkan kita mengadakan satu pentadbiran yang licin dan tidak menyebabkan perniagaan yang sah itu terganggu dan menjadi mangsa kepada sistem.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Tuan Zainal.

3.20 ptg.

Tuan Zainal bin Rampak: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin turut mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang iaitu Suatu Akta untuk meminda Akta Cap Dagangan 1976.

Tuan Yang di-Pertua, rakan-rakan saya sebelum ini telah menjelaskan pandangan-pandangan masing-masing terhadap pindaan ini dan saya ingin untuk

menyambung sedikit sebanyak daripada perbincangan yang telah dikemukakan oleh rakan-rakan saya, walaupun saya bukan seorang expert dalam soal business, saya hanya expert dalam business trade union, pergerakan kesatuan sekerja, namun demikian saya melihatnya dari satu sudut yang lain iaitu demi untuk kepentingan negara dan juga kaum pekerja khususnya, perniagaan amnya bahawa perlu kita kemukakan pandangan-pandangan yang konstruktif bagi memastikan pindaan-pindaan ini akan membawa erti yang begitu meluas dan melindungi semua pihak khususnya negara kita sendiri dalam dunia perniagaan yang kita ceburi.

Sepertimana Tuan Yang di-Pertua sedia maklum, globalisasi inilah yang menyebabkan Perjanjian TRIPS ini wujud yang telah diutarakan oleh Pertubuhan Perdagangan Antarabangsa (WTO) dan inilah kehendak mereka dalam menuju ke arah globalisasi trade yang dicadang dan dibincangkan dalam perbincangan di Paraguay dan juga dalam perjanjian-perjanjian pertubuhan perdagangan antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, daripada apa yang saya dapat lihat pertama sekali dari segi kedudukan kita negara-negara rantau ASEAN iaitu ASEAN Group, Tuan Yang di-Pertua, di mana kita juga mempunyai satu pertubuhan yang dinamakan AFTA iaitu pertubuhan perdagangan dan ASEAN juga atas konsep yang telah ditubuhkan dari sejak awal iaitu bukan konsep politik tetapi merupakan konsep untuk perhubungan perniagaan di antara negara-negara ASEAN bagi memajukan negara-negara di rantau ini. Ini asal usul ASEAN ditubuhkan demi untuk perdagangan.

Dari sini, Tuan Yang di-Pertua, setelah kita lihat ASEAN diwujudkan beberapa tahun yang lepas kemajuan-kemajuan yang telah dicapai pelbagai bidang termasuk perburuhan dan sebagainya, saya ingin untuk bertanya kepada kerajaan atas konsep pertubuhan ASEAN ini iaitu isu-isu perdagangan di antara satu negara dengan satu negara lain di kalangan ASEAN family, dengan izin, sama ada persefahaman telah diwujudkan terutama sekali soal barang-barang tiruan, cap-cap tiruan yang dikeluarkan dari sebuah negara dimasukkan ke sebuah negara lain.

Sepertimana kata Datuk Charern tadi barang-barang yang telah dibawa masuk dari negara jiran berlambak di negara kita dan hari ini kita tidak payah lagi hendak pergi ke Switzerland, Geneva pergi beli *Rolex*, pergi London beli *Dunhill*, we can get it, dengan izin, di Petaling Street melambak dengan harga hanya RM25 kita boleh dapat jam *Rolex*. Dan kawan saya juga Tuan Yang di-Pertua, seorang pegawai ILO bila datang ke Kuala Lumpur dia cakap "Please take me to Petaling Street, the

Chinatown”, saya tanya dia, “Apa you hendak buat - why do you want to go there, you want to see Chinatown”, dengan izin, katanya ‘Saya hendak beli jam *Dunhill*, kakitangan saya minta beli jam *Dunhill*’. Dia beli lima buah jam *Dunhill* dengan harga RM100. Saya tanya beliau, ‘Berapa lama jam ini boleh tahan?’, katanya ‘Dua tahun’, selepas dua tahun dia boleh buang.

Kemudian inilah yang telah menjadi permasalahan negara-negara industrialized country, negara maju bahawa barang-barang terkenal buatan berjenama telah ditiru oleh negara-negara membangun, they are talking about, mereka bercerita soal competitiveness, persaingan dalam perniagaan dan kita juga bercerita atas asas yang sama tetapi dia mempunyai minat yang lain, tujuan yang lain, asas yang lain kerana semata-mata untuk mempertahankan pengeluaran barang-barang mereka supaya ia tidak ditiru dan dipasarkan dalam pasaran negara-negara membangun dan negara-negara rantau ASEAN ini, rakan-rakan ASEAN banyak expert, banyak orang yang bijak pandai untuk meniru, saya kira bukan sahaja jam tetapi apa juga jenama malahan *Bally* shoes, tali pinggang *Bally* dan sebagainya kita boleh dapat dalam negara ini.

Malahan ianya sangat menarik di kalangan pelancong-pelancong asing yang datang melancong negara kita membeli barang-barang sedemikian. Inilah yang ditakuti oleh negara-negara industrialized country bahawa rakyat mereka datang melancong bukan sahaja melihat, melancong negara-negara ASEAN, melihat alam semulajadi negara kita dan menikmati makanan-makanan yang ada di negara kita lebih baik daripada negara mereka tetapi juga mereka membeli barang-barang buatan tiruan yang dikeluarkan oleh negara-negara membangun.

Saya ingin untuk mengemukakan pertanyaan kepada kerajaan khususnya negara kita sama ada satu persefahaman sepertimana yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat Senator Kamal, Dato’ Aziz sebelum saya dalam pembentangan kertas pindaan undang-undang yang pertama sama ada negara-negara ASEAN waktu Menteri-menteri Perdagangan bertemu mengadakan perbincangan, perkara-perkara sedemikian telah dibincangkan bersama, telah mengambil satu keputusan kata sepakat cara mana kita harus bertindak demi untuk kepentingan negara-negara rantau ASEAN ini sendiri. Saya kira satu persefahaman yang kolektif, satu persefahaman yang positif harus kalau belum lagi diwujudkan, saya mencadangkan supaya kerajaan negara kita menggerakkan isu ini dengan secepat mungkin bagi mengcounter attack

negara-negara industrialized country lain bagi memastikan bahawa buatan negara kita ini juga tidak ditiru oleh negara-negara Barat.

Saya tidak tahu sama ada satu tahun, dua tahun, tiga tahun akan datang selepas tarikh perjanjian ini diwujudkan, besar kemungkinan negara-negara Barat akan meniru buatan negara kita menjual ke negara masing-masing dan saya juga tahu setelah melihat, kalau kita pergi ke Hyde Park London, Bay Water Street kita melihat barang-barang buatan daripada negara-negara membangun yang dijual dengan harga yang murah sedikit dari pasaran mereka dan mereka yang berjual bukan orang-orang ASEAN, bukan negara-negara membangun tetapi orang-orang dari Eropah sendiri menjual barang-barang tersebut, barang tiruan.

Jadi kalau dia hendak impose kepada kita dan diri kita juga harus mengenakan syarat impose kepada mereka, that is two way traffic system, dengan izin, it should not be one way traffic system dalam konsep perdagangan dalam memastikan bahawa hak cipta, hak pengeluaran negara kita akan terjamin.

Dalam Fasal 18 ada menyatakan iaitu kalau kita baca Tuan Yang di-Pertua, sama ada pihak kerajaan melihatnya sebagai satu situasi jangka panjang, long term prospective iaitu kalau kita baca katanya, penerangan, penjelasan “..... *bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 70B ke dalam Akta 175 untuk membolehkan tuan punya sesuatu cap dagangan yang terkenal*”, - perkataan “ yang terkenal”, bagaimana?

Kita baru maju, Tuan Yang di-Pertua, besar kemungkinan kita akan membuat barangan yang baru. Barangan kita belum begitu terkenal, what be happen, apa akan jadi. Adakah undang-undang ini melindungi hanya pada barang-barang yang terkenal sahaja. Kita tahu barang-barang yang terkenal dari buatan negara-negara yang telah maju, negara-negara industri, bagaimana pula dengan negara-negara yang membangun, negara kita, seperti ASEAN, tidakkah kerajaan melihat ini sebagai satu aspek yang serius untuk masa depan dalam dunia perdagangan. Saya bercakap ini, Tuan Yang di-Pertua, bukan sahaja demi untuk kepentingan peniaga tetapi melihat satu aspek yang lain demi untuk kepentingan employment opportunity, peluang-peluang pekerjaan di masa akan datang dalam industri kecil, small medium size industry yang berada wujud dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi yang hendak saya bangkitkan dalam perkara ini ialah soal isu yang selalu kita perkatakan iaitu isu kebebasan perdagangan

untuk membawa masuk barang-barang dan juga pelaburan dan sebagainya. Saya kira dari kebebasan ini ada perkara-perkara yang sesuatu yang kita fikir dari segi, kalau kita lihat Jepun, Tuan Yang di-Pertua, that is one of the industrialise country. Kalau kita pergi Jepun kita bawa telefon Malaysia - Celcom, Maxis, kita tidak boleh pakai di Jepun, Tuan Yang di-Pertua, very conservative Jepun, you kena beli Jepun punya telefon, Jepun punya company, you said gunakan untuk kegunaan luar negeri atau dalam negeri. How they look, how Jepun tengok. Jadi Jepun, saya ingat, Tuan Yang di-Pertua, very clever dari market competitiveness, dengan izin, Jepun bijak, pandai. Kita bawa telefon, saya pernah bawa telefon, sekarang saya tidak bawa telefon kalau pergi ke Jepun lagi kerana tidak boleh pakai. Bawa Maxis telefon tidak boleh pakai di negeri Jepun dan Jepun begitu mengawal hal-hal yang sedemikian.

Jadi dari sekarang saya hendak mengingatkan kementerian kita ini sudah bergerak maju. Kita telah mencapai kepada satu tahap, satu peringkat yang begitu tinggi dari segi perkenalan undang-undang ini, kita juga harus mengawal keadaan kita di masa hadapan, jangka panjang, long term, Tuan Yang di-Pertua, supaya barang-barang kita masa akan datang dapat dikawal dan marketnya terbuka dan kita boleh menghantar barang-barang kita ke luar negeri dengan secara terbuka. Kalau sekiranya wujud keadaan pengawalan yang ketat oleh sesebuah negara we also must take step, mengambil tindakan yang sama bagi memastikan kita mengawal barang-barang kita, mengawal pengeluaran kita seperti mana apa yang telah dilakukan oleh negara Jepun.

Jepun melakukan ini, Tuan Yang di-Pertua, America cannot do anything, Amerika tidak boleh buat apa-apa. Mereka menerima sebagai satu hakikat, kawan saya dari Amerika terpaksa juga membeli Jepun punya handphone untuk pakai semasa beliau berada di Jepun selama dua minggu.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon kepada kerajaan supaya memerhatikan pindaan ini dan juga menjaga kepentingan pengeluar-pengeluar eksport manufacturing negara kita sendiri. Besar kemungkinan hari ini banyak yang belum menjadi multinational enterprises, dengan izin, iaitu syarikat perdagangan besar sedunia. Besar kemungkinan negara kita satu hari kelak mana kita tahu dengan pengeluaran barang kita sendiri, kita akan menjadi multinational company satu hari kelak. Ini yang harus kita lihat, ini mengingatkan supaya satu jangka panjang, pandangan yang lebih jauh harus wujud bila saya membaca Fasal 18 ini saya teringat

dan rakan saya bercakap tadi saya teringat apakah perlindungan untuk barang-barang yang belum terkenal yang akan diperkenalkan dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, WTO - World Trade Organization memanglah sebuah organisasi yang dikawal rapi, dikawal ketat oleh negara-negara industri yang besar iaitu the biggest country bukan sahaja mengawal IMF - International Monetary Fund. WTO dikawal oleh Amerika juga. Amerika mengawal WTO sehinggakan perlantikan Director General WTO menjadi satu perkara yang besar dan Amerika harus memutuskan siapa yang harus dilantik. Jadi, Amerika menguasai dalam semua bidang.

Dalam konteks ini, Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi ingin menyatakan bahawa saya amat berasa bangga terhadap sikap kerajaan kita dan Dato Seri Dr. Mahathir sendiri yang mana kerap kali mempersoalkan tindak-tanduk, tingkah laku negara-negara yang maju yang menekan negara-negara yang membangun. Masalahnya, Tuan Yang di-Pertua, negara-negara ASEAN kita hanya ada nama ASEAN - Pertubuhan Negara-negara Rantau Asia. Tetapi dari segi soal perpaduan, kerjasama, saya kita barangkali, saya belum pasti, Tuan Yang di-Pertua, besar kemungkinan saya salah, silap tetapi dari segi perpaduan, dari segi kerjasama belum lagi wujud begitu erat walaupun ASEAN telah wujud bertahun-tahun sejak daripada Perdana Menteri yang pertama dahulu menubuhkan ASEAN.

Jadi saya juga ingin menggesa kerajaan menggerakkan semula negara ASEAN ini dan menjadikannya sebagai sebuah rangkaian pertubuhan perdagangan daripada objektif yang asal menjadi lebih efektif, lebih konstruktif, lebih mementingkan produk-produk negara ASEAN, mementingkan negara-negara ASEAN dan ia tidak harus dikuasai oleh mana-mana negara dan we must be one solid organization, dengan izin, bagi memastikan negara-negara besar, industrialise country tidak mengongkongi, tidak menguasai kita dari segi perdagangan dan juga dari segi perindustrian yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, dengan pandangan-pandangan yang singkat ini saya dengan ini menyokong rang undang-undang ini untuk diluluskan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak ada lagi, Menteri akan menjawab.

3.37 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tuan Wong Kam Hoong]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih

dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Mustaffa Kamal, Yang Berhormat Puan See Too Mee, Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng dan juga Yang Berhormat Zainal Rampak kerana mengambil bahagian dalam perbincangan membincang Rang Undang-undang Akta Cap Dagangan (Pindaan) 2000 ini.

Yang Berhormat Mustaffa Kamal membangkitkan isu berkenaan dengan pelaksanaan obligasi negara di bawah konvensyen atau perjanjian antarabangsa. Perjanjian TRIPS menetapkan masa obligasi itu dilaksanakan. Ia memperuntukkan mekanisme untuk negara ahli mengemukakan aduan terhadap negara lain yang melanggar obligasi atau peruntukan perjanjian itu. Daripada apa yang kita ketahui sejak 1995 terdapat lebih daripada 150 kes mengenai berbagai isu dikemukakan untuk dispute settlement. Kebanyakan negara-negara ASEAN adalah ahli kepada WTO.

Yang Berhormat juga membangkitkan isu berkenaan dengan peniruan Cap Dagangan oleh negara jiran. Cap dagangan perlindungannya ada territorial, oleh itu adalah dinasihatkan untuk mendaftar cap tersebut di semua negara yang perniagaannya dijalankan. Apabila cap tersebut telah mencapai ke tahap well known atau telah terkenal, maka semua negara yang menganggotai WTO perlu memberi perlindungan kepada cap tersebut.

Yang Berhormat juga membangkitkan perkara berkaitan dengan pengedaran barang-barang tiruan yang mencabuli hak cap dagangan. Sukacita dimaklumkan bahawa berhubung dengan pengedaran barang-barang tiruan ini terdapat dua perlindungan kepada tuan punya cap dagangan. Pertama, melakukan tindakan sivil dan keduanya, melaporkannya kepada kementerian supaya tindakan boleh diambil dari segi jenayah iaitu mengikut Akta Perihal Dagangan 1972. Di bawah akta ini terdapat peruntukan denda kepada pihak-pihak terbabit iaitu denda tidak melebihi RM100,000 atau penjara tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya sekali. Bagi tahun ini, untuk makluman Yang Berhormat, sehingga 5 Mei, pihak kementerian saya telah mengambil 701 kes di bawah Akta Perihal Dagangan 1972 dengan melibatkan penyitaan barang-barang bernilai kira-kira RM2.2 juta.

Yang Berhormat Puan See Too Mee juga membangkitkan banyak isu berkenaan dengan cap dagangan yang mendapat pendaftaran tetapi tidak menggunakannya; kedua, well known marks; dan ketiga, bagaimanakah pertikaian dapat diselesaikan jika sebuah negara tidak menganggotai TRIPS. Cap dagangan yang tidak digunakan

dalam tempoh 3 tahun akan dibatal . Mengenai cap dagangan yang terkenal, ianya memberi perlindungan kepada tuan punya di semua negara ahli WTO. Ini bermakna termasuk tuan punya cap dagangan di Malaysia juga.

Di masa ini, kebanyakan negara telah menganggotai TRIPS dan jika negara yang tidak menganggotai TRIPS disyorkan peniaga kita mendaftar cap dagangan mereka di negara tersebut. Yang Berhormat Puan See Too Mee juga membangkitkan isu bagaimana pula perdagangan berkaitan dengan cap dagangan dengan negara yang bukan menjadi ahli WTO. Syarat-syarat perdagangan berkaitan dengan cap dagangan di negara berkenaan adalah tertakluk kepada undang-undang negara-negara tersebut. Berkenaan dengan isu Fasal 3 iaitu cap dagangan serupa diluluskan dengan tiada sengaja. Siapakah yang akan disalahkan? Pendaftar mempunyai kuasa untuk menarik balik cap dagangan yang telah tersalah didaftar.

Yang Berhormat Dato' Charen Intachat juga membangkit isu berkenaan dengan barang-barang tiruan dibawa masuk secara sah dan terpulangnya kepada pihak penguat kuasa untuk mengambil tindakan. Pihak kementerian saya secara tegas dan konsisten menjalankan pemeriksaan bagi mengesan dan membanteras pengedaran barang-barang tiruan. Dalam hubungan ini, selain daripada tindakan proaktif yang dijalankan, pihak kementerian mengalu-alukan aduan yang spesifik daripada tuan punya cap dagangan dan juga pengguna supaya tindakan tegas dapat diambil.

Yang Berhormat Dato' Charen Intachat juga membangkit isu berkenaan dengan cukai import, cukai jualan dan sebagainya yang tidak dibayar. Cukai ini adalah dalam bidang kuasa pihak kastam. Cukai tersebut akan dikendalikan oleh pihak kastam juga dan saya yakin pindaan akta ini adalah untuk memberi kuasa kepada kastam untuk menahan barang-barang tersebut sahaja.

Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng membangkit berkenaan dengan tafsiran. Susunan tafsiran tidak sama antara versi Bahasa Malaysia dengan versi Bahasa Inggeris kerana aturan mengikut abjad iaitu mengikut Bahasa Malaysia, contohnya, kalau 'barang' diatur di bawah B, sebab di versi Inggeris 'barang' ialah goods, jadi di bawah G. Jadi, tidak selarilah dengan sesama. So...

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Tetapi dari segi undang-undang, kita mesti ada dua naskhah yang sama dari segi susunan dan sebagainya. Tidak boleh lari ke sini dan sana. Bagaimana kita boleh merujuk kalau sedemikian? Terima kasih.

Tuan Wong Kam Hoong: Terima kasih Yang Berhormat Dato'. Ini amalan AG Chamber sejak kita mencapai kemerdekaan dan tidak dapat banyak rungutan. Sebab versi yang sah ialah Bahasa Malaysia dan bukan versi Bahasa Inggeris. Bahasa Inggeris cuma untuk rujukan sahaja dan kalau kita mengikut abjad (alphabetical order), kalau selari orang cuma tahu versi Inggeris tetapi tidak faham Bahasa Malaysia, mereka pun mengelirukan dengan susunan ini. This will cause confusion when you only know English. Then look at the English version and say "Eh, our people do not know how to put thing in alphabetical order also." Sebab versi Bahasa Malaysia yang sah.

Yang Berhormat Dato' juga membangkit isu kalau tidak ada surat dari pendaftar, bolehkan sita barangan pelancong. Adalah menjadi tanggungjawab tuan punya untuk melapor kepada pendaftar. Tanpa laporan, tiada tindakan akan diambil. Mengenai isu mengapa perlu ada Seksyen 70D sedangkan Seksyen 70B ada. Untuk makluman Yang Berhormat Dato', Seksyen 70B adalah peruntukan berkenaan dengan cap dagangan terkenal, manakala Seksyen 70D adalah peruntukan khusus untuk barang cap dagangan pelancong iaitu counterfeit goods.

Yang Berhormat Tuan Zainal Rampak membangkitkan isu mengenai penjualan barang-barang tiruan seperti di Petaling Street. Kementerian saya menyedari tentang wujudnya beberapa tempat yang menjadi pusat jualan barang-barang tiruan seperti di Petaling Street dan Imbi Plaza. Kementerian saya sentiasa mengambil tindakan di kawasan-kawasan tersebut, namun masih ada peniaga yang berani beroperasi di kawasan-kawasan tersebut sebab keuntungan yang lumayan. Bagi memberi keberkesanan ke atas tindakan yang diambil, pihak kementerian menubuhkan pasukan petugas khas yang bertindak secara bersepadu dengan melibatkan pelbagai agensi kerajaan lain iaitu polis, Kementerian Dalam Negeri, FINAS, Kastam dan pihak berkuasa tempatan.

Kementerian memang melihat isu barangan cetak rompak dan barang tiruan sebagai serius. Dalam hubungan ini Yang Berhormat Menteri sendiri telah mempengerusikan pasukan petugas khas itu.

Yang Berhormat juga membangkit mengenai barang-barang terkenal. Rang undang-undang ini memberi perlindungan kepada cap dagangan yang terkenal. Oleh itu pemilik cap dagangan tempatan perlu membuat promosi seperti pengiklanan,

mengembangkan pasaran dan meningkatkan kualiti barangan, maka pemilik cap dagangan tempatan juga boleh menjadi cap dagangan yang terkenal.

Memang benar pada zaman sekarang negara kita tidak ada banyak cap dagangan terkenal (well known marks) tetapi saya percaya pada satu masa nanti, negara kita akan mencapai tahap yang sama dengan negara maju iaitu negara-negara Barat. Buat masa ini ada banyak tuan punya well known marks seperti Levi, MacDonalds dan sebagainya dan saya percaya dengan perkembangan negara kita dan tekanan yang diberi kepada industri-industri tempatan, maka satu hari nanti Kelantan Silver Ware, Kain Songket Terengganu, Selangor Pewter dan Ayam Mas akan menjadi well known marks di negara-negara lain dan pada masa itu kita perlu perlindungan di bawah Perjanjian TRIPS itu. This is a two-way traffic, perlindungan dua hala.

Tuan Zainal bin Rampak: Minta laluan Yang Berhormat. Itu sebab saya menyatakan tadi, dalam pandangan sayalah, bila mana saya melihat Fasal 18, kenapa hanya barang-barang terkenal, kenapa tidak masukkan juga barang-barang yang belum terkenal supaya ianya diberikan perlindungan. Betul kata Yang Berhormat, satu masa kelak, kain songket, Ayam Mas, barang silver yang dikeluarkan di Kelantan, pewter - pewter sudah menjadi barang yang begitu popular di market seluruh dunia. Jadi, kita juga harus patut memberi perlindungan jangka panjang – long term it should also be protected. Bagaimana, apakah pandangan kerajaan. Adakah kerajaan, kalau besok sudah terkenal ataupun sesuatu berlaku dan kita bawa satu pindaan.

Saya mencadangkan supaya satu pindaan ini kalau kita hendak buat, kita cadangkan supaya ianya begitu lengkap, konstruktif dan kita tidak perlu balik semula ke dalam Dewan membuat satu pindaan jika sekiranya keadaan yang tidak diingini berlaku. Itu pandangan saya dari perspektif yang saya lihat atas cadangan pindaan ini oleh kerana saya semata-mata ingin melihat, betul, perlindungan barang-barangan keperluan kita suatu hari kelak, tidak lama. It is not a long time, dengan izin, kita akan menjadi pengeluar barang-barang yang terkenal di seluruh dunia.

Sudah mula dengan kain songket, sudah mula dengan barang-barang pewter, sekarang pun sudah ada Temasek, sama ada Malaysian product, I sungguh tidak tahu. Saya belum dapat, oleh kerana saya tidak mengkaji. Temasek equally also same like Selangor Pewter, sama ada Temasek pengeluaran barang negara ini ataupun daripada luar negara.

Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Wong Kam Hoong: Memang betul pandangan Yang Berhormat. Kerajaan cuma boleh membuat dari segi perundangan dan barang-barang negara kita kalau hendak mencapai daya saingan yang semacam dengan negara Barat, maka pengilang-pengilang dan pengusaha-pengusaha kita pun ada tanggungjawab iaitu memastikan barang-barang yang dikeluarkan mencapai kualiti dengan konsisten, kualiti yang tinggi dan dengan harga yang berpatutan. Ini tanggungjawab pengeluar tempatan negara kita. So this is a two-way traffic.

Kerajaan mewujudkan satu suasana yang teratur dan dengan isu perdagangan arena negara ASEAN, sama ada persefahaman telah diwujudkan mengenai barang-barang dan cap tiruan masuk ke dalam negara lain. Apabila semua negara yang menganggotai WTO telah mematuhi TRIPS maka semua negara ini perlu mengadakan langkah-langkah sempadan. Oleh itu, bukan hanya negara ASEAN yang perlu mengadakan langkah-langkah sempadan tetapi semua negara yang menganggotai WTO.

Berkenaan dengan soal persefahaman di kalangan negara ASEAN, buat masa ini terdapat satu ASEAN Working Group on Intellectual Property Corporation, dengan izin, yang membincang dan memupuk kerjasama dalam bidang harta intelek di kalangan negara ASEAN termasuk soal penguatkuasaan di sempadan dan kerjasama-kerjasama di antara satu sama lain.

Dengan ini saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dan saya menghargai pandangan-pandangan, teguran-teguran, syor-syor dan cadangan-cadangan supaya kita boleh mem.....[Ketawa] Letihlah.....after four bills.

Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal 1 hingga 20 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan mesyuarat*]

**RANG UNDANG-UNDANG PENGUATKUASAAN
KONVENSYEN PERIUK API PEMBINA ANGGOTA 2000**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.00 ptg.

Timbalan Menteri Pertahanan [Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal]:

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu satu rang undang-undang bernama suatu akta untuk menguatkuasakan Konvensyen tentang larangan penggunaan, pengumpulan stok, pengeluaran dan pemindahan periuk api pembina anggota dan tentang pemusnahannya dan bagi perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya dibaca kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan rang undang-undang ini adalah untuk menguatkuasakan Konvensyen tentang larangan penggunaan, pengumpulan stok, pengeluaran dan pemindahan periuk api pembina anggota dan tentang pemusnahannya dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, Konvensyen ini telah berkuat kuasa pada 1 Mac 1999. Ia merupakan satu mekanisme yang komprehensif bagi menghapuskan penyalahgunaan periuk api pembina anggota. Setakat ini sejumlah 137 buah negara telah menandatangani, sementara 78 buah negara telah meratifikasinya. Dalam hal ini, Malaysia telah pun menandatangani Konvensyen berkenaan pada 3 Disember 1997 di Ottawa dan seterusnya telah meratifikasinya pada 22 April 1999 di Mozambique. Konvensyen ini akan diterima pakai sebagai satu undang-undang pada hari pertama bulan keenam dari tarikh ratifikasi tersebut. Ini bermakna Malaysia telah menjadi sebuah negara ahli kepada Konvensyen ini berkuat kuasa daripada 1 Oktober 1999. Justeru itu, satu akta perlu diwujudkan untuk menyelaraskan dan menguatkuasakan undang-undang tersebut di peringkat negara.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah Konvensyen berkaitan terdapat obligasi-obligasi tertentu yang perlu dipatuhi oleh negara-negara ahli bagi memastikan matlamat Konvensyen yang diwujudkan tercapai, iaitu menghapuskan periuk api pembinasa anggota. Sehubungan itu, akta yang dicadangkan ini adalah menggariskan obligasi-obligasi tersebut di dalam undang-undang negara. Obligasi-obligasi utama adalah yang meliputi larangan kepada semua ahli daripada menggunakan sebarang bentuk periuk api pembinasa anggota termasuk menghasilkan, mengeluarkan atau selainnya memperolehi, mengumpul stok, menyimpan atau memilik, memindahkan serta mengimport dan mengeksport periuk api pembinasa anggota.

Sehubungan itu, Malaysia sebagai sebuah *state party*, dengan izin, kepada Konvensyen ini adalah dikehendaki untuk memusnahkan dengan hanya meninggalkan sejumlah minimum periuk api pembinasa anggota berkenaan bagi tujuan pembangunan latihan. Tempoh tindakan pemusnahan tersebut hendaklah dilaksanakan dalam jangka masa empat tahun bermula dari tarikh 1 Oktober 1999. Di samping itu, tindakan untuk membersihkan kawasan periuk api hendaklah dikenal pasti dalam tempoh 10 tahun bermula dari tarikh 1 Oktober 1999.

Secara rasionalnya, periuk api pembinasa anggota ini adalah senjata yang paling murah dan mudah didapati pada masa ini. Ia digunakan secara meluas terutama semasa berlakunya satu-satu konflik, rusuhan dan seumpamanya dengan tujuan untuk mencederakan dan membunuh sesiapa sahaja secara rambang. Adalah diharapkan dengan wujudnya akta ini nanti ia akan dapat menghentikan penyalahgunaannya dan seterusnya menjamin keselamatan orang ramai daripada menjadi mangsa.

Tuan Yang di-Pertua, secara tidak langsung akta ini turut mencerminkan komitmen negara untuk bersama-sama dengan masyarakat antarabangsa dalam usaha menghapuskan penggunaan senjata yang membahayakan keselamatan manusia sejagat. Pada masa yang sama ia akan dapat mengurangkan risiko keselamatan anggota ATM yang bertugas dalam sebarang operasi ketenteraan dari menjadi mangsa senjata berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan yang demikian, izinkan saya menghuraikan peruntukan-peruntukan penting yang terkandung dalam rang undang-undang ini satu persatu. Rang undang-undang Penguatkuasaan Konvensyen Periuk Api Pembinasa Anggota 2000 ini mempunyai 24 Fasal.

Fasal 1 menyatakan tajuk ringkas akta yang dicadangkan.

Fasal 2 mentakrifkan perkataan yang diungkap tertentu yang digunakan dalam rang undang-undang ini.

Fasal 3 menyenaraikan perbuatan yang dilarang berhubung dengan periuk api pembinasa anggota. Walaupun obligasi-obligasi yang disebutkan di bawah Fasal 3 perlu dipatuhi tetapi akta yang dicadangkan ini juga membuat peruntukan pengecualian ke atas larangan yang telah dikenakan. Pengecualian tersebut adalah meliputi keadaan di mana periuk api pembinasa anggota boleh ditempatkan, diperolehi, dimiliki atau dipindahkan. Pengecualian tersebut adalah atas alasan-alasan mengadakan latihan, melaksanakan tugas perolehan, pemilikan atau pemindahan periuk api pembinasa anggota yang telah dinyatakan atau bagi tujuan kegiatan ketenteraan yang tidak bertentangan dengan peruntukan Fasal 3 rang undang-undang ini. Pengecualian ini adalah seperti yang terkandung di dalam Fasal 4 rang undang-undang yang sama.

Fasal 4 memperuntukkan pengecualian kepada Fasal 3 yang menyatakan hal keadaan yang membolehkan periuk api pembinasa anggota ditempatkan, diperolehi, dimiliki atau dipindahkan. Bagi tujuan menghapuskan penggunaan periuk api pembinasa anggota, pemilikan periuk api pembinasa anggota oleh mana-mana orang adalah tidak dibenarkan sama sekali di bawah rang undang-undang ini.

Fasal 5 menghendaki tiap-tiap orang yang memiliki periuk api pembinasa anggota yang dilarang di bawah Fasal 3 supaya mengemukakannya kepada orang yang ditentukan untuk memusnahkan

Fasal 6 bertujuan untuk menghendaki menteri memastikan bahawa kawasan yang dikenal pasti atau disyaki menjadi kawasan berperiuk api hendaklah ditandakan sempadannya dan dilindungi dengan pagar atau dengan apa-apa cara lain supaya dapat memberitahu orang awam tentang adanya periuk api pembinasa anggota di situ.

Fasal 7 bertujuan untuk membuat peruntukan bagi pemusnahan segala periuk api pembinasa anggota yang dikumpul stok. Periuk api pembinasa anggota yang diserahkan untuk dimusnahkan di bawah Fasal 5 serta juga periuk api pembinasa anggota di dalam kawasan berperiuk api.

Walau bagaimanapun, di bawah Fasal 8, Menteri boleh membenarkan penempatan, memperoleh, penyimpanan, pemilikan dan pemindahan sesuatu bilangan tertentu periuk api pembinasa anggota bagi peningkatan dan latihan dalam teknik pengesahan periuk api, pembersihan periuk api dan pemusnahan periuk api.

Untuk mematuhi kehendak perkara 7 Konvensyen, Fasal 9 bertujuan untuk memberi menteri kuasa untuk mengeluarkan notis kepada mana-mana orang yang disyaki secara munasabah mempunyai maklumat atau dokumen yang berkaitan supaya mengemukakan apa-apa maklumat atau dokumen itu kepada Menteri.

Untuk mematuhi kehendak perkara 7 konvensyen, Fasal 9 bertujuan untuk memberi Menteri kuasa untuk mengeluarkan notis kepada mana-mana orang yang disyaki secara munasabah mempunyai maklumat atau dokumen yang berkaitan supaya mengemukakan apa-apa maklumat atau dokumen itu kepada Menteri. Kegagalan untuk mematuhi notis itu menjadi satu kesalahan bagi menunjukkan komitmen dan ketelusan negara berkaitan dengan periuk api peminasa anggota ini.

Rang Undang-undang ini di bawah Fasal 10 telah memperuntukkan supaya misi pencarian fakta dari luar negeri dibenarkan memasuki negara ini sebagai maksud membuat pengenalpastian tertakluk kepada syarat-syarat yang akan dikenakan. Sebelum sesuatu misi pencarian fakta itu dibenarkan menjalankan misi berkenaan, satu perakuan yang dikeluarkan oleh Menteri yang dipertanggungjawabkan dalam hal ehwal luar negara perlulah diperolehi terlebih dahulu oleh setiap anggota misi pencarian fakta.

Fasal 11 bertujuan untuk menghendaki perakuan yang dikeluarkan di bawah Fasal 10 ditunjukkan kepada orang yang bertanggungjawab bagi atau yang mempunyai kawalan ke atas pemasangan kemudahan atau tempat yang dikehendaki diperiksa.

Fasal 12 bertujuan untuk membolehkan anggota sesuatu misi pencarian fakta masuk ke sesuatu pemasangan atau kemudahan yang mempunyai atau mungkin mempunyai keupayaan untuk menghasilkan, mengeluarkan atau mengumpul stok periuk api peminasa anggota atau mana-mana tempat lain untuk menjalankan penyiasatan. Pemeriksaan itu hanya boleh dilakukan dengan keizinan orang yang bertanggungjawab bagi atau yang tinggal di atau yang mempunyai kawalan ke atas pemasangan kemudahan atau tempat itu. Walau bagaimanapun, kuasa untuk masuk dan membuat pemeriksaan berkenaan dengan kelengkapan maklumat dan kawasan yang sensitif adalah tertakluk kepada syarat sekatan yang boleh dikenakan oleh Menteri.

Untuk memudahkan perjalanan sesuatu penyiasatan, Fasal 13 bertujuan untuk memperuntukkan bahawa Menteri boleh mengarahkan supaya anggota sesuatu misi

pencarian fakta diiringi oleh pegawai Polis Diraja Malaysia, anggota -anggota tentera atau mana -mana orang lain.

Fasal 14 bertujuan untuk membuat peruntukan bagi pengeluaran waran geledah oleh Majistret dalam keadaan yang dinyatakan dalam fasal itu.

Fasal 15 bertujuan untuk membolehkan suatu penggeledahan, penyitaan atau pemeriksaan dijalankan tanpa waran jika apa -apa kegeledahan atau dalam memperoleh waran geledah boleh memudaratkan penggeledahan atau pemeriksaan itu.

Fasal 16 bertujuan untuk membolehkan anggota sesuatu misi pencarian fakta mengimport tanpa duti dan cukai apa -apa kelengkapan tidak termasuk kenderaan motor yang hendak digunakan semata -mata dalam menjalankan misi mereka. Kelengkapan itu kemudiannya bolehlah dieksport tanpa duti dan cukai.

Fasal 17 bertujuan untuk membuat peruntukan bagi kerahsiaan maklumat yang diperolehi di bawah akta yang dicadangkan atau konvensyen. Fasal ini juga menyatakan hal keadaan bila maklumat itu boleh disampaikan kepada orang lain.

Fasal 18 bertujuan untuk melarang pembuatan pernyataan palsu atau mengelirukan kepada anggota sesuatu misi pencarian fakta serta juga halangan sengaja ke atas sesuatu pemeriksaan.

Fasal 19 bertujuan untuk memperuntukkan bahawa pelanggaran peruntukan tertentu akta yang dicadangkan adalah menjadi kesalahan.

Fasal 20 memperuntukkan penalti merupakan satu denda yang tidak melebihi RM20,000 atau pemenjaraan tidak melebihi 5 tahun atau kedua -duanya bagi kesalahan jika tiada penalti diperuntukkan secara nyata di bawah akta yang dicadangkan.

Fasal 21 bertujuan untuk membuat peruntukan bagi melucuthakkan dokumen, kelengkapan dan benda lain yang disita. Perintah melucuthakkan hendaklah dibuat oleh mahkamah yang dibuktikan bahawa suatu kesalahan telah dilakukan dan bahawa dokumen, kelengkapan atau benda yang disita itu ialah hal perkara atau telah digunakan dalam perlakuan kesalahan itu. Fasal ini juga menetapkan tatacara yang hendaklah diikuti jika tiada pendakwaan dimulakan tentang apa -apa dokumen, kelengkapan atau benda yang disita.

Fasal 22(1) bertujuan untuk membolehkan Menteri yang dipertanggungjawab dengan tanggungjawab bagi pertahanan mewakili apa -apa fungsi dan kuasa yang

dikenakan atau diberikan kepadanya di bawah akta yang dicadangkan kepada mana-mana pegawai di bawah kawalan, arahan dan penyaliaannya. Walau bagaimanapun, kuasa untuk membuat peraturan-peraturan tidak boleh diwakilkan.

Fasal 23 bertujuan untuk membuat peruntukan bagi perlindungan pegawai dan orang lain apabila menjalankan maksud akta yang dicadangkan.

Fasal 24 bertujuan untuk memberi Menteri kuasa untuk membuat peraturan-peraturan yang berkaitan dengan akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Pendidikan [Dato' Hon Choon Kim]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk menguatkuasakan Konvensyen tentang Larangan Penggunaan, Pengumpulan Stok, Pengeluaran dan Pemindahan Periuk Api Pembina Anggota dan tentang Pemusnahannya; dan bagi perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng.

4.14 ptg.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Tuan Yang di-Pertua, saya sangat gembira mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang ini. Oleh kerana tiap-tiap kali kita membaca surat khabar kita dapati kawan-kawan kita di negara Asean ini khasnya Cambodia dan Vietnam selalu menghadapi masalah di mana orang-orang yang tidak berkenaan tetapi telah menja di mangsa akibat daripada terpijaknya periuk api ini.

Dan apabila negara-negara antarabangsa itu telah mula mencadangkan bahawa periuk api pembina anggota ini diharamkan, maka banyak negara pun setuju dan tadi sahaja kita telah mendengar bahawa 137 buah negara telah menyokong ini dan 78 lagi dalam proses menyertai konvensyen ini.

Jadi, saya sangat memujilah negara kita dan saya rasa sangat bangga hari ini untuk mengambil bahagian dalam rang undang-undang ini dan saya amat menyokong kerajaan ini atas usahanya sebagai satu daripada petanda dalam perjanjian atau dalam konvensyen ini.

Sungguhpun kita telah menunjuk semangat kita, kita telah menunjuk bahawa kita memang serius dalam perkara ini. Tetapi apabila kita baca rang undang-undang

ini saya masih dapati bahawa kita tidak seolah-olah menunjuk komitmen 100%. Jadi, saya dapati sungguhpun ada seksyen-seksyen sebagai contoh Seksyen 15 di mana Seksyen 15 ini betul-betul menunjukkan komitmen kita iaitu seorang pegawai polis berpangkat inspektor dan ke atas bolehlah masuk sesuatu tempat tanpa waran kalau pada pendapat beliau itu di sana ada simpannya periuk api atau bahan-bahan yang boleh diguna untuk membuat periuk api, sebab itu bagi saya satu komitmen yang begitu bagus dan yang begitu terang sehingga tanpa waran kita membenarkan seseorang itu masuk untuk mengambil tindakan.

Tetapi apabila saya baca Seksyen 32, Seksyen 4D, Seksyen 8 maka saya dapati ada sedikit tarik balikan daripada komitmen 100% itu. Kalau kita lihat di Seksyen 32 itu, kita masih membenarkan menteri, dengan kebenaran menteri, kita masih boleh import, sungguhpun ada syarat dengan kebenaran menteri. Saya dapati kenapa kita masih mahu import periuk api ini, kalau kita sudah ada komitmen hapuskan semua, kenapa hendak import barangan ini yang selalu menjadi satu masalah kepada orang-orang yang menjadi mangsa. Dan bahagian 4(d) juga membenarkan kita menyertai negara-negara yang belum tanda tangan konvensyen ini mengambil bahagian bersama mereka, mengadakan operasi bersama mereka dan menggunakan periuk api dengan mereka. Kenapa itu diadakan?

Kalau kita betul-betul hendak menghapuskan ini, maka kalau ada satu negara yang belum lagi menjadi ahli dalam konvensyen ini, kita patut suruh dia atau kalau kita boleh tekan dia dan kalau kita ada pengaruh, paksa dia menyertai konvensyen ini dan jangan mengambil bahagian dengan mereka dalam exercise atau dalam latihan di mana periuk api itu diguna, kalau kita memang serius, pada pendapat saya itu haruslah kita lakukan.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, boleh beri laluan.

Datuk Long bin Jidin: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya mohon sedikit laluan untuk komen Dato' berkaitan dengan seriusnya periuk api ini tidak boleh dibawa masuk dan termasuklah kesalahan am Seksyen 19 dan penalti Seksyen 20, kalau kita memiliki pistol, peluru, kita dihukum gantung – mati, sedangkan Seksyen 20 ini dendanya RM20,000 ataupun penjara tidak lebih lima tahun ataupun kedua-duanya sekali. Minta pandangan Dato'.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasihlah, ini bagi saya lagi peluru (ammunition) untuk menembak pihak kita. Terima kasih. Saya memang bersetuju

kalau kita anggap perkara ini begitu serius, hukuman untuk memperolehi alat-alat periuk api ini mesti seperti yang telah dibawa kepada perhatian saya oleh rakan saya Yang Berhormat Datuk Long, itu memang saya bersetuju kalau demikian. Tetapi mungkin saya tidaklah baca seksyen itu, tetapi saya bersetuju bahawa kalau kita memang serius maka penalti untuk ini juga kenalah selaras dengan hasrat kita.

Tadi, saya juga kata tentang Seksyen 8 membenarkan kita import ini untuk dikatakan latihan ATM. Kita mungkin dari segi bagaimana hendak memusnahkan periuk api dan bagaimana hendak jadikan supaya kita tahu kalau terdapat periuk api di dalam negara kita, kita tahu bagaimana kita boleh hancurkannya, bagaimana kita boleh jadikan ia tidak bahaya. Dengan itu, maka kita masih mahu import ini untuk latihan orang-orang kita.

Tetapi bagi saya, adalah lebih baik kalau kita langsung tidak mengimport ini, sungguhpun di bawah Seksyen 8 ini ada ditetapkan amaun yang kita boleh import hanya minimum sahaja, tetapi dalam negara kita periuk api bukan menjadi satu masalah dan kalau kita latih seseorang pegawai dalam hal ini juga, mungkin sepanjang masa pegawai ini berkhidmat dengan ATM, ia pun tidak ada peluanglah untuk menggunakan pengetahuannya kerana periuk api bukan satu masalah besar dalam negara kita.

Bagi saya, ini menunjukkan ada sedikit kelemahan daripada komitmen kita. Kalau komitmen kita ialah 100% maka lebih baik saya cadangkan seksyen-seksyen yang ada menunjuk kelemahan kita dalam komitmen itu haruslah dikeluarkan dalam rang undang-undang ini. Dan sekali lagi saya

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato'.

Tuan Zainal bin Rampak: Tuan Yang di-Pertua, saya minta laluan. Saya hendak bertanya kepada Ahli Yang Berhormat, kata Ahli Yang Berhormat tadi seksyen sedemikian tidak patut wujud, di mana barang-barang periuk api ini tidak boleh masuk demi untuk tujuan latihan angkatan tentera. Kita tahu bahawa dalam zaman yang penuh cabaran ini dan walaupun negara-negara besar menyatakan periuk api harus dimusnahkan, konvensyen ini harus dilaksanakan. Tetapi kalau sekiranya pegawai-pegawai kita, kita tidak lengkapkan dengan latihan, dengan pengalaman, kalau berlaku sesuatu di negara kita, dengan tidak disedari musuh kita masuk dan menanam periuk api dan pegawai kita tidak mempunyai pengalaman, saya hendak bertanya kepada Ahli Yang Berhormat bagaimana caranya kita hendak melatih

pegawai-pegawai ATM ini supaya mereka ini mempunyai kepakaran untuk memusnahkan periuk api.

Adakah kita gunakan atau periuk apa yang kita hendak gunakan [*Ketawa*] sama ada periuk nasi, saya minta maaf. Jadi, apakah caranya yang kita hendak gunakan untuk memberi latihan kepada mereka. Jadi, ini satu perkara yang kita harus fikirkan bersama demi untuk kesejahteraan Kita tidak tahu masa akan datang apa yang akan berlaku sama ada dalam zaman kita atau generasi yang akan datang, dunia bertukar dan keadaan bertukar dan dengan kemajuan yang kita ada hari ini, dengan perolehan kemajuan ekonomi, dengan kemajuan IT, dengan kemajuan pelbagai bidang, besar kemungkinan banyak orang jealous, cemburu dengan kita.

Dan kalau dia tidak boleh menggunakan kuasa economic powers untuk menjatuhkan sesebuah negara, akan menggunakan perkara-perkara yang lain dengan secara senyap. Jadi, ini kita perlu mempertahankan negara kita dan kita perlu memastikan pegawai tentera kita mempunyai kepakaran dalam bidang ini, bukan sahaja digunakan untuk negara kita, tetapi juga besar kemungkinan kepakaran mereka boleh digunakan untuk menolong negara-negara jiran lain dan kita akan berasa bangga, megah bahawa angkatan tentera kita mempunyai kepakaran dalam bidang pemusnahan periuk api, lebih baik daripada orang-orang Amerika ataupun negara-negara angkatan tentera industrial country yang maju. Terima kasih.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Zainal Rampak. Saya memang ada memikir tentang perkara ini dari segi kita nak menghapuskan ini, dari segi kita nak menjaga kepentingan negara, dari segi kita nak mempertahankan kedaulatan negara kita memang semua ini ada kaitan.

Bagi saya kalau sesuatu negara itu hendak masuk berperang dengan kita, kemungkinan besarlah ia tidak akan menggunakan cara periuk api kerana ini adalah satu daripada kaedah yang di mana akan menghalang kereta perang dan sebagainya dari memasuki sesuatu kawasan termasuk jugalah askar-askar darat dan sebagainya dan mereka mungkin akan guna cara-cara lain yang lebih efektif. Dari segi sama ada kita boleh memberi bantuan kepada negara-negara lain yang mungkin memerlukan bantuan ini kerana di negara mereka masih ada periuk-periuk api ini, so kalau kita tak ada latihan mungkin kita tak dapat membantu ini. Tapi hari ini kita sedang dalam suatu masyarakat yang dikatakan tanpa sempadan. Kita telah menandatangani begitu

banyak perjanjian untuk memberi begitu banyak bantuan dan kerjasama dan sebagainya dengan negara-negara lain.

Bagi saya masih ada kepakaran dalam hal-hal ini dan apabila dikatakan perkara yang tidak dingini itu berlaku, suatu hari kita diserang oleh musuh kita dan mereka membawa periuk api dan sebagainya ke negara kita maka saya ada harapan di arena antarabangsa itu ada kawan-kawan yang boleh datang membantu kita dan dalam hal ini kalau kita memberi latihan kepada ATM kita dan latihan ini hanya satu latihan yang minimum sahaja, bagi saya yang lebih baik jangan buat. Oleh kerana apabila sesuatu periuk api dibawa masuk mungkin ia boleh dicuri kerana kita sudah dapati senapang M16 dalam depoh kementerian kita juga dicuri. So, kalau satu periuk api itu dicuri, bagi saya itu juga satu yang kita katakan perkara yang tidak dingini dan mungkin akibat daripada itu lebih serius daripada satu senapang M16 itu dicuri.

So sekali lagi Datuk Yang di-Pertua, saya sangat menyokong Rang Undang-undang ini dan saya harap negara kita bagi komitmen 100% kepada perkara ini.

Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat Dato' Aziz dahulu, ya.

4.35 ptg.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Saya juga mengucapkan tahniah kepada kerajaan kerana berjaya menganggotai persefahaman dan seterusnya membentangkan Rang Undang-undang Penguatkuasaan Konvensyen Periuk Api Pembinasaa Anggota 2000.

Walau bagaimanapun apa yang perlu Malaysia memikirkan pada pendapat saya, kerana kalau kita lihat dari segi angka yang disebutkan oleh Timbalan Menteri tadi hanya 137 buah negara sengaja yang menyetujui dengan syarat-syarat konvensyen ini dan 78 daripadanya telah pun membuat ratifikasi. Saya, kalau tak silap anggota-anggota badan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu lebih kurang 124 atau 126 mungkin ada negara-negara kecil sudah masuk, saya lupalah. Ini bererti lebih kurang 50 belum bersetuju dengan konvensyen ini. Saya ingin mengetahui siapa negara-negara ini kerana berkemungkinan besar negara-negara yang menghasilkan periuk api atau berdosa dengan meletakkan periuk-periuk api di kawasan-kawasan pertempuran, mungkin belum lagi menganggotainya.

Dan inilah negara-negara yang sepatutnya diberikan sanction oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu kerana dosanya Tuan Yang di-Pertua, kepada mereka yang meletakkan periuk api ini amat nyata sekali. Dalam televisyen kita tengok, dalam surat-surat khabar mass media yang lain, ramai anak-anak kecil tak ada kaki, ibu bapa hilang tangan, putus kaki di Afrika, di Asia, di Vietnam, di Kampuchea tadi, ramai sangat. Siapa yang berdosa ke arah menentukan ini dan kalau sekiranya Bangsa-Bangsa Bersatu benar-benar mengiktiraf pentingnya konvensyen ini, mereka juga sekarang ini terpaksa membuat satu kajian - negara-negara mana yang letakkan periuk-periuk ini di Vietnam, adakah ianya Amerika? Di Kampuchea, di Kosovo di mana-mana tempat di Afrika, Rwanda. Mana-mana tempat sekalipun, siapa dia? Kita hendak tanya. Buatlah satu siasatan siapa yang meletakkan periuk api ini dan Bangsa-Bangsa Bersatu sekarang mesti membuat keputusan supaya negara-negara ini pergi mengambil balik periuk-periuk api ini kerana saya difahamkan Tuan Yang di-Pertua berjuta-juta periuk api ini ditanam di seluruh dunia, di tempat pertempuran-pertempuran.

Kita mahu anggota-anggota yang menyertai pertempuran itu kini kembali ke tempat itu dan cari periuk-periuk api ini supaya tidak menzalimi anak-anak kecil, ibu bapa yang hendak mencari nafkah secara halal, terkena, terperangkap dan sebagainya. Ini dosa besar dan saya nak tahu adakah Amerika Syarikat bersetuju dengan konvensyen ini atau negara-negara seperti Croatia yang jahat-jahat yang mana memulakan pertempuran. Adakah mereka menjadi ahli, bersetuju dengan syarat-syarat konvensyen ini.

Malaysia, saya nak tanya pihak kerajaan. Berapa periuk api dalam negara kita ini? Yang saya tahu jerat. Jerat dibuat oleh pihak komunis di mana ianya menggunakan kaca, menggunakan paku-paku, besi-besi dan juga belacan. Masuk saja kaki askar-askar Melayu kita dulu saya tengok putus kaki, bukan putus, busuk dan menanah sampai begitu, kaca-kaca meresap ke dalam badan, ada yang patah kaki dalam hutan-hutan belantara, itu komunis buat dan komunis pun telah surrender dan kita telah tempatkan pada tempat yang amat istimewa supaya mereka dapat menyertai arus perdana perkembangan dan pembangunan masyarakat.

Saya nak tahu daripada pihak kementerian, adakah pihak kementerian sekarang ini memagar kawasan-kawasan yang mungkin ada lagi jerat-jerat, perangkap-perangkap ini. Saya tahu, saya tidak.... [*Melihat ke tempat duduk Y.B*

Datuk Long bin Jidin] Datuk Long Jidin pun tak ada di sini, saya hendak bertanya, adakah askar-askar yang daripada kaum Orang Asli yang mengetahui tentang jalan-jalan trek komunis ini, mencari periuk yang bukan api ini, periuk besi, periuk belacan, periuk paku, periuk kaca yang berbahaya. Yang mengorbankan banyak anggota-anggota keselamatan kita.

Jadi Tuan Yang di-Pertua untuk memberikan keseimbangan, saya hendakkan kalau boleh menerusi Bangsa-Bangsa Bersatu atau pertubuhan-pertubuhan mana sekalipun, Malaysia memainkan peranan bagi menuntut negara-negara yang berdosa, yang meletakkan periuk api di dunia ini bertanggungjawab untuk memulihkan keadaan. Cari periuk api ini dan memusnahkannya dan kita tidak mahu anggota-anggota kita yang menjalankan misi keselamatan antarabangsa pergi ke kawasan-kawasan ini.

Saya, dalam Dewan ini saya hendak bertanya, berapa ramai anggota keselamatan kita, anggota polis, angkatan tentera yang bertugas, bertanggungjawab menerusi PBB ke Negara-negara Ketiga dan negara-negara ini bukannya selamat sangat. Saya nak persetujuan kerajaan, tidak ada anggota-anggota keselamatan kita dihantar ke kawasan yang wujudnya periuk-periuk api kerana periuk-periuk api itu mesti dibersihkan oleh Negara-negara Ketiga ataupun oleh Bangsa-Bangsa Bersatu sebelum kita menghantar anggota-anggota kita ke tempat-tempat yang berbahaya ini.

Buatkan satu peta baru, peta baru yang menunjukkan negara-negara yang mempunyai periuk api dan di mana dan negara-negara yang bebas daripada periuk api dan kita hantar anggota-anggota kita menerusi PBB kalau dia hendak, hanya kepada negara-negara yang bebas daripada periuk api. Kalau tidak, saya nak tanya pihak kerajaan, berapa ramai anggota-anggota kita yang menjadi mangsa periuk api kerana bertugas di Negara-negara Ketiga atas dasar kepentingan dunia dan Bangsa-Bangsa Bersatu dan apakah pampasan yang diberi.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga menuntut Bangsa-Bangsa Bersatu menerusi kerajaan kita supaya negara-negara yang bertanggungjawab untuk meletakkan periuk-periuk api di negara-negara yang bertempur ini memberi pampasan. Bangsa-Bangsa Bersatu mesti mengkaji negara mana yang memberi pampasan kepada orang yang tidak ada mata, tidak ada kaki, tidak ada lutut, tidak ada tangan, yang tidak boleh mencari nafkah secara aktif kerana menjadi mangsa periuk api.

Saya difahamkan berjuta-juta yang menjadi mangsa dan mereka ini kita tengok dalam televisyen sahaja ditonton, sepatutnya dibantu. Yang patut membantu

ialah mereka yang bertanggungjawab atau yang tidak ada tanggungjawab kepada peri kemanusiaan, yang ini patut di *sanction* oleh Bangsa-Bangsa Bersatu, oleh Amerika dan kita tidak tahu siapakah yang sebenarnya membuat periuk api, dari negeri mana periuk api ini datang? Adakah ia dari Perancis, dari Amerika, dari England, dari Jepun, mereka ini terpaksa kita tentukan mendapat *sanction* daripada Bangsa-Bangsa Bersatu kalau kita hendak memastikan tidak wujud periuk-periuk api di dunia, mesti ada orang yang membuatnya, negara mana, adakah negara itu juga yang menandatangani Konvensyen ini?

Ini bangsa “baling batu sorok tangan”, kita tidak mahu ini berlaku dan kerajaan saya ingat mesti tahu negara-negara mana yang membuat periuk api dan banyak periuk api secara sulit dihantar ke sana, sini. Saya tahu benar, Tuan Yang di-Pertua, treaty dari segi Nuclear Test Ban Treaty pun tidak ditandatangani oleh Kongres. Manakala Presiden Clinton sendiri melaung-laungkan supaya ianya dipersetujui oleh dunia, mereka sendiri, Kongresnya sendiri tidak meluluskan, ini berlaku. Jadi, macam mana pula periuk-periuk api ini?

Jadi, saya minta pihak kerajaan - sungguhpun dahulunya mendiang Princess Diana menjadi Pengerusi (Presiden) kepada NGO yang pergi merata seluruh dunia untuk membasmi pembinaan periuk api ini, sekarang ini saya tidak tahu siapa Presiden, ada yang kata Raja Perempuan Amman, Jordan - Queen Noor, bekas permaisuri Jordan. Jadi wanita yang mengetuai, saya mengucapkan syabas kepada keprihatinan wanita, Yang Berhormat Puan Hajah Rohani pun ada sini, yang aktif dalam IPU, saya tahu - kerana memberikan tanggungjawab yang amat prihatin bagi menentukan periuk api ini tidak wujud di dunia kerana ia membinasakan anggota-anggota yang amat perlu untuk mereka mencari nafkah dan rezeki yang halal.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya mohonlah pihak kerajaan mengkaji betul-betul, memainkan peranan yang aktif di peringkat antarabangsa, jangan membiarkan anggota kita pergi tugas di tempat-tempat yang mempunyai periuk api. Kita hanya pergi ke negara-negara yang bebas daripada periuk api, saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Hassan bin Haji Shukri.

4.45 ptg.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Tuan Yang di-Pertua, saya ucap terima kasih kerana memberikan peluang kepada saya untuk turut serta membahaskan Rang Undang-undang Penguatkuasaan Konvensyen Periuk Api Pembinaan Anggota 2000.

Tuan Yang di-Pertua, saya kira tidak ada dalam dunia ini orang yang suka melihat manusia ini dibunuh dengan sewenang-wenang walaupun mereka tidak melakukan kesalahan. Walau bagaimanapun, saya mungkin berbeza pendapat sedikit dengan Yang Berhormat Dato' Dr. Chin, saya masih melihat keperluan, kebenaran atau kuasa yang diberikan kepada Menteri bagi menentukan perkara-perkara yang dibolehkan kepada negara kita untuk tujuan latihan dan sebagainya.

Saya sempat menyaksikan ketika berlaku Perang Teluk dan saya telah dibawa melihat bagaimana Amerika memasang periuk api di kawasan laut bagi menghalang kapal-kapal sama ada dari Iran mahupun dari Iraq untuk menyerang kapal-kapal perang Amerika yang berlabuh di Teluk Parsi. Apabila saya dibawa melihat sebahagian daripada rangkaian pemasangan periuk api itu dan saya juga sempat dibawa untuk melihat mangsa-mangsa yang telah terkena periuk api itu, ada di antara mereka seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz tadi, ada yang hilang telinga, ada yang hilang mata, ada yang putus kepala dan ada yang hilang kaki dan juga hilang tangan. Di antara yang paling malang sekali ialah anak-anak kecil dari kalangan orang-orang perempuan ataupun wanita. Inilah barangkali yang menyebabkan kaum wanita - kalau sekarang ini Presidennya, Queen Noor daripada Jordan mengambil bahagian yang aktif untuk turut serta memerangi apa juga bentuk pemasangan periuk api ini di mana-mana juga wilayah dan kawasan di dunia ini.

Walaupun bagaimanapun, kalau kita melihat kepada peruntukan-peruntukan yang diberikan dalam Akta ini, kita mengharapkan buat sementara waktu ini, walaupun kita bercadang, hendak menghapuskan ataupun hendak menghapuskan 100% periuk api ini tetapi buat sementara waktu, kerana dunia ini tidak menentu, kadang-kadang ada pihak-pihak kerana didorong oleh sesuatu yang mengikat kepentingan mereka, mereka boleh melakukan apa sahaja terhadap negara-negara yang mereka fikirkan boleh mengancam kedudukan mereka sama ada dari segi keselamatan mahupun dari segi ekonomi. Mereka boleh melakukan apa sahaja terhadap negara-negara yang tersebut.

Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz supaya kerajaan kita membuat kajian yang teliti, mengambil tahu tentang negara-negara yang belum lagi menandatangani Perjanjian Konvensyen ini kerana kita bimbang bahawa negara-negara yang belum menandatangani itu akan menjadi dalang kepada negara-negara yang setengahnya negara-negara kecil tetapi mereka juga berminat untuk melakukan

sesuatu demi untuk mempertahankan negara mereka, mereka terpaksa melakukan perbuatan-perbuatan seperti memasang periuk api itu.

Walaupun bahayanya mungkin tidak sebesar senjata yang lain seperti peluru berpandu misalnya. Saya pun, Tuan Yang di-Pertua, hampir mati kerana peluru berpandu itu kerana sewaktu Amerika melepaskan peluru berpandunya ke Baghdad - saya tidak ingat tahunnya dan pada waktu itu saya berada di Baghdad dengan anak Timbalan Presiden Indonesia sekarang - Megawati - di satu hotel dan roket itu dilancarkan daripada Teluk Parsi tetapi oleh kerana pada waktu itu Iraq masih mempunyai teknologi untuk menentang roket itu dan roket itu dapat dialihkan sasarannya sehingga ianya tidaklah kena tepat betul-betul kepada hotel tempat saya menginap itu.

Tetapi walau bagaimanapun, hanya kira-kira 15 meter sahaja lagi daripada hotel yang tersebut dan ada lima enam orang pelayan-pelayan hotel itu yang mati akibat daripada serangan roket Amerika yang dilancarkan daripada Teluk Parsi menuju ke Baghdad. Kalau tidak ada alat penangkis yang dilakukan oleh Iraq barangkali hotel itu akan hancur semuanya. Ini memanglah suatu senjata yang sangat berbahaya tetapi harganya mahal. Periuk api ini adalah salah satu jenis senjata yang harganya agak murah.

Walau bagaimanapun, melihat kepada sebahagian daripada peruntukan yang terdapat di dalam akta ini yang masih memberikan sedikit sebanyak kuasa kepada menteri untuk melakukan sesuatu, seperti mengimport sebahagian daripada alat-alat yang boleh kita pergunakan dan bahan-bahan keperluan untuk membuat periuk api itu kerana tujuan-tujuan latihan kerana ini sangat penting. Kalau sekiranya angkatan tentera kita tidak mempunyai ilmu pengetahuan tentang bagaimana hendak memusnahkan periuk api ini tentulah ianya juga menjadi suatu malapetaka dan suatu yang amat malang bagi kita. Kerana mungkin kalau periuk-periuk api itu dipasang secara sulit, secara rahsia walaupun negara kita ini tidaklah seperti negara-negara padang pasir. Kalau kita lihat padang pasir memang lebih mudah untuk memasang periuk-periuk api itu.

Negara kita ini dipenuhi oleh hutan. Jadi agak sukar sedikit hendak pasang periuk api ini dan kalau ia meletup pun boleh jadi pokok kayu yang tumbang kecualilah orang itu sengaja datang ke kawasan periuk api tersebut. Tetapi kalau sekadar untuk dipasang di pinggir-pinggir hutan barangkali ianya agak sukar untuk

melibatkan orang ramai terkena periuk api itu. Tetapi walau bagaimanapun, kita mesti ingat bahawa periuk api ini bukan sahaja dipasang di dalam hutan, kadang-kadang ianya juga dipasang di tengah-tengah laut yang boleh menghancurkan kapal-kapal dan bot-bot.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Minta sedikit laluan, Yang Berhormat Ustaz Hassan. Sebenarnya, apabila kita lihat ertinya periuk api pembinasanya itu sebenarnya ada dikatakan ertinya ialah periuk api yang direka bentuk supaya meletup dengan kehadiran kedekatan atau sentuhan orang dan yang berupaya untuk menidakupayakan, mencederakan atau membunuh seorang atau lebih. Dan ini tidak termasuk yang akan dengan kehadiran, kedekatan atau sentuhan kenderaan berbanding dengan orang. So, itu dalam laut, mungkin jenis lain. Tetapi ini ialah untuk dipasang di mana manusia silap pijak. Tetapi untuk dilaut kalau dilanggar oleh kapal, itu ialah lain. Mungkin nanti penjelasan ini boleh diberi semasa jawapan oleh menteri. Tetapi bagi tafsiran saya, periuk api pembinasanya ialah yang ditanam di mana anggota manusia boleh pijak atau binatang boleh pijak dan bukan kerana yang dipasang dalam laut. Itu tafsiran saya. Terima kasih.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Terima kasih. Memanglah benar tafsiran itu tetapi saya hendak luaskan sedikit tentang bahaya periuk api ini. Kadang-kadang kerana kita tidak ada persiapan, jadi kita melihat yang kecil, kita lupa yang besar. Jadi saya ingin menarik perhatian kerajaan Malaysia supaya bukan sahaja periuk api pembinasanya ini perlu kita ambil perhatian, periuk-periuk api yang biasanya dipasang di laut yang boleh membahayakan bukan sahaja kapal yang besar tetapi juga nelayan-nelayan, kerana mereka pun manusia juga. Sebagai manusia saya berpendapat periuk api yang dipasang di laut yang boleh mencedera, melukakan dan membunuh manusia, maka saya kira walaupun tafsiran dalam pindaan ini belum sampai ke situ tetapi masa yang akan datang kalau ada pindaan, saya harap supaya tafsiran itu diluaskan hingga kepada periuk api yang dipasang di laut.

Yang kedua, saya juga ingin menarik perhatian tentang yang saya telah sebutkan ke atas Seksyen 8 yang memberikan kuasa kepada menteri. Bagi saya buat sementara waktu ini sebagaimana saya katakan tadi kuasa ini perlu kerana kita masih belum begitu arif sangat dengan perkara-perkara yang berkaitan dengan periuk api ini terutama sekali orang awam. Angkatan tentera mungkin mereka tahu. Oleh kerana orang ramai ataupun orang-orang biasa kalau mereka terkena periuk api yang

dipasang di mana-mana juga tempat ataupun di mana -mana juga kawasan di negara kita ini mungkin mereka tidak tahu. Jadi kalau sekiranya kita tidak memberikan apa-apa kuasa kepada menteri, 100% tidak ada, kita lepaskan menteri dari menggunakan apa-apa kuasa sama ada untuk tujuan pembinaasaan ataupun untuk tujuan kalau periuk api itu didapati atau diketahui oleh orang-orang tertentu, kemudian menteri tidak diberikan apa-apa kuasa, mungkin periuk api itu akan membahayakan kepada mana-mana orang yang menjadi rakyat negara kita ini yang tidak mengenal bahaya periuk api itu. Jadi kuasa-kuasa ini saya rasa pada peringkat ini adalah perlu.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu kita juga perlu mempertingkatkan kemampuan dan kebolehan angkatan tentera kita tentang bagaimana hendak menghapuskan periuk api ini. Kalau sekiranya periuk api itu tidak dibenarkan masuk dan langsung tidak ada di negara kita ini, bagaimana angkatan tentera kita itu mahu membuat latihan-latihan sehingga mereka itu mampu untuk menghapuskan periuk-periuk api yang telah dipasang ataupun telah dimasukkan secara sulit ke negara kita ini.

Jadi dengan yang demikian itu, saya sekali lagi memberikan sokongan yang sepenuhnya buat masa ini terhadap akta yang dibentangkan pada petang ini dan mudah-mudahan jika sekiranya ada pindaan-pindaan yang akan dibuat pada masa-masa yang akan datang setelah kita menguatkuasakannya, ianya akan lebih diperketatkan lagi dan mudah-mudahan juga akan sampai kepada komitmen seratus peratus. Terima kasih. Saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri akan menjawab.

4.48 ptg.

Timbalan Menteri Pertahanan [Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada rakan-rakan Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyertai perbahasan dalam Rang Undang-undang ini dan saya amat gembira bila mendengar ungkapan yang telah dinyatakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Ini memperlihatkan kepada kita walaupun mereka tidak terlibat secara langsung dalam dunia ketenteraan tetapi sedikit sebanyak pengalaman yang ada kepada mereka ini dapat menokok tambah pandangan-pandangan yang baik daripada Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Chin, Yang Berhormat Dato' Aziz dan Yang Berhormat

Hassan dan banyak juga di sepanjang itu meminta sedikit penjelasan. Walaupun demikian, saya sekali lagi mengucapkan jutaan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat kerana memberi sokongan kepada Rang Undang-undang ini.

Yang Berhormat Dato' Dr Chin menyatakan mengapa mesti kita mengimport. Keperluan mengimport adalah bertujuan untuk kegunaan latihan. Kita tidak akan berupaya untuk mengenal pasti tentang teknologi. Mana-mana pihak, mana-mana negara yang mempunyai keupayaan mengeluarkan periuk api ini tanpa adanya bagi kita untuk mengimport kerana dengan keperluan sedikit kelonggaran ini sudah pasti kita boleh mengenal pasti tentang teknologi yang terkini. Kemungkinan periuk api yang ada di negara kita semenjak perang dunia kedua dan sebelum itu sudah pun teknologinya agak luput dan pada hari ini kemungkinan mereka boleh menggunakan teknologi yang baru, yang canggih dan sudah pasti kalau kita tidak mengenal pasti, mendekati diri kita khususnya anggota tentera kita didekati dengan teknologi ini maka agak boleh memudaratkan di masa yang mendatang. Kerana kita faham bahawa negara kita ada ikatan dengan PBB untuk mententeramkan dunia. Kadang-kadang kita hantar ke Bosnia, kadang-kadang kita hantar ke tempat-tempat lain termasuk baru-baru ini kita kena hantar di Zamboanga City. Dan kita kena mengenal pasti keadaan-keadaan seumpama ini agar seperti yang saya nyatakan tadi terus ilmu pengetahuan, teknologi ini dapat didekatkan kepada anggota-anggota tentera kita.

Ahli Yang Berhormat Dato' Dr. Chin juga mempersoalkan kenapa tidak kita gunakan kepakaran sendiri. Memang kita mempunyai kepakaran untuk membuat sendiri, namun kita perlu tahu jenis-jenis teknologi baru dari negara-negara lain. Latihan ini perlu supaya kita boleh mengesan seperti yang saya sebutkan tadi terutama sekali bilamana dalam keadaan kita terlibat dalam latihan-latihan dan juga misi-misi PBB yang mana kadang-kadang kita pun tidak tahu dalam satu-satu peperangan di Bosnia ataupun di Timor Timur mereka menggunakan pelbagai senjata dan tidak bererti bahawa kita tidak dapat mengenalpasti dalam sebelum peperangan itu berlaku apakah senjata yang mereka gunakan dan beranggapan bahawa sebahagian lain daripada senjata yang canggih mereka juga akan menggunakan seperti periuk api ini. Maka dengan itu perlu untuk kita seperti yang saya nyatakan tadi mengadakan latihan bersama dengan negara-negara yang mempunyai tanggungjawab yang dipanggil bersama oleh PBB.

Dato' Dr. Chin juga meminta supaya negara-negara menekan negara-negara lain untuk menjajah. Kita tidak mempunyai kuasa untuk memaksa mana-mana negara yang tidak menjadi ahli. Namun, Malaysia dengan beberapa negara sahabat telah berusaha melalui NGO untuk menekan negara-negara tersebut termasuklah seperti yang disebutkan oleh Dato' Aziz tadi iaitu mendiang Princess Diana dan juga Queen Nur daripada Jordan dan kita berharap ada tokoh-tokoh termasuk Dato' Aziz dan rakan-rakan yang lain untuk menjadi pejuang bukan hanya pihak wanita, saya yakin ahli-ahli Senator kita mempunyai kepakaran pengalaman dalam bidang ini dan menonjolkan diri untuk membela rakyat dunia sejagat supaya keadaan-keadaan yang disebutkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tadi tidak akan wujud pembinaan kepada anak, isteri dan juga manusia yang tidak berdosa.

Ahli Yang Berhormat Dato' Aziz juga menyebut adakah beberapa negara kuasa besar seperti Amerika Syarikat menjadi anggota kepada ahli konvensyen ini. Setakat ini Amerika Syarikat masih belum menjadi ahli, namun sebagai pengeluar mereka telah tidak mengeksport periuk api ini.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, inilah jawapan yang saya tunggu-tunggu. Jadi, ini perkara serius Tuan Yang di-Pertua. Bangsa-bangsa Bersatu dengan 180 ahli, selepas itu perkara semacam ini diabaikan oleh Amerika Syarikat. Apa tugas-tugas negara-negara yang sudah menyetujui ini terhadap Amerika Syarikat. Adakah kita hendak membuat sanction kepada mereka ataupun bagaimana? Kerana peranan kita di PBB saya berpendapat sepatutnya mengutarakan pendapat kumpulan 137 orang ini supaya Amerika Syarikat juga mengambil bahagian. Kalau perkara ini ia tidak mengambil bahagian, Neuclear Ban Treary pun dia tidak ambil bahagian kerana kongresnya ditolak, jadi apa yang dicakup, kosong sahajalah hendak menyelamatkan dunia. Dia cepat-cepat hendak ambil sanction kepada orang. Jadi, saya minta pihak kerajaan kalau ini benar seperti yang dijawab, satu perkara yang amat menye diihkan dan saya rasa kita serah kepada pihak kerajaan.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Aziz, memang saya setuju benar dengan pandangan Dato' Aziz agar kita memberi tekanan kepada pihak PBB khususnya kepada Amerika Syarikat bersama untuk menghapuskan periuk api pembinaan anggota ini.

Walaupun demikian, seperti yang saya nyatakan kuasa kita agak terbatas, tetapi kita akan menggunakan seperti yang kita gunakan dahulu iaitu badan-badan

bebas NGO untuk menekan pihak-pihak tertentu. Dato' Aziz juga bertanya negara-negara yang belum menandatangani Konvensyen ini. Di antara negara-negara yang belum menandatangani untuk makluman Ahli Dewan yang mulia ini iaitu Amerika Syarikat, Israel, Finland, Pakistan, India, Burma, Singapura, China, Vietnam, Korea Utara, Korea Selatan, Russia, Turki, Yugoslavia, Mesir, Iran, Iraq dan Cuba merupakan di antara negara-negara dan ada di antara negara-negara itu adalah negara-negara sejiran dengan kita dan mereka juga kadang-kadang mempunyai hubungan latihan ketenteraan Seperti Dato' Dr. Chin nyatakan tadi boikot supaya tidak ada ketenteraan bersama, latihan bersama dengan negara-negara ini, saya rasa langkah itu agak drastik.

Walaupun demikian, langkah yang telah diambil oleh negara kita untuk membentangkan dan menganggotai konvensyen ini, memperlihatkan betapa serius komitmen kita, walaupun Yang Berhormat juga sebut apakah hukuman, ini memadai yang dibangkitkan oleh Datuk Long di sepanjang Yang Berhormat Dato' Dr. Chin membahaskan tadi.

Walaupun demikian, hukuman itu pada ketika ini kita anggap adalah setimpal dengan keadaan yang ada di negara kita. Kalau sekiranya dipandang bahawa langkah ini untuk menghalang, untuk membanteras keadaan ini tidak berjaya dan perkara-perkara ini belum berleluasa maka kemungkinan besar kita tidak teragak-agak untuk mempertingkatkan hukuman seperti yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi.

Mengenai dengan adakah kawasan yang telah dipasang dengan jerat dahulu oleh anggota-anggota komunis telah dipagar, yang telah dibangkitkan oleh Dato' Aziz juga. Jerat atau periuk api yang dipasang oleh komunis adalah menggunakan sistem dry cell battery atau bobby trap, dengan izin, jenis ini tidak tahan lama kerana baterinya akan rosak khususnya bila kena hujan. Kita tidak berupaya untuk memagarnya kerana kita tidak tahu lokasinya. Namun, pada tahun 1989 setelah perletakan senjata oleh komunis, ATM telah berusaha membersihkannya.

Beliau juga, Yang Berhormat Dato' Aziz telah bertanya apa telah terjadi kepada periuk api yang ada di hutan negara. Kita memang tahu bahawa dalam peperangan dunia kedua dan juga komunis dahulu periuk api-periuk api ada juga mungkin ditanam di beberapa hutan belantara di negara kita, namun demikian semua periuk api tersebut sudah tidak berfungsi dan telah disahkan oleh pakar daripada

ATM. Semua periuk api ini walaupun tidak berfungsi kita akan bersihkan sepenuhnya.

Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz juga bertanya apakah yang telah dilakukan oleh kerajaan terhadap anggota yang cacat akibat daripada periuk api. Kementerian amat prihatin terhadap anggota ATM yang cacat disebabkan periuk api. Antara bantuan diberikan, diberi peluang mengambil kursus di institut dan universiti, sebagai contoh ada yang sampai peringkat Ph.D, diberikan peluang untuk dinaikkan pangkat walaupun cacat dan di antaranya juga apabila tamat perkhidmatan mereka diberi ganjaran lebih baik kerana kurang keupayaan mereka.

Yang Berhormat Tuan Hassan telah bertanya mengenai dengan sea mines atau periuk api di lautan dan perkara ini tidak dikategorikan dalam konvensyen ini sebabnya setiap sea mines dipasang berkehendakkan notis diberikan kepada semua pelaut supaya tidak masuk ke perairan dipasang periuk api. Maka ini tidak termasuk dalam akta seperti yang dibangkitkan tadi oleh Dato' Dr. Chin.

Saya rasa itu sahajalah yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, mana-mana perkara yang saya tidak berkesempatan memperjelaskan, insya-Allah, kita akan buat secara bertulis kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Walaupun demikian, Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyertai perbahasan ini dan memberi sokongan kepada akta ini dan ini adalah merupakan satu langkah yang baik yang telah dilaksanakan oleh negara kita dalam usaha untuk membanteras agar tidak akan berlaku penggunaan dan meletakkan dan membahayakan rakyat negara kita dan juga rakyat sejagat di dunia.

Dengan kata-kata itu sekali lagi saya mengucapkan jutaan terima kasih dan mohon mencadangkan.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Pendahuluan diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 1 hingga 24 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL (PINDAAN) 2000

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.13 ptg.

Timbalan Menteri Pendidikan [Dato' Hon Choon Kim]: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan suatu rang undang-undang yang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Perbadanan Tabung Pendidikan Nasional 1997 dan mengadakan peruntukan bagi fungsi berhubung dengan Perbadanan Tabung Pendidikan Nasional dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan Rang Undang-undang adalah untuk meminda akta Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional 1997 iaitu Akta 566 bagi:

- (i) meluaskan takrif 'institusi pendidikan tinggi' untuk merangkumi politeknik yang ditubuhkan dan disenggarakan oleh Menteri di bawah Akta Pendidikan 1996 iaitu Akta 550 dan juga mana-mana institusi pendidikan tinggi lain yang ditubuhkan atau disifatkan telah ditubuhkan di bawah Akta 550 dan ditentukan oleh Menteri sebagai satu institusi pendidikan tinggi bagi maksud Akta 566. Dengan pindaan ini, Perbadanan akan diberikan kuasa memberi pinjaman pendidikan kepada pelajar-pelajar yang mengikuti program pengajian peringkat diploma di politeknik yang dimaksudkan dan juga pelajar-pelajar yang mengikuti pengajian program diploma atau ijazah di institusi pengajian yang adalah institusi pendidikan tinggi bagi maksud Akta Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional.

- (ii) memberi kuasa tambahan kepada Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional dengan kelulusan Menteri Pendidikan dan persetujuan Menteri Kewangan untuk menyertai perniagaan usahasama dan untuk bekerjasama dengan pelbagai pihak berkuasa dalam perusahaan komersial tertentu; dan
- (iii) memberi kuasa kepada Perbadanan untuk menubuhkan atau menganjurkan penubuhan syarikat di bawah Akta Syarikat 1965 iaitu Akta 125 untuk menjalankan atau melibatkan diri dalam apa-apa aktiviti yang telah dirancangan atau diusahakan oleh Perbadanan.

Tuan Yang di-Pertua, Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional atau ringkasnya PTPTN yang mula berkuat kuasa pada 1 Julai 1997 telah memulakan operasinya 1 November, 1997. Fungsi utama perbadanan ialah untuk menyediakan kemudahan pinjaman pendidikan kepada pelajar-pelajar yang mengikuti program pengajian pada peringkat diploma dan ijazah di institusi pendidikan tinggi tempatan.

Untuk tempoh selama tiga tahun pertama operasinya pelajar-pelajar daripada 11 institusi pendidikan tinggi awam dan 5 institusi pendidikan tinggi swasta mendapat kemudahan pinjaman dari skim pinjaman yang disediakan. Kesemua 16 institusi yang disebutkan itu ditubuhkan di bawah salah satu daripada tiga akta iaitu Akta Universiti dan Kolej Universiti, 1971; Akta Universiti Teknologi MARA, 1976; dan Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta, 1996.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 1998 Majlis Tindakan Ekonomi Negara menyarankan supaya semua pembiayaan yang dibuat secara pinjaman dipusatkan kepada satu agensi sahaja iaitu PTPTN. Ini termasuklah menyediakan pinjaman kepada pelajar-pelajar politeknik yang selama ini di bawah pembiayaan Jabatan Perkhidmatan Awam. Bagaimanapun, PTPTN tidak boleh menyediakan kemudahan pinjaman kepada pelajar-pelajar politeknik oleh kerana kekangan Akta Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional 1997. Politeknik kita ditubuhkan di bawah salah satu daripada tiga akta yang disebutkan lebih awal. Oleh kerana itulah maka satu peruntukan tambahan bagi membolehkan maksud ini dilaksanakan perlu dimasukkan di dalam Akta 566.

Tuan Yang di-Pertua, sukalah saya memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa sehingga pertengahan April 2000 jumlah pelajar yang ditawarkan

pinjaman pendidikan ialah seramai 112,779 orang untuk semua institusi pendidikan tinggi baik awam mahupun swasta.

Pada permulaan operasi tabung ini iaitu pada tahun 1997, seramai 10,852 pelajar telah diberikan pinjaman. Ini meningkat ke 17,638 orang dalam tahun 1998, 84,280 orang dalam tahun 1999. Jumlah pelajar yang ditawarkan pinjaman pendidikan meningkat dengan banyaknya disebabkan antara lain oleh sebab-sebab berikut:

- (i) Mulai tahun 1999, peranan menyediakan pinjaman pendidikan telah dipindahkan daripada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan MARA ke Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional. Berikutan itu mulai sesi akademi 1999 dan 2000, JPA dan MARA tidak lagi menyediakan kemudahan pinjaman kepada pelajar-pelajar baru.
- (ii) Pada tahun 1997 dan 1998, perbadanan tidak menyediakan kemudahan pinjaman kepada pelajar-pelajar yang mengikuti program pada peringkat diploma. Tetapi mulai tahun 1999, pelajar-pelajar diploma mula diberi pinjaman pendidikan.
- (iii) Mulai tahun 1999 juga, dua lagi IPTS telah dimasukkan ke dalam senarai Institut Pendidikan Tinggi yang pelajar-pelajarnya boleh diberi pinjaman pendidikan oleh PTPTN. Dua IPTS tersebut ialah Universiti Tun Abdul Razak atau UNITAR dan Universiti Perubatan Antarabangsa (IMU).

Tuan Yang di-Pertua, membiayai pendidikan tinggi memerlukan peruntukan yang amat besar. Pada masa ini, semua peruntukan bagi maksud pinjaman pendidikan disediakan oleh kerajaan. Bermula dari tarikh ianya beroperasi pada akhir tahun 1997 sehingga penghujung tahun 2000, PTPTN dijangka akan membelanjakan wang sebanyak RM2,203 juta. Untuk membiayai pinjaman pendidikan kepada seramai kira-kira hampir 213,000 pelajar termasuk hampir 100,000 pelajar baru yang akan dibiayai secara pinjaman dalam tahun 2000.

Berdasarkan kepada keperluan dan permintaan dari pelajar yang dijangka akan bertambah, maka PTPTN sudah tentu memerlukan peruntukan yang sentiasa meningkat dari tahun ke tahun. Bagaimanapun, Kementerian Pendidikan menyedari bahawa tidak mungkin kerajaan akan dapat menampung semua keperluan seperti yang

disebutkan. Kerana itu, PTPTN sendiri akan berikhtiar mencari jalan bagi mendapatkan sumber kewangannya sendiri. Selain daripada melancarkan skim simpanan yang telah pun termaktub dalam Akta Perbadanan, PTPTN bercadang untuk melibatkan diri di dalam aktiviti perniagaan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi memenuhi hasrat ini, perbadanan akan melahirkan pelan perniagaannya sendiri bagi mencapai matlamat pada tahap, dengan izin, *self financing* dalam tempoh terdekat. Perbadanan sedar bahawa pihaknya tidak boleh lagi selama-lamanya bergantung kepada peruntukan kewangan daripada kerajaan semata-mata. Jadi, bagi membolehkan perbadanan melibatkan diri secara aktif di dalam bidang perniagaan, maka pindaan terhadap Akta 566 perlulah dibuat.

Tuan Yang di-Pertua, tanpa pindaan terhadap Akta 566, perbadanan tidak mungkin boleh melibatkan diri dalam perniagaan. Dengan itu bermakna matlamat PTPTN untuk membiayai sendiri operasinya tidak akan tercapai dan terpaksa perbadanan bergantung selama-lamanya kepada peruntukan tahunan kerajaan sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya merumuskan mengenai peruntukan-peruntukan penting yang terkandung dalam rang undang-undang ini. Rang Undang-undang Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (Pindaan) 2000 mempunyai tiga fasal.

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas akta yang dicadangkan.

Fasal 2 bertujuan untuk meminda Seksyen 2 Akta 566 dengan meluaskan takrif institusi pendidikan tinggi untuk merangkumi politeknik yang ditubuhkan dan diselenggarakan oleh Menteri di bawah Akta Pendidikan 1996 iaitu Akta 550 dan juga mana-mana institusi pendidikan tinggi lain yang ditubuhkan atau disifatkan telah ditubuhkan di bawah Akta 550 dan yang ditentukan oleh Menteri sebagai satu institusi pendidikan tinggi bagi maksud Akta 566.

Fasal 3 bertujuan untuk memberi kuasa tambahan kepada perbadanan Seksyen baru 15A memberi kuasa kepada perbadanan dengan kelulusan Menteri dan persetujuan Menteri Kewangan untuk menyertai perniagaan usaha sama dan untuk bekerjasama dengan pelbagai pihak berkuasa dalam pengusahaan komersial tertentu. Perbadanan juga diberi kuasa untuk menubuhkan atau menganjurkan penubuhan syarikat di bawah Akta Syarikat 1965 atau Akta 125 untuk menjalankan atau melibatkan diri dalam apa-apa aktiviti yang telah dirancang atau diusahakan oleh perbadanan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Chan Kong Choy]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional 1997 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng.

5.27 ptg.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya memulakan perbincangan pindaan kepada akta ini. Saya sangat mengalu-alukan bahawa kumpulan diploma itu termasuk dalam tabung ini dan mereka juga layak menerima bantuan daripada tabung ini dan tadi apabila saya mendengar huraian-huraian dan juga bilangan pelajar yang telah menikmati kemudahan-kemudahan di dalam skim ini, saya rasa sukacita bahawa sekarang satu lagi kumpulan bolehlah menyertai skim ini.

Dalam sesuatu skim khasnya skim pinjaman, apa yang penting ialah berasaskan kepada permohonan, pada pendapat saya tiap-tiap kena diberi layanan. Mungkin saya akan diberitahu bahawa keupayaan tabung ini tidak dapat melayani setiap permohonan tetapi bagi saya apabila ini merupakan satu pinjaman dalam tabung ini, maka setiap permohonan, oleh kerana apabila sesuatu permohonan itu dibuat, ia berasaskan kepada ketidakupayaan ibu bapa pelajar itu untuk membiayai semua keperluan semasa berada di institusi pengajian tinggi ini. Kalau mereka sudah sanggup, maka mereka tidak akan membuat permohonan ini.

So, satu daripada permintaan saya ialah kementerian yang mengendalikan tabung ini harus...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato', boleh sambung....

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Esok?

Timbalan Yang di-Pertua: Esok pagi ya? Pagi esok.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Majlis ini ditangguhkan sehingga pukul 10.00 pagi esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.

4 Mei 2000

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Haji Mohamed bin Ya'acob, P.S.M., P.M.K., S.P.M.K., Dato' Bentara Kanan, S.M.T., P.G.D.K., D.A. (Dilantik)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Paduka Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.H.M.S., S.I.M.P., D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T. (Dilantik)
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam, P.S.M., P.G.D.K., J.S.M. (Dilantik)
- “ Menteri Pendidikan, Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamed, P.S.M., D.P.M.N., D.P.C.M. (Dilantik)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia (Dilantik)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Dato' Michael Chen Wing Sum (Dilantik)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.P.M.S. (Dilantik)
- “ Tuan Abdillah bin Abdul Rahim (Sarawak)
- “ Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman (Dilantik)
- “ Tuan Haji Abdul Malek bin Haji Abdul Ghani (Perlis)
- “ Tuan Haji Abdul Wahid bin Varthan Syed Ghany (Dilantik)
- “ Dato' Haji Ahmad bin Ismail (Pulau Pinang)
- “ Tuan Haji Bakri bin Haji Ali Mahamad, A.M.N., A.M.K., B.K.M. (Kedah)
- “ Tuan Benedict Bujang Tembak (Sarawak)
- “ Dato' Charern Intachat, D.S.D.K., A.M.N., B.C.K. (Dilantik)
- “ Dr. Charlie Chau-Lap Chang (Dilantik)
- “ Puan Chew Poh Thoi (Dilantik)
- “ Puan Chia Chui Ket (Dilantik)
- “ Dato' Dr. Chin Fook Weng (Pulau Pinang)
- “ Datuk Christina Lorline Tibok @ Christine Vanhouten (Sabah)
- “ Puan Faridah binti Abu Hassan (Dilantik)
- “ Tuan Haji Gapar bin Gurrohu (Dilantik)
- “ Datuk Ghazi @ Hasbullah bin Haji Ramli, D.P.M.S., D.I.M.P. (Selangor)

Yang Berhormat Tuan Hassan bin Haji Shukri (Terengganu)

- “ Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan (Melaka)
- “ Tuan Ho Lim Teck (Melaka)
- “ Puan Hajah Hunaizah binti Mohd. Noor (Kelantan)
- “ Puan Hajah Che Jam binti Haron (Dilantik)
- “ Puan Jamilah binti Ibrahim (Kelantan)
- “ Tuan Jang Chow Thye @ Yio Chow Thye (Dilantik)
- “ Puan Jaya Partiban (Dilantik)
- “ Datuk Joseph Balan Seling (Dilantik)
- “ Datuk Haji Karim Ghani (Sabah)
- “ Tuan Haji Karim bin Salleh (Perlis)
- “ Datuk Haji Kasim bin Mh. Yusop (Dilantik)
- “ Tuan Khoo Lay Hin (Dilantik)
- “ Dato’ Lee Pit Chern (Negeri Sembilan)
- “ Tuan Lim Eng Kok (Dilantik)
- “ Datuk Long bin Jidin (Dilantik)
- “ Tuan Marimuthu a/l Nadeson, A.M.P., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Dato’ Dr. T. Marimuthu (Dilantik)
- “ Dato’ Haji Mazlan bin Abu (Johor)
- “ Puan Hajah Melati binti Ali (Pahang)
- “ Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi, A.M.P., P.P.N., P.J.K. (Perak)
- “ Datuk Nor Azah binti Awin (Dilantik)
- “ Datuk Norjan binti Khan Bahadar (Dilantik)
- “ Puan Nosimah binti Hashim (Dilantik)
- “ Tuan Parasuraman a/l Sanasamy @ Sinnasamy (Kedah)
- “ Dato’ Poo Yew Choy, D.I.M.P., A.M.P. (Pahang)
- “ Puan Hajah Puizah @ Faezah binti Haji Abu Kassim (Dilantik)

Yang Berhormat Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan (Dilantik)

- “ Puan Safinah binti Jusoh (Terengganu)
- “ Puan See Too Mee (Johor)
- “ Puan Siti Hawa @ Karimah binti Mohd. Nor (Dilantik)
- “ Tuan Tan Ek Huat (Perak)
- “ Dato' V.K.K. Teagarajan, D.P.M.S., A.M.N. (Dilantik)
- “ Datuk Tee Thiong Hock, D.S.S.A., S.S.A., A.M.N., P.J.K. (Selangor)
- “ Dato' Ting Check Sii, D.I.M.P. (Dilantik)
- “ To' Puan Wan Seri @ Wan Asiah binti Ahmad (Dilantik)
- “ Datuk William Lau Kung Hui (Dilantik)
- “ Tuan Zainal bin Rampak (Dilantik)
- “ Datuk Zainudin bin Maidin (Dilantik)
- “ Tuan Zakaria bin Arshad (Negeri Sembilan)

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara:
Abdullah bin Abdul Wahab

Ketua Penolong Setiausaha:
Zamani bin Haji Sulaiman
Haji Mustakin bin Selamat
Shahrom bin Haji Hasan

Penolong Setiausaha:
Haji Mustafa bin Abdul Rahman
Ruhana binti Abdullah
Riduan bin Rahmat

BENTARA MESYUARAT
Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali
Mejar (B) Zakaria bin Salleh
Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah

PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN DOKUMENTASI

Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd. Hassan
Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop
Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop
Mohamed bin Osman
Norishah binti Mohd. Thani
Shamsina binti Janor
Ramlah binti Mohd. Yusuff
Jamilah Intan binti Haji Bohari
Khairul Azila binti Haji Khairuddin
Nurziana binti Ismail
Noor Effarizan binti Mat Satib
Taharah binti Mohamed
Nik Elyana binti Ahyat
Mashitah binti Kamaruddin
Abu Bakar bin Hasan

PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN MESIN CETAK

Kamal bin Oyub
Haji Latif bin Ismail
Kamaroddin bin Mohd. Yusof

PAR LIMEN KESEPULUH**PENGGAL KEDUA**

MESYUARAT PERTAMA

Jilid II**Bil. 14****Rabu****10 Mei 2000**

K A N D U N G A N**PENGUMUMAN SETIAUSAHA DEWAN NEGARA:**

Ketiadaan Yang diPertua dan Timbalan Yang diPertua (Halaman 1)

USUL:Memanggil Seorang Ahli Bagi Mempengerusikan Mesyuarat
Di Bawah Peraturan Mesyuarat 6(1) (Halaman 1)**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN** (Halaman
1)**RANG UNDANG-UNDANG:**

- Rang Undang-undang Reka Bentuk Susun Atur Litar Bersepadu 2000 (Halaman 22)
- Rang Undang-undang Reka Bentuk Perindustrian (Pindaan) 2000 (Halaman 34)
- Rang Undang-undang Petunjuk Geografi 2000 (Halaman 36)
- Rang Undang-undang Cap Dagangan (Pindaan) 2000 (Halaman 50)
- Rang Undang-undang Penguatkuasaan Konvensyen Periuk Api
Pembina Anggota 2000 (Halaman 76)
- Rang Undang-undang Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional
(Pindaan) 2000 (Halaman 97)

USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan
Mesyuarat

(Halaman 108)

